**Member of Board Investment Committee**

*Ahli Jawatankuasa Pelaburan*

**Member of Board Governance and Audit Committee**

*Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit*



Encik Suresh Menon was appointed on the Board of CGC on 17 July 2014.

Encik Suresh has close to 35 years of experience in various dynamic sectors such as manufacturing and the international financial and debt markets. His expertise encompasses credit analysis and rating methodology, industry guide and best practices of rating processes, credit report writing, strategic planning and development, corporate and financial analysis, personnel and skills development, operations and production management, and project management and commissioning.

Encik Suresh has played an instrumental role in the setting up of RAM Holdings Berhad (formerly known as Rating Agency Malaysia Berhad). For 18 years, he facilitated numerous services and was on the forefront to ensure the agency reached its pinnacle. He was a Board Member at RAM and a member of its Rating Committee. His last position with RAM was as an Executive Director.

He has also participated in developmental projects with international bodies namely the Asian Development Bank (ADB), APEC Business Advisory Council and the Association of Credit Rating Agencies in Asia (ACRAA). He was the Chairman of the ACRAA Training Committee. He was also a member of the Main Committee of the Malaysian Corporate Governance Index 2009, 2010 and 2011 for the Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Effective from 17 July 2014, Encik Suresh was appointed as the Board Member and Non-Executive Chairman of Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd (CBM), a subsidiary of CGC.

Since 2010, he has been an Independent Capital Market Consultant providing consultancy and training to financial agencies and regulatory authorities in many countries. He is currently a member of the Board of Directors of Pacific Trustees Berhad.

Encik Suresh graduated from the University of Madras with a Bachelor of Technology, majoring in Chemical Engineering in 1979. He obtained his Masters in Business Management from the Asian Institute of Management in Philippines in 1985.

*Encik Suresh Menon telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah CGC pada 17 Julai 2014.*

*Encik Suresh mempunyai hampir 35 tahun pengalaman dalam pelbagai sektor yang dinamik seperti sektor pembuatan dan pasaran kewangan dan hutang antarabangsa. Kepakaran beliau merangkumi analisa kredit dan metodologi penarafan, panduan industri dan amalan terbaik proses penarafan, penulisan laporan kredit, perancangan strategik dan pembangunan, analisa korporat dan kewangan, kemahiran dan pembangunan pekerja, pengurusan pengeluaran dan operasi, dan pentauliahan dan pengurusan projek.*

*Encik Suresh adalah pelopor dalam penubuhan RAM Holdings Berhad (sebelum ini dikenali sebagai Rating Agency Malaysia Berhad). Beliau mempunyai pengalaman selama 18 tahun dalam menerajui agensi tersebut sehingga agensi tersebut berjaya mencapai kemuncaknya. Beliau adalah ahli Lembaga Pengarah di RAM dan juga merupakan ahli Jawatankuasa Penilaian di RAM. Jawatan terakhir beliau dengan RAM adalah sebagai Pengarah Eksekutif.*

*Selain daripada itu, beliau juga telah terlibat dalam pelbagai projek pembangunan dengan badan-badan antarabangsa seperti Bank Pembangunan Asia ('ADB'), Majlis Penasihat Perniagaan APEC dan Persatuan Agensi Penarafan Kredit di Asia ('ACRAA'). Beliau juga adalah Pengerusi Jawatankuasa Latihan ACRAA. Beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Utama Indeks Tadbir Urus Korporat Malaysia 2009, 2010 dan 2011 untuk Pemerhati Pemegang Saham Minoriti ('MSWG').*

*Pada 17 Julai 2014, Encik Suresh telah dilantik sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd (CBM), sebuah anak syarikat milik CGC.*

*Sejak 2010, beliau merupakan seorang Perunding Pasaran Modal Bebas dan beliau menawarkan khidmat perundingan dan latihan kepada agensi-agensi kewangan dan pihak berkuasa di pelbagai negara. Beliau kini adalah Ahli Lembaga Pengarah Pacific Trustees Berhad.*

*Encik Suresh berkelulusan Sarjana Muda Teknologi dalam jurusan Kejuruteraan Kimia daripada University of Madras pada tahun 1979. Beliau juga mempunyai Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan daripada Institut Pengurusan Asia di Filipina pada tahun 1985.*



**ENCIK ONG ENG BIN**

Non-Executive Director | Pengarah Bukan Eksekutif

**Member of Board Governance and Audit Committee**  
Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit

**Member of Board Nomination and Remuneration Committee**  
Ahli Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan

Encik Ong Eng Bin was appointed on the Board of CGC on 14 October 2014.

He was appointed as the Chief Executive Officer of OCBC Bank Malaysia Berhad in August 2014. Apart from his role in OCBC Bank, Encik Ong Eng Bin is also a Council Member of Asian Institute of Chartered Bankers and the Association of Banks in Malaysia.

Encik Ong Eng Bin serves as a Chairman at Pac Lease Sdn Bhd and Non-Executive Director at Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd (CBM).

He brings with him vast experience in the area of corporate banking. His career in corporate banking that spans 27 years started at OCBC Bank in 1988. He was appointed as Head of Corporate Banking in 2004, and later promoted to Head of Business Banking in 2012, with responsibilities covering corporate and commercial, emerging business and transaction banking.

Encik Ong Eng Bin holds a Bachelor's Degree in Accounting & Finance from the University of Manchester, United Kingdom.

*Encik Ong Eng Bin telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah CGC pada 14 Oktober 2014.*

*Beliau telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif OCBC Bank Malaysia Berhad pada bulan Ogos 2014. Selain dari peranan beliau bersama OCBC Bank, Encik Ong Eng Bin juga merupakan Ahli Majlis Asian Institute of Chartered Bankers dan Association of Banks di Malaysia.*

*Terkini, Encik Ong Eng Bin merupakan Pengerusi Pac Lease Sdn Bhd dan Pengarah Bukan Eksekutif di Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd (CBM).*

*Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang perbankan korporat. Kerjaya beliau selama 27 tahun dalam bidang perbankan korporat bermula di OCBC Bank pada tahun 1988. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Perbankan Korporat pada tahun 2004, dan kemudiannya dinaikkan pangkat menjadi Ketua Perbankan Perniagaan pada tahun 2012, dan bertanggungjawab atas pembangunan korporat dan komersil, perniagaan yang baru diperkenalkan dan transaksi perbankan.*

*Encik Ong Eng Bin adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan & Kewangan dari Universiti Manchester, United Kingdom.*



# MANAGEMENT TEAM

AHLI PENGURUSAN







From left

Dari kiri

**Mohd Zamree Mohd Ishak**

President/Chief Executive Officer  
*Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif*

**Kristine Ng Wei Miem**

Executive Vice President,  
Business Development  
*Naib Presiden Eksekutif,  
Pembangunan Perniagaan*

**Abdul Talib Dewa**

Executive Vice President, Credit  
*Naib Presiden Eksekutif, Kredit*

**Mohd Sukeri Ismail**

Senior Vice President, Credit  
*Naib Presiden Kanan, Kredit*

**Perbagaran Kuppusamy**

Chief Risk Officer  
*Ketua Pegawai Risiko*

**Mohamed Azman**

**Mohamed Taufik**  
Senior Vice President, Product  
& Bumiputera Development  
*Naib Presiden Kanan, Produk  
& Pembangunan Bumiputera*

**Wong Keet Loong**

Senior Vice President,  
Marketing and Sales  
*Naib Presiden Kanan,  
Pemasaran dan Jualan*

**Daeng Hafez Arafat Zuhud**

Vice President, Legal &  
Company Secretarial  
*Naib Presiden, Perundangan &  
Kesetiausahaan Syarikat*



From left

Dari kiri

**Nazleena Nordin**

Executive Vice President, Corporate Support  
*Naib Presiden Eksekutif, Sokongan Korporat*

**Gayah Hj Mohd Nordin**

Financial Controller  
*Pengawal Kewangan*

**Komathi Lalitha Veeriah**

Senior Vice President, Corporate Services  
*Naib Presiden Kanan, Perkhidmatan Korporat*

**Noraishah Jamaludin**

Chief Internal Auditor  
*Ketua Juruaudit Dalam*

**Raudzah Mohd Majzub**

Senior Vice President, Asset Management  
*Naib Presiden Kanan, Pengurusan Aset*



# MANAGEMENT TEAM PROFILE

## PROFIL AHLI PENGURUSAN



### MOHD ZAMREE MOHD ISHAK

**President/Chief Executive Officer**  
*Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif*

Mohd Zamree Mohd Ishak was appointed as CGC's President and Chief Executive Officer on 1 January, 2015.

Zamree brings with him vast experience in the areas of corporate and consumer banking as well as Islamic finance education. He began his career with Malayan Banking Berhad (Maybank) in 1989. He held two senior positions in Maybank, namely Vice President, Consumer Banking (Jan 2005 - Jan 2008) and Executive Vice President, Corporate Banking (Jan 2008 - July 2009).

Zamree also served as the Chief Operations Officer of International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF), The Global University of Islamic Finance from July 2009 until his latest appointment with CGC. Apart from his role in INCEIF, Zamree is also a member of The Association of Chartered Islamic Finance Professionals (ACIFP).

He holds a Master's Degree in Business Administration - MBA (Finance) from the University of Hull, United Kingdom and a Bachelor of Science in Business Administration (BSBA) from the Saint Louis University, St. Louis, Missouri, United States of America.

*Mohd Zamree Mohd Ishak dilantik sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif CGC pada 1 Januari 2015.*

*Zamree berpengalaman luas dalam bidang perbankan korporat dan pengguna serta pendidikan kewangan Islam. Beliau memulakan kerjaya dengan Malayan Banking Berhad (Maybank) pada tahun 1989. Beliau telah memegang dua jawatan kanan di Maybank iaitu Naib Presiden, Perbankan Pengguna (Jan 2005 - Jan 2008) dan Naib Presiden Eksekutif, Perbankan Korporat (Jan 2008 - Julai 2009).*

*Zamree juga telah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Operasi Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa ('INCEIF'), Universiti Global Kewangan Islam dari Julai 2009 sehingga perantukan terbarunya di CGC. Selain daripada peranannya dalam INCEIF, Zamree adalah juga ahli The Association of Chartered Islamic Finance Professionals (ACIFP).*

*Beliau mempunyai Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari University of Hull, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Pentadbiran Perniagaan (BSBA) dari Saint Louis University, St. Louis, Missouri, Amerika Syarikat.*





#### NAZLEENA NORDIN

**Executive Vice President, Corporate Support**

*Naib Presiden Eksekutif, Sokongan Korporat*



Nazleena Nordin is the Executive Vice President, Corporate Support, overseeing the management and overall performance of asset management and corporate support.

In 2002, she joined CGC as the Assistant General Manager, Organisations and Methods. In 2007, she was assigned as the Assistant General Manager of Corporate Planning and subsequently, was promoted to General Manager of Corporate Services in 2011.

Prior to CGC, she was a Systems Engineer at a multinational technology and consulting corporation, supporting the finance industry from 1988 to 1994. She was also a Senior Manager at one of Malaysia's largest financial services group from 1994 to 2001.

She is a Chemical Engineer by profession, with a Bachelor of Engineering (Chemical) degree from the University of Adelaide, South Australia, and had worked with an Australian petroleum company soon after.

*Nazleena Nordin adalah Naib Presiden Eksekutif, Sokongan Korporat yang mengawasi pengurusan dan prestasi keseluruhan pengurusan aset dan sokongan korporat.*

*Beliau menyertai CGC sebagai Penolong Pengurus Besar, Organisasi dan Kaedah pada tahun 2002. Pada tahun 2007, beliau telah ditugaskan sebagai Penolong Pengurus Besar Perancangan Korporat dan kemudiannya, telah dinaikkan pangkat kepada Pengurus Besar Perkhidmatan Korporat pada tahun 2011.*

*Sebelum menyertai CGC, beliau adalah seorang Jurutera Sistem di sebuah syarikat teknologi multinasional syarikat perunding yang menyokong Industri Kewangan 1988-1994. Beliau juga adalah Pengurus Kanan di salah sebuah kumpulan perkhidmatan kewangan terbesar dari tahun 1994 hingga 2001.*

*Beliau adalah seorang Jurutera Kimia melalui profesion, memegang Sarjana Muda Kejuruteraan (Kimia) dari University of Adelaide, Australia Selatan, dan telah bekerja dengan sebuah syarikat petroleum Australia sejeurus kemudian.*



Abdul Talib Dewa is the Executive Vice President, Credit, overseeing credit business operation which includes Credit Evaluation, Direct Lending/Securitisation and Loan Administration.

Abdul Talib joined CGC as the Assistant General Manager, Credit in February 2010. In February 2012, he was assigned as Assistant General Manager of Asset Management, and subsequently in September 2014, he was promoted to Senior Vice President, Asset Management.

He has 22 years of banking experience in the field of credit management, commercial and corporate banking. He has worked in various banking institutions namely UMBC Bank, Bank Utama Berhad and RHB Islamic Bank Berhad.

He earned his Bachelor of Economics degree from University Utara Malaysia (UUM) in 1988.

*Abdul Talib Dewa, Naib Presiden Eksekutif, Kredit, menyelia operasi perniagaan kredit yang merangkumi Penilaian Kredit, Pembiayaan Terus/Pensekuritian dan Pentadbiran Pinjaman.*

*Abdul Talib menyertai CGC sebagai Penolong Pengurus Besar, Kredit pada bulan Februari 2010. Pada bulan Februari 2012, beliau telah ditugaskan sebagai Penolong Pengurus Besar Pengurusan Harta, dan kemudiannya pada bulan September 2014, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Naib Presiden Kanan, Pengurusan Harta.*

*Beliau mempunyai 22 tahun dalam bidang perbankan dalam bidang pengurusan kredit, komersil dan perbankan korporat. Beliau telah bekerja dalam pelbagai institusi perbankan iaitu UMBC Bank, Bank Utama Berhad dan RHB Islamic Bank Berhad.*

*Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Utara Malaysia (UUM) pada tahun 1988.*



#### ABDUL TALIB DEWA

**Executive Vice President, Credit**  
Naib Presiden Eksekutif, Kredit



#### KRISTINE NG WEI MIEM

**Executive Vice President, Business Development**  
*Naib Presiden Eksekutif, Pembangunan Perniagaan*



Kristine Ng Wei Miem is the Executive Vice President, Business Development, overseeing the overall supervision of development and implementation of business and marketing strategies. She also leads the development of the client management model and manages CGC's distribution network i.e. the branches.

She joined CGC in July 2010 as an Assistant General Manager, Business Development and in January 2014, she was promoted to her current position as Executive Vice President, Business Development.

She has over 19 years of experience in strategic sales and marketing, accumulated via key positions both at local and regional level in a few leading MNCs as well as in an international banking institution. Her core competency and areas of expertise are in sales, marketing, product management and channel development as well as project management.

Prior to joining CGC, Kristine held the position of Vice President, Cards Marketing Acquisition at one of the largest global bank. She earned her Bachelor of Arts (Hons) degree from University Kebangsaan Malaysia and was a recipient of the University Book Prize in her year of graduation.

*Kristine Ng Wei Miem ialah Naib Presiden Eksekutif Pembangunan Perniagaan, yang menyelia pembangunan dan pelaksanaan strategi perniagaan dan pemasaran. Beliau juga menerajui pembangunan model pengurusan pelanggan serta pengurusan rangkaian cawangan CGC.*

*Beliau menyertai CGC sebagai Penolong Pengurus Besar, Pembangunan Perniagaan pada Julai 2010. Pada bulan Januari 2014, beliau telah dinaikkan pangkat kepada Naib Presiden Eksekutif, Pembangunan Perniagaan.*

*Beliau mempunyai pengalaman dalam bidang jualan dan pemasaran strategik melebihi 19 tahun melalui jawatan yang pernah disandang di beberapa syarikat MNC serta sebuah institusi kewangan antarabangsa di dalam negara mahupun di peringkat serantau. Kecekapan dan kepakaran asas beliau adalah dalam bidang penjualan, pemasaran, pengurusan produk, pembangunan saluran serta pengurusan projek.*

*Sebelum menyertai CGC, Kristine memegang jawatan Naib Presiden, Pemasaran Perolehan Kad di salah sebuah bank global terbesar. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan merupakan penerima Anugerah Buku Universiti pada tahun graduasi beliau.*

Gayah Hj Mohd Nordin is the Financial Controller responsible for financial and investment functions of CGC. In March 1994, she joined CGC as a Finance Manager. In 2000, she was appointed as the Company Secretary and subsequently, promoted to Senior Manager and Assistant General Manager of Corporate Services in 2002 and 2011, respectively.

Prior to joining CGC, she was a Senior Auditor at Messrs BSG Valentine, which is a firm of Chartered Accountants in London from February 1988 to February 1993. She had also worked at the Department of Corporate Finance in Amanah Merchant Bank Berhad from May 1993 to February 1994.

She is a Chartered Accountant by profession, having qualified as Chartered Accountant under the ACCA.

Gayah Hj Mohd Nordin adalah Pengawal Kewangan yang mengawasi fungsi kewangan dan pelaburan CGC. Beliau menyertai CGC sebagai Pengurus Kewangan pada Mac 1994. Pada tahun 2000, beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Syarikat dan kemudiannya, dinaikkan pangkat ke Pengurus Kanan dan Penolong Pengurus Besar Perkhidmatan Korporat masing-masing pada tahun 2002 dan 2011.

Sebelum menyertai CGC, beliau adalah seorang Juruaudit Kanan di Messrs BSG Valentine, yang merupakan firma Akauntan Bertauliah di London dari Februari 1988 hingga Februari 1993. Beliau juga pernah bekerja di Jabatan Pembiayaan Korporat di Amanah Merchant Bank Berhad dari bulan Mei 1993 hingga Februari 1994.

Beliau merupakan Akauntan Bertauliah, setelah lulus sebagai Akauntan Berkanun di bawah ACCA.



**GAYAH HJ MOHD NORDIN**

**Financial Controller**  
Pengawal Kewangan



#### MOHD SUKERI ISMAIL

Senior Vice President, Credit  
Naib Presiden Kanan, Kredit



Mohd Sukeri Ismail is the Senior Vice President, Credit with a focus on Credit Evaluation, Direct Lending/ Securitisation and Loan Administration Departments.

He has been with CGC for the last 19 years. He was attached to a financial institution for six years prior to joining CGC in 1996.

He holds a Bachelor of Science in Business Administration majoring in Finance from Creighton University, United States and a Diploma in Associates of General Studies from Indiana University.

Mohd Sukeri Ismail adalah Naib Presiden Kanan, Kredit yang menyelia operasi perniagaan kredit dalam Penilaian Kredit, Pinjaman Terus/Pensekuritian dan Jabatan Pentadbiran Pinjaman.

Beliau telah berkhidmat dengan CGC sejak 19 tahun yang lepas. Sebelum menyertai CGC, beliau bekerja untuk sebuah institusi kewangan selama enam tahun.

Sukeri memegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Pentadbiran Perniagaan dalam bidang Kewangan dari Universiti Creighton, Amerika Syarikat dan mempunyai kelayakan Diploma Pengajian Am dari Indiana University.



Komathi Lalitha Veeriah is the Senior Vice President of Corporate Services. She started her career at CGC in 1994 and has worked at the business development, product development, marketing, risk management, and corporate and strategic planning departments before being promoted to her current position in April 2014.

Lalitha has played a contributory role in setting up the Risk Management Department and the Strategic Planning & Research Department. She was also instrumental in the formation of the SME Equity Fund as well as the first SME Synthetic Securitisation business arrangement in Malaysia.

Her current position of Senior Vice President, Corporate Services, entails the overseeing of three departments, namely Strategic Planning & Research, Human Capital and Corporate Communications.

Lalitha attained her Masters in Business Administration from the Dublin Metropolitan University, Ireland, in 2003, and holds a Bachelor of Economics, with a major in Statistics from Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

*Komathi Lalitha Veeriah adalah Naib Presiden Kanan, Perkhidmatan Korporat. Beliau telah memulakan kerjayanya di CGC pada tahun 1994 dan telah berkhidmat di Jabatan Pembangunan Perniagaan, Pembangunan Produk, Pemasaran, Pengurusan Risiko serta Perancangan Korporat dan Strategik sebelum dinaikkan pangkat ke jawatan sekarang pada April 2014.*

*Lalitha telah memainkan peranan dalam menubuhkan Jabatan Pengurusan Risiko dan Jabatan Perancangan & Penyelidikan Strategik. Selain itu, beliau juga memainkan peranan penting dalam pembentukan Dana Ekuiti PKS serta menguruskan Pensekuritian Sintetik PKS yang pertama di Malaysia.*

*Menyandang jawatan sebagai Naib Presiden Kanan, Perkhidmatan Korporat, beliau menyelia tiga jabatan iaitu Jabatan Perancangan & Penyelidikan Strategik, Modal Insan dan Komunikasi Korporat.*

*Lalitha memperolehi Sarjana Pengurusan Perniagaan daripada Dublin Metropolitan University di Ireland pada tahun 2003 dan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Statistik) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.*



### KOMATHI LALITHA VEERIAH

Senior Vice President, Corporate Services  
Naib Presiden Kanan, Perkhidmatan Korporat



#### PERBAGARAN KUPPUSAMY

**Chief Risk Officer**  
Ketua Pegawai Risiko



Perbagaran is the Chief Risk Officer ensuring risks relating to credit, market, operational, asset liability and liquidity of CGC are identified, assessed, managed, monitored and reported to the senior management and the Board.

He joined CGC in August 2005 as the Head of Internal Audit. In March 2008, he was promoted to Senior Manager of Asset Management, in charge of Loan Monitoring and Rehabilitation, Claims and Subrogation & Recovery. In January 2012, he was promoted to Assistant General Manager.

He holds a Bachelor in Accounting from University Utara Malaysia. He is a Chartered Accountant (Malaysia), a Certified Internal Auditor (CIA) as well as an Associate Member of the Institute of Internal Auditors Malaysia and Malaysian Institute of Accountants. He also holds an Advance Credit Enhancer (ACE) qualification.

*Perbagaran adalah Ketua Pegawai Risiko yang memastikan risiko berkaitan dengan kredit, pasaran, operasi, aset liabiliti dan risiko mudah tunai CGC dikenal pasti, dinilai, diurus, dipantau dan dilaporkan kepada pengurusan kanan dan Lembaga Pengarah.*

*Beliau menyertai CGC pada Ogos 2005 sebagai Ketua Audit Dalam. Pada bulan Mac 2008, beliau telah dinaikkan pangkat kepada Pengurus Kanan Pengurusan Aset untuk mengawasi Pemantauan Pinjaman dan Pemulihan, Tuntutan dan Subrogasi & Pemulihan. Kemudian, pada Januari 2012 beliau telah dinaikkan pangkat kepada Penolong Pengurus Besar.*

*Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Utara Malaysia. Beliau adalah seorang Akauntan Bertauliah (Malaysia), seorang Juruaudit Dalaman Bertauliah (CIA) dan juga ahli bersekutu Institut Juruaudit Dalaman Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia. Beliau juga memiliki kelayakan Advance Credit Enhancer (ACE).*

Noraishah Jamaludin is the Chief Internal Auditor and her primary role is to assist the Board, Board Governance and Audit Committee and Management in the effective discharge of their responsibilities in establishing cost effective controls, assessing risks, recommending measures to mitigate those risks and assuring proper governance process.


She joined CGC in December 2006 as the Assistant Manager of Internal Audit. In August 2013, she was promoted to Chief Internal Auditor. She has several years of experience working with financial institutions in the field of audit, credit, collections, operations and branch management.

She holds a Bachelor of Economics (Accounting) from The Flinders University of South Australia. She holds an Advance Credit Enhancer (ACE) qualification and she is also an Associate Member of the Institute of Internal Auditors Malaysia.

*Noraishah Jamaludin merupakan Ketua Juruaudit Dalam dan peranan utama beliau adalah untuk membantu Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Tadbir Urus dan Audit dan Pihak Pengurusan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka dalam mewujudkan kawalan kos yang berkesan, menilai risiko, mengesyorkan langkah-langkah untuk mengurangkan risiko dan memastikan proses tadbir urus yang betul.*

*Beliau menyertai CGC pada Disember 2006 sebagai Penolong Pengurus Audit Dalam. Pada bulan Ogos 2013, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Ketua Juruaudit Dalam. Beliau mempunyai beberapa tahun pengalaman bekerja dengan institusi kewangan dalam bidang audit, kredit, koleksi, operasi dan pengurusan cawangan.*

*Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Perakaunan) dari The Flinders University of South Australia. Beliau juga mempunyai kelayakan Advance Credit Enhancer (ACE) dan Ahli Bersekutu Institut Juruaudit Dalam Malaysia.*



**NORAISHAH JAMALUDIN**

**Chief Internal Auditor**  
Ketua Juruaudit Dalam



#### RAUDZAH MOHD MAZJUB

**Senior Vice President, Asset Management**

*Naib Presiden Kanan, Pengurusan Aset*



Raudzah Mohd Mazjub joined CGC as a Senior Vice President, Asset Management in February 2015. She oversees Loan Monitoring and Rehabilitation, Claims, and Subrogation & Recovery departments.

She has over 32 years of working experience in the financial industry and has had leadership roles in lending, credit risk, asset quality, credit supervision, credit administration, recovery and internal audit.

Raudzah attained her Masters in Business Administration (Finance) from the American University of Hawaii, United States of America, and a Bachelor's Degree in Business Administration (Finance), from the Eastern Michigan University (EMU), United States of America.

She is an associate member of the Asian Institute of Chartered Bankers and a member of the Institute of Internal Auditors, Malaysia.

*Raudzah Mohd Mazjub menyertai CGC sebagai Naib Presiden Kanan, Pengurusan Aset pada bulan Februari 2015. Beliau menyelia Jabatan Pemantauan Pinjaman dan Pemulihan, Tuntutan, dan Subrogasi & Pemulihan.*

*Beliau mempunyai lebih 32 tahun pengalaman bekerja dalam industri kewangan dan mempunyai peranan kepimpinan dalam pemberian pinjaman, risiko kredit, kualiti aset, pengawasan kredit, pentadbiran kredit, pemulihan dan audit dalaman.*

*Raudzah memegang Sarjana dalam bidang Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Amerika Hawaii, Amerika Syarikat, dan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), dari Eastern Michigan University (EMU), Amerika Syarikat.*

*Beliau merupakan ahli Institut Bank-Bank Bersekutu Asia dan ahli Institut Juruaudit Dalaman, Malaysia.*



Mohamed Azman Mohamed Taufik joined CGC as a Senior Vice President, Product & Bumiputera Development in February 2015. He oversees Bumiputera Development, Product Development & Support and Client Service Centre.

He has over 23 years of experience working in the banking and financial sectors both in Malaysia and Indonesia. Prior to joining CGC, he held the post of Associate Director and Branch Manager at The Bank of Nova Scotia Berhad.

Mohamed Azman attained his Bachelor of Management Studies from the University of Waikato, New Zealand in 1990, and he is a Certified Credit Practitioner since 2002.

*Mohamed Azman Mohamed Taufik menyertai CGC sebagai Naib Presiden Kanan, Produk dan Pembangunan Bumiputera pada Februari 2015. Beliau menyelia Pembangunan Bumiputera, Pembangunan Produk dan Sokongan serta Pusat Perkhidmatan Pelanggan.*

*Beliau mempunyai lebih 23 tahun pengalaman dalam sektor perbankan dan kewangan di Malaysia dan Indonesia. Sebelum menyertai CGC, beliau memegang jawatan sebagai Pengarah Bersekutu dan Pengurus Cawangan di The Bank of Nova Scotia Berhad.*

*Mohamed Azman memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Pengurusan dari Universiti Waikato, New Zealand pada tahun 1990, dan beliau merupakan Pengamal Kredit Bertauliah sejak tahun 2002.*



### MOHAMED AZMAN MOHAMED TAUFIK

**Senior Vice President,  
Product & Bumiputera Development**  
*Naib Presiden Kanan,  
Produk & Pembangunan Bumiputera*



#### WONG KEET LOONG

**Senior Vice President, Marketing & Sales**  
*Naib Presiden Kanan, Pemasaran & Jualan*



Wong Keet Loong joined CGC as the Senior Vice President, Marketing & Sales in April 2015. He oversees Marketing & Business Development and Branch Performance.

He has over 20 years of experience in the financial industry having worked for Ambank, OCBC Bank, EON Bank, and Hong Leong Bank. He started his career in audit before he ventured into marketing and sales in business and consumer banking. He has vast experience as a Branch Manager and thereafter as a Regional Head responsible for over 14 branches within the Klang Valley in sales and operations.

Following the merger of Hong Leong Bank and EON Bank, he was appointed as the Head of Resource Planning and Development, working very closely with the Chief Operations Officer at Head Office level. One of his major projects was the integration of the bank merger in areas of branch resource planning, branch rationalisation, process improvement and business change management.

He is an accountant by profession and a member of the Association of Chartered Certified Accountants (ACCA).

Wong Keet Loong menyertai CGC sebagai Naib Presiden Kanan, Pemasaran & Jualan pada April 2015. Beliau menyelia Pemasaran & Pembangunan Perniagaan dan Prestasi Cawangan.

Beliau mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam industri kewangan setelah bekerja untuk Ambank, OCBC Bank, EON Bank dan Hong Leong Bank. Beliau memulakan kerjaya dalam bidang audit sebelum menceburi bidang pemasaran dan jualan dalam perbankan pengguna. Beliau mempunyai pengalaman luas sebagai Pengurus Cawangan dan sebagai Ketua Serantau bertanggungjawab menyelia lebih daripada 14 cawangan di sekitar Lembah Klang dalam bidang penjualan dan operasi.

Selepas penggabungan Hong Leong Bank dan Eon Bank, beliau dilantik sebagai Ketua Perancangan dan Pembangunan Sumber, bekerjasama rapat dengan Ketua Pegawai Operasi di ibu pejabat. Salah satu projek utama beliau merupakan integrasi penggabungan bank di dalam bidang perancangan sumber cawangan, rasionalisasi cawangan, penambahbaikan proses dan pengurusan perubahan perniagaan.

Beliau adalah seorang akauntan melalui profesion, dan merupakan Ahli Gabungan Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA).

Daeng Hafez Arafat Zuhud is the Vice President, Legal & Company Secretarial overseeing legal, company secretarial and corporate governance functions.

He joined CGC as Head of Legal and Company Secretarial Department in May 2015. He holds an LL.B (Honours) Degree from International Islamic University Malaysia (IIUM) and admitted as an Advocate and Solicitor of the High Court of Malaya on 18 March 1995. He is licensed as Company Secretary by the Companies Commission of Malaysia since 1998.

He was the legal officer, executive and manager, working in the field of corporate legal and secretarial department for a few private and listed companies in Malaysia. His last position prior to joining CGC was as an Assistant Vice President, Group Corporate Secretarial at Malayan Banking Berhad. He was also the past Company Secretary of Maybank Asset Management Group of Companies and Maybank (Cambodia) Plc. He has experience in human resource, company secretarial and legal practice.

Daeng Hafez Arafat Zuhud adalah Naib Presiden, Perundangan & Kesetiausahaan Syarikat yang menyelia perundangan, kesetiausahaan syarikat dan tadbir urus korporat.

Beliau menyertai CGC sebagai Ketua Jabatan Perundangan dan Kesetiausahaan Syarikat pada Mei 2015. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan telah diterima masuk sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada 18 Mac 1995. Beliau dilesenkan sebagai Setiausaha Syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia sejak tahun 1998.

Beliau merupakan pegawai, eksekutif dan pengurus perundangan yang bekerja di bidang perundangan dan kesetiausahaan korporat untuk beberapa syarikat swasta dan disenarai di Malaysia. Jawatan terakhir beliau sebelum menyertai CGC adalah sebagai Penolong Naib Presiden, Kesetiausahaan Korporat Kumpulan di Malayan Banking Berhad. Beliau adalah juga bekas Setiausaha Syarikat Kumpulan Syarikat Maybank Asset Management dan Maybank (Cambodia) Plc. Beliau mempunyai pengalaman dalam pengurusan sumber manusia, kesetiausahaan syarikat dan amalan perundangan.



### DAENG HAFEZ ARAFAT ZUHUD

**Vice President, Legal & Company Secretarial**  
Naib Presiden, Perundangan & Kesetiausahaan Syarikat





## Expanding Outreach, Enabling Access

### *Memperluas Jangkauan, Menyediakan Akses*

Focusing on our development role serving the underserved SME segment, we do what it takes to ensure potentially viable SMEs are able to build their foundations by providing them access to much needed financing.

*Dengan memberi tumpuan kepada peranan pembangunan dalam memberi khidmat kepada segmen PKS yang kurang mendapat perhatian, kami melakukan apa yang diperlukan untuk memastikan PKS yang berdaya maju mampu membina asas mereka dengan menyediakan akses kepada pembiayaan yang amat diperlukan.*







# CORPORATE GOVERNANCE

TADBIR URUS KORPORAT

---



**The entrepreneur always searches for change, responds to it, and exploits it as an opportunity.”**

**Peter Ferdinand Drucker**

(1909-2005)

Writer



# STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

### INTRODUCTION | PENGENALAN

The Board Members of Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) are committed in achieving the highest standards of business integrity, ethics and professionalism across the Corporation's activities. The Board strives to adopt the full compliance of the Companies Act 1965 and the corporate governance principles under the Malaysian Code on Corporate Governance 2012 in order to ensure that the business and affairs of the Corporation are conducted and managed towards enhancing business prosperity and corporate accountability with the ultimate objective of realising long-term shareholder value, whilst taking into account the interests of other stakeholders are enhanced and safeguarded at all times with the highest degree of accountability and transparency.

Ahli Lembaga Pengarah Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) komited untuk mencapai standard perniagaan integriti tertinggi, beretika dan profesional dalam menzahirkan semua aktiviti Perbadanan. Lembaga Pengarah komited untuk mematuhi peruntukan-peruntukan di dalam Akta Syarikat 1965 dan prinsip-prinsip tadbir urus dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 bagi memastikan perniagaan dan hal ehwal Perbadanan dikendalikan dan diuruskan ke arah meningkatkan kemakmuran perniagaan dan kebertanggungjawaban korporat dengan objektif utama untuk merealisasikan nilai jangka panjang pemegang saham di samping mengambilkira kepentingan lain-lain pihak berkepentingan dipertingkatkan dan dijaga pada setiap masa dengan kebertanggungjawaban dan ketelusan yang tinggi.

### BOARD COMPOSITION

CGC Board currently comprises eight (8) members, of whom all are Non-Executive Directors. The Board consists of individuals who have diverse skills, knowledge, experience and expertise that combine to provide different perspectives and effective board dynamics. Board Members currently have expertise and experience in areas of investment and banking, insurance, administration, finance, accounting, credit analysis and rating, information technology and business.

In 2014, there were few retirements, resignation and appointments of Directors. Three (3) Directors had retired in 25 June 2014, namely Y. Bhg. Dato' Mohd Hanif Sher Mohamad, Y. Bhg. Datuk P. Kasi and Encik Md. Yusof Hussin, whilst Y. Bhg. Datuk Zaiton Mohd Hassan had resigned on 30 September 2014.

### KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH

Terkini, Lembaga Pengarah CGC terdiri daripada lapan (8) ahli Lembaga Pengarah, yang mana kesemuanya adalah Pengarah Bukan Eksekutif. Lembaga Pengarah terdiri daripada individu-individu yang mempunyai pelbagai kemahiran, pengetahuan, pengalaman dan kepakaran, bergabung untuk memberikan pendapat dari pelbagai perspektif yang berbeza. Gabungan sebegini membentuk Lembaga Pengarah yang dinamik dan lebih berkesan. Ahli-ahli Lembaga Pengarah terkini mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang pelaburan dan perbankan, insurans, pentadbiran, kewangan, perakaunan, penarafan dan analisis kredit, teknologi maklumat dan perniagaan.

Pada tahun 2014, terdapat beberapa persaraan, perletakan jawatan dan perlantikan Pengarah. Tiga (3) Pengarah yang telah bersara pada 25 Jun 2014 adalah Y. Bhg. Dato' Mohd Hanif Sher Mohamad, Y. Bhg. Datuk P. Kasi dan Encik Md. Yusof Hussin, manakala Y. Bhg. Datuk Zaiton Mohd Hassan telah meletak jawatan pada 30 September 2014.



Three (3) Directors were appointed in third quarter of 2014 to further strengthen the Board. Encik Teoh Kok Lin was appointed on the Board of CGC on 27 June 2014. He is the Founder and Chief Investment Officer of Singular Asset Management Sdn Bhd, a fund management company established in 2002 and licensed by the Securities Commission. Encik Teoh has more than 25 years of banking, credit and investment experience with financial institutions, starting his career with Citicorp Citibank Malaysia in 1987. He subsequently joined Barings Malaysia, HSBC Research Malaysia and UOB Kay Hian Singapore. Encik Teoh is a Council Member of the Chinese Chamber of Commerce & Industry of Kuala Lumpur and Selangor and is currently the Chamber's Chairman of Fiscal & Economic Research Committee.

Encik Suresh Menon was appointed on the Board of CGC on 17 July 2014. Encik Suresh has close to 35 years of experience in various dynamic sectors such as manufacturing and international financial and debt markets. His expertise encompasses credit analysis and rating methodology, industry guide and best practices of rating processes, credit report writing, strategic planning and development, corporate and financial analysis, personnel and skills development, operations and production management, and project management and commissioning. He has also participated in developmental projects with international bodies namely the Asian Development Bank (ADB), APEC Business Advisory Council and the Association of Credit Rating Agencies in Asia (ACRAA). He was the Chairman of the ACRAA Training Committee. He was also a member of the Main Committee of the Malaysian Corporate Governance Index 2009, 2010 and 2011 for the Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG). Effective 17 July 2014, Encik Suresh was also appointed as the Non-Executive Chairman of Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd, a subsidiary of CGC.

Encik Ong Eng Bin was appointed on the Board of CGC on 14 October 2014. He is the Chief Executive Officer of OCBC Bank Malaysia Berhad (OCBC Bank). Apart from his role in OCBC Bank, Encik Ong Eng Bin is also a Council Member of Asian Institute of Chartered Bankers and the Association of Banks in Malaysia. He serves as the Chairman at Pac Lease Sdn Bhd and Non-Executive Director at Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd (CBM). He brings with him vast experience in the area of corporate banking.

*Tiga (3) Pengarah telah dilantik pada suku ketiga 2014 bagi mengukuhkan lagi portfolio Lembaga Pengarah. Encik Teoh Kok Lin telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah CGC pada 27 Jun 2014. Beliau merupakan Pengasas dan Ketua Pegawai Pelaburan Singular Asset Management Sdn Bhd, sebuah syarikat pengurusan dana yang ditubuhkan pada tahun 2002 dan dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Encik Teoh mempunyai lebih daripada 25 tahun pengalaman dalam bidang perbankan, kredit dan pelaburan dengan institusi kewangan. Beliau memulakan kerjayanya dengan Citicorp Citibank Malaysia pada tahun 1987. Beliau kemudiannya menyertai Barings Malaysia, HSBC Research Malaysia dan UOB Kay Hian Singapura. Encik Teoh adalah Ahli Dewan Perniagaan dan Industri Cina Kuala Lumpur dan Selangor dan kini merupakan Pengerusi Jawatankuasa Fiskal dan Penyelidikan Ekonomi di Dewan Perniagaan tersebut.*

*Encik Suresh Menon telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah CGC pada 17 Julai 2014. Beliau mempunyai hampir 35 tahun pengalaman dalam pelbagai sektor dinamik seperti pembuatan dan pasaran kewangan dan hutang antarabangsa. Kepakaran beliau merangkumi analisa kredit dan metodologi penarafan, panduan industri dan amalan terbaik proses penarafan, penulisan laporan kredit, perancangan strategik dan pembangunan, analisa korporat dan kewangan, kemahiran dan pembangunan pekerja, pengurusan pengeluaran dan operasi, dan pentauliah dan pengurusan projek. Beliau juga telah terlibat dalam pelbagai projek pembangunan dengan badan-badan antarabangsa iaitu Bank Pembangunan Asia ('ADB'), Majlis Penasihat Perniagaan APEC dan Persatuan Agensi Penarafan Kredit Asia ('ACRAA'). Beliau juga adalah bekas Pengerusi Jawatankuasa Latihan ACRAA. Beliau telah turut merupakan Ahli Jawatankuasa Utama Indeks Tadbir Urus Korporat Malaysia 2009, 2010 dan 2011 untuk Pemerhati Pemegang Saham Minoriti ('MSWG'). Berkuatkuasa 17 Julai 2014, Encik Suresh telah dilantik sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik CGC.*

*Encik Ong Eng Bin telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah CGC pada 14 Oktober 2014. Beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif OCBC Bank Malaysia Berhad ('OCBC Bank'). Selain daripada peranan beliau bersama OCBC Bank, Encik Ong Eng Bin juga merupakan Ahli Majlis Asian Institute of Chartered Bankers dan Association of Banks di Malaysia. Beliau juga merupakan Pengerusi Pac Lease Sdn Bhd dan Pengarah Bukan Eksekutif di Credit Bureau Malaysia Sdn. Bhd ('CBM'). Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang perbankan korporat.*

## STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

### PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

#### BOARD COMMITTEES

Under the Corporation's Memorandum and Articles of Association, and the Board Charter, the Board delegates certain responsibilities to its respective Board Oversight Committees to assist in carrying out its function of ensuring independent oversight. This allows the Board to spend additional and focused time on deliberations on specific and pertinent issues.

The Board Oversight Committees operate principally in a review or advisory capacity, except in cases where powers and authorisation are specifically conferred on a Committee by the Board. The Board currently has five (5) principal Board Committees, each of which is governed by clearly defined Terms of References (TORs), which are reviewed from time to time, as the need arises to ensure they remain relevant and are up-to-date.

The following Board Oversight Committees, each chaired by a Non-Executive Director who is independent of management, have been set up with specific delegated authorities to assist the Board in its responsibilities:-

- a) Board Governance and Audit Committee;
- b) Board Investment Committee;
- c) Board Risk Management Committee;
- d) Board Bumiputera Development Committee; and
- e) Board Nomination and Remuneration Committee.

The Board receives reports from the Chairman of each Board Oversight Committee during its bi-monthly Board meetings. The salient TORs of the five (5) Board Oversight Committees are as follows:-

#### JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Terma di dalam Tatawujud dan Tataurus Syarikat dan Piagam Lembaga Pengarah membolehkan Lembaga Pengarah membahagikan tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah untuk membantu dalam melaksanakan fungsinya secara bebas. Ini membolehkan Lembaga Pengarah meluangkan lebih banyak masa dan fokus untuk membincangkan isu-isu spesifik dan penting yang lain.

Jawatankuasa-Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah beroperasi atas kapasiti menyemak dan menasihati Lembaga Pengarah, melainkan Jawatankuasa itu diberikan kuasa secara khusus oleh Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah kini mempunyai lima (5) Jawatankuasa Lembaga Pengarah dimana operasi setiap Jawatankuasa ditadbir dengan jelasnya mengikut Terma Rujukan ('TORs') masing-masing. TOR tersebut akan dikaji semula dari semasa ke semasa (jika perlu) agar ianya kekal relevan dan terkini.

Setiap Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah dipengerusikan oleh seorang Pengarah Bukan Eksekutif yang bebas daripada pengurusan Perbadanan dan telah dimandatkan kuasa tertentu untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya. Berikut adalah Jawatankuasa-Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah yang terdapat di Perbadanan:-

- a) Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit;
- b) Jawatankuasa Pelaburan;
- c) Jawatankuasa Pengurusan Risiko;
- d) Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera; dan
- e) Jawatankuasa Penamaan dan Imbuan.

Lembaga Pengarah menerima laporan daripada Pengerusi bagi setiap Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah semasa mesyuarat dwi-bulanan Lembaga Pengarah. Terma terpenting yang terdapat didalam TOR lima (5) Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah adalah seperti berikut: -

### 1.0 Board Governance and Audit Committee (BGAC)

The primary function of the BGAC is to assist the Board in its oversight function in establishing cost effective controls, assessing risks and recommending appropriate remedial action to mitigate those risks and assuring proper governance process of the Corporation. The BGAC also provides the assurance that the Corporation's financial reporting and disclosures are conducted in a transparent manner and the audit processes are in line with the recommended best practices and auditing standards, legal and regulatory requirements, as well as corporate governance standards.

#### Duties and Responsibilities

The Committee assists the Board in its oversight role in respect of the following:

- i. To review with Management all the operational activities and ensure the effectiveness of controls over operations to achieve the overall Corporation's strategic objectives;
- ii. To provide assurance on the following:-
  - a) The reliability and integrity of financial and operating information;
  - b) The evaluation and protection of Corporation's assets;
  - c) The efficiency and effectiveness of operations and programs; and
  - d) The compliance with statutory requirements, laws, regulations and the Corporation's policies, guidelines, procedures and contracts;
- iii. To evaluate the quality of external auditors, the scope of their audit plan, their audit reports and the assistance given by Management and its staff to the auditors and any findings and action to be taken;
- iv. To ensure that the annual financial statements are prepared in a timely and accurate manner. Review the financial statements for submission to the Board of Directors and ensure prompt publication;
- v. To recommend the appointment of external auditors to the Board each year;

### 1.0 Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit ('BGAC')

Peranan utama Jawatankuasa Tadbir Urus dan Audit adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam fungsi pengawasan untuk mewujudkan kawalan kos yang berkesan, menilai risiko dan mencadangkan tindakan pembetulan yang sesuai untuk mengurangkan risiko dan memastikan urus tadbir yang sesuai untuk Perbadanan. 'BGAC' juga memberi pengesahan terhadap laporan dan pendedahan kewangan Perbadanan dijalankan secara telus dan proses audit adalah selaras dengan amalan terbaik yang menepati piawaian audit, keperluan undang-undang dan peraturan, serta standard tadbir urus korporat.

#### Tugas dan Tanggungjawab

Jawatankuasa ini membantu Lembaga Pengarah dalam peranan pengawasan untuk perkara-perkara berikut:

- i. Mengkaji bersama-sama pihak Pengurusan aktiviti-aktiviti operasi dan memastikan keberkesanan kawalan ke atas operasi untuk mencapai keseluruhan objektif strategik Perbadanan;
- ii. Memberi jaminan terhadap perkara-perkara yang berikut:-
  - a) Kebolehpercayaan dan integriti maklumat kewangan dan operasi;
  - b) Penilaian dan perlindungan aset Perbadanan;
  - c) Kecekapan dan keberkesanan operasi dan program; dan
  - d) Pematuhan pada keperluan statutori, undang-undang, peraturan-peraturan dan dasar, garis panduan, prosedur dan kontrak Perbadanan.
- iii. Menilai kualiti juruaudit luar, skop rancangan audit, laporan audit mereka dan bantuan yang diberikan oleh pihak Pengurusan dan kakitangan Perbadanan kepada juruaudit luar tersebut dan menilai sebarang penemuan dan tindakan yang perlu diambil oleh Perbadanan;
- iv. Memastikan bahawa akaun tahunan disediakan dengan cara dan masa yang tepat. Mengkaji penyata kewangan untuk dikemukakan/ dibentangkan kepada Ahli Lembaga Pengarah dan memastikan akaun tahunan tersebut diterbitkan pada masa yang sepatutnya;
- v. Mencadangkan pelantikan juruaudit luar pada Ahli Lembaga Pengarah pada setiap tahun;

## STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

### PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

- vi. To review the effectiveness of internal controls, including the scope of the Internal Audit programme, functions, resources and competencies/skills of the Internal Audit Department and that it has the necessary authority to carry out its work and recommend action to be taken by Management;
- vii. To review internal audit findings including investigation reports and recommend action to be taken by Management. To evaluate the adequacy of Management's corrective action taken on audit reports;
- viii. To review and endorse the Ethics Programme for the Board of Directors' approval and monitor the progress of implementation, including ensuring that the Code of Business Ethics and Whistle Blower Programme are implemented across the Corporation and complied with;
- ix. To assess the effectiveness of the Ethics Programme and the ethical climate of the Corporation and recommend to the Board of Directors necessary changes to the Code of Business Ethics;
- x. To review reports on violations of the Code of Business Ethics and Whistle Blowing issues as well as breaches involving pivotal positions;
- xi. To evaluate the performance and provide appraisal and decide on the remuneration package of the Chief Internal Auditor and the Internal Auditors; and
- xii. To approve the appointment, transfer and dismissal of the Chief Internal Auditor and Internal Auditors.

### 2.0 Board Investment Committee (BIC)

The BIC determines the strategic direction of the Corporation's investments by reviewing the asset allocation and investment portfolio annually or sooner, if need be, and this is achieved by considering current and future macroeconomic events and the risk-return appetite of the Corporation.

#### Duties and Responsibilities

The main duties and responsibilities of the BIC are as follows:

- i. To review performance of investment portfolio;
- ii. To review limits/targets, tenure and term structure as well as market concentration limits for each asset class;
- iii. To ensure that regular and adequate reporting and internal control systems are in place; and
- iv. To deliberate on investment recommendations made by the Management.

- vi. Mengkaji semula keberkesanan kawalan dalaman, termasuk skop program Audit Dalaman, fungsi, sumber dan kecekapan/kemahiran kakitangan Jabatan Audit Dalaman dan bahawa ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya dan mengesyorkan tindakan yang perlu diambil oleh pihak Pengurusan;
- vii. Menilai hasil kajian juruaudit dalaman termasuk laporan siasatan dan mengesyorkan tindakan yang perlu diambil oleh pihak Pengurusan. Menilai kecukupan tindakan pembetulan yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan berdasarkan laporan juruaudit;
- viii. Menilai dan mengesyorkan Program Etika Perbadanan untuk diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah untuk diluluskan dan memantau kemajuan pelaksanaan program tersebut, termasuklah memastikan bahawa Kod Etika Perniagaan dan Program Pemberi Maklumat dilaksanakan dan dipatuhi oleh Perbadanan;
- ix. Menilai keberkesanan Program Etika dan tahap etika di Perbadanan dan mengesyorkan sebarang perubahan yang perlu kepada Kod Etika Perniagaan kepada Ahli Lembaga Pengarah;
- x. Menyemak laporan berkaitan pelanggaran Kod Etika Perniagaan dan isu-isu Pemberi Maklumat serta pelanggaran yang melibatkan jawatan-jawatan penting dalam Perbadanan;
- xi. Menilai prestasi kerja dan membuat keputusan berkaitan pakej imbuhan Ketua Juruaudit Dalaman dan para Juruaudit Dalaman; dan
- xii. Meluluskan pelantikan, pemindahan dan penyingkiran Ketua Audit Dalaman dan para Juruaudit Dalaman.

### 2.0 Jawatankuasa Pelaburan ('BIC')

Jawatankuasa Pelaburan menentukan hala tuju strategik pelaburan Perbadanan dengan menyemak semula peruntukan-peruntukan aset dan pelaburan portfolio secara tahunan atau lebih awal (jika perlu) dan ianya dicapai dengan mengambilkira situasi makroekonomi semasa dan akan datang serta kehendak pulangan risiko Perbadanan.

#### Tugas dan Tanggungjawab

Peranan dan tanggungjawab utama 'BIC' adalah seperti berikut:

- i. Mengkaji semula prestasi portfolio pelaburan;
- ii. Mengkaji semula had/sasaran, tempoh dan struktur terma dan juga had tumpuan pasaran bagi setiap kategori aset;
- iii. Memastikan laporan berkala dan mencukupi serta wujudnya sistem kawalan dalaman; dan
- iv. Membincangkan cadangan pelaburan yang dibuat oleh pihak Pengurusan.



#### 3.0 Board Risk Management Committee (BRMC)

The BRMC assists the Board in providing a focused forum to deliberate and decide on issues pertaining to risk management. The Committee plays an advisory role in assisting the Board in identifying, assessing, managing and controlling risks in the areas of credit, market, liquidity, operational, legal and other risks within the Corporation, with the objective of ensuring an effective risk management process is in place. The Committee meets regularly to review and assess the Corporation's existing risk management framework and provide recommendations to the Board so as to ensure that the Corporation adopts a holistic approach in managing risk issues in the Corporation.

#### Duties and Responsibilities

The following are the duties and responsibilities of the BRMC:

- i. To provide direction on the overall risk management strategy of the Corporation;
- ii. To review policies and procedures for effective identification, measurement, monitoring and control of the Corporation's risk exposures;
- iii. To review Management's compliance with established policies and procedures in relation to risk management;
- iv. To review and approve authorisation limits in accordance with policies and procedures authorised by the Board;
- v. To review Management's assessment of compliance with applicable laws and regulations;
- vi. To examine any other matters related to risk management referred to it by the Board;
- vii. To review and approve products or services and ensure compliance with the prevailing guidelines issued by Bank Negara Malaysia (BNM) or other relevant regulatory body;
- viii. To review and approve write-off of guarantee and financing accounts;
- ix. To approve the appointment, dismissal and remuneration as well as the performance appraisal of the Chief Risk Officer; and
- x. To endorse any changes in the number of resources required by Risk Management Department.

#### 3.0 Jawatankuasa Pengurusan Risiko ('BRMC')

Jawatankuasa Pengurusan Risiko membantu Lembaga Pengarah dengan mengadakan forum khusus untuk menimbang dan memutuskan isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan risiko. Jawatankuasa ini memainkan peranan sebagai penasihat yang membantu Lembaga Pengarah dalam mengenalpasti, menilai, mengurus dan mengawal risiko-risiko berkaitan kredit, pasaran, mudah tunai, operasi, perundangan dan lain-lain risiko untuk memastikan proses pengurusan risiko yang efektif tersedia. Jawatankuasa ini kerap kali bermesyuarat dan sentiasa menyemak serta menilai rangka kerja pengurusan risiko yang sedia ada dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah bagi memastikan Perbadanan mengambil pendekatan yang menyeluruh dalam menangani isu-isu pengurusan risiko.

#### Tugas dan Tanggungjawab

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab 'BRMC':

- i. Menyediakan hala tuju bagi strategi pengurusan risiko secara menyeluruh;
- ii. Mengkaji semula polisi dan prosedur untuk mengenalpasti, mengukur, memantau dan mengawal pendedahan risiko Perbadanan;
- iii. Mengkaji semula kepatuhan pihak Pengurusan terhadap polisi dan prosedur sedia ada yang berkaitan dengan pengurusan risiko;
- iv. Menyemak dan meluluskan had kelulusan kredit yang dibenarkan kepada kakitangan Perbadanan yang tertentu, selaras dengan polisi dan prosedur yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- v. Mengkaji semula penilaian pihak Pengurusan terhadap pematuhan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan;
- vi. Mengkaji perkara-perkara lain yang berkaitan pengurusan risiko seperti yang dirujuk oleh Lembaga Pengarah kepada jawatankuasa ini;
- vii. Mengkaji dan meluluskan sesuatu produk atau perkhidmatan serta memastikan pematuhan dengan garis panduan sedia ada yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) atau badan kawal selia lain yang berkaitan;
- viii. Mengkaji dan meluluskan hapus kira jaminan dan pembiayaan akaun;
- ix. Meluluskan pelantikan, pemecatan dan ganjaran serta menilai prestasi Ketua Pegawai Risiko; dan
- x. Mengesyorkan apa-apa perubahan sumber yang diperlukan oleh Jabatan Pengurusan Risiko.

## STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

### PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

#### 4.0 Board Bumiputera Development Committee (BBDC)

The BBDC provides strategic guidance and direction with regard to the overall development of Bumiputera SMEs under the Corporation's various programmes. The Committee is to drive the Bumiputera agenda and report to the Board for consideration of proposals and recommendations presented at BBDC. It also ensures activities relating to Bumiputera business development are planned and monitored closely.

#### Duties and Responsibilities

The primary responsibilities of the BBDC are as follows:-

- i. To ensure Bumiputera SMEs are provided with necessary access to financing at reasonable cost;
- ii. To ensure that the special fund(s) are well-managed and channelled to eligible Bumiputera SMEs;
- iii. To ensure that appropriate policies and procedures are established for the management and operation of special fund(s);
- iv. To review and recommend to the Board or the appropriate authorities on policies and procedures with regards to the development of Bumiputera SMEs;
- v. To oversee programs for the development of Bumiputera SMEs; and
- vi. To deliberate and recommend on any matters related to Bumiputera development which is referred to or raised at Board Bumiputera Development Committee.

#### 4.0 Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera ('BBDC')

BBDC menyediakan/memberikan panduan strategik dan hala tuju keseluruhan pembangunan usahawan industri kecil dan sederhana ('SMEs') Bumiputera melalui pelbagai program yang disediakan oleh Perbadanan. Jawatankuasa ini juga perlu mengesyorkan agenda Bumiputera dan melaporkan segala aktiviti yang berkaitan yang telah dibincangkan di 'BBDC' untuk kelulusan Lembaga Pengarah. 'BBDC' juga perlu memastikan bahawa segala aktiviti berkaitan perkembangan perniagaan usahawan Bumiputera dirancang dan dikawalselia dengan jitu.

#### Tugas dan tanggungjawab

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab utama 'BBDC':-

- i. Memastikan usahawan-usahawan SME Bumiputera diberikan akses pembiayaan yang sewajarnya dengan kos yang berpatutan;
- ii. Memastikan bahawa dana-dana khas yang diperuntukkan untuk usahawan SME Bumiputera diuruskan dengan baik dan disalurkan kepada mereka yang layak;
- iii. Memastikan polisi-polisi dan prosedur-prosedur yang bersesuaian diwujudkan untuk mengurus dan mengendalikan dana-dana khas tersebut;
- iv. Menilai dan mengesyorkan pada Lembaga Pengarah atau pihak berkuasa yang berkenaan mengenai polisi dan prosedur berkaitan dengan pembangunan usahawan SME Bumiputera;
- v. Mengawalselia program-program pembangunan usahawan SME Bumiputera; dan
- vi. Membincang dan mengesyorkan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan pembangunan usahawan Bumiputera yang dirujuk kepada Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera.

### 5.0 Board Nomination and Remuneration Committee (BNRC)

The primary function of the BNRC is to assist the Board on the appointment and remuneration of Directors and President/Chief Executive Officer as well as the assessment of effectiveness of individual Directors, Board, Board Oversight Committees and the assessment on the performance of President/Chief Executive Officer and Senior Management Officers. The Committee also assist the Board in Corporation's key policies, strategies and practices on human resources, Management's succession plans, performance and reward system, business conduct and ethical behaviour of the employees.

#### Duties and Responsibilities

- i. The BNRC is empowered by the Board to review, decide and/or approve on the following matters:
  - a) Minimum requirements, required mix of skills, experience, qualification and other core competencies, terms and conditions of the employment contracts for the Senior Management Officers;
  - b) Appointment, termination and renewal of the contract of employment and the performance evaluation of Senior Management Officers;
  - c) The succession planning for Senior Management Officers;
  - d) Implementation and review on the Directors Training Program in order for the Directors to keep abreast with the latest developments in the industry; and
  - e) Engagement of consultant/advisor to provide professional service and information in the furtherance of BNRC duties at the Corporation's expense, so as to ensure the BNRC Members are able to make informed decisions and recommendation to the Board.

### 5.0 Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan ('BNRC')

Fungsi utama 'BNRC' adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam pelantikan dan imbuhan Ahli Lembaga Pengarah dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif serta menilai keberkesanan dan pencapaian prestasi setiap Ahli Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah dan prestasi Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dan pihak Pengurusan Kanan Perbadanan. Jawatankuasa ini juga membantu Lembaga Pengarah dalam menetapkan polisi-polisi utama, strategi dan amalan-amalan berkaitan sumber manusia, rancangan penggantian kakitangan Pengurusan, sistem prestasi dan imbuhan kakitangan, tatalaku perniagaan dan tingkah laku beretika kakitangan Perbadanan.

#### Tugas dan Tanggungjawab

- i. 'BNRC' telah diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menilai, membuat keputusan dan/atau meluluskan perkara-perkara berikut:
  - a) Keperluan minimum, kemahiran yang pelbagai, pengalaman, kelulusan dan lain lain kecekapan teras, terma dan syarat kontrak pekerjaan untuk kakitangan Pengurusan Kanan;
  - b) Pelantikan, penamatan perkhidmatan dan pembaharuan kontrak pekerjaan dan penilaian prestasi kakitangan Pengurusan Kanan;
  - c) Rancangan Penggantian untuk kakitangan Pengurusan Kanan;
  - d) Pelaksanaan dan penilaian Program Latihan Pengarah bagi membolehkan para Pengarah mengetahui perkembangan terkini industri; dan
  - e) Melantik perunding/penasihat bagi memberikan perkhidmatan profesional dan maklumat yang berkaitan tugas 'BNRC' dimana segala perbelanjaan berkaitan akan ditanggung oleh Perbadanan bagi memastikan Ahli-Ahli 'BNRC' berupaya membuat keputusan yang tepat dan kemudian mencadangkannya kepada Lembaga Pengarah.

## STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

### PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

- ii. The BNRC is responsible to review/assess and recommend the following matters to the Board:
- a) Overall composition of the Board, in terms of the appropriate size skills and the balance between President/Chief Executive Officer, Non-Executive Directors and Independent Directors;
  - b) Minimum requirements for the Board, the required mix of skills, experience, qualification and other core competencies required of a Director;
  - c) Minimum requirements for the President/Chief Executive Officer, the required mix of skills, experience, qualification and other core competencies required of a President/Chief Executive Officer;
  - d) Nominees for Directorship, Board Oversight Committees Membership, President/Chief Executive Officer and the Company Secretary (where applicable the assessments for reappointment);
  - e) Framework of remuneration for Directors and President/Chief Executive Officer for the Board's approval whereby the framework will cover all aspects of remuneration including director's fees, salaries, allowances, bonuses and benefits-in-kind;
  - f) Mechanism for formal assessment on the effectiveness of the Board as a whole and the contribution of each Director to the effectiveness of the Board, the contribution of the Board Oversight Committees and the performance of the President/Chief Executive Officer whereby the annual assessment will be conducted based on objective performance criteria which is approved by the Board;
  - g) Removal of Director or President/Chief Executive Officer from the Board or Management if the Director or President/Chief Executive Officer is ineffective, errant and negligent in discharging his/her responsibilities; and
  - h) Corporation's key human resource policies, strategies, performance and reward system to foster ethical employee business conduct and behaviour, employee commitment to the operations of the Corporation and a high degree of employee satisfaction.
- ii. 'BNRC' bertanggungjawab untuk mengkaji semula/menilai dan mengesyorkan perkara-perkara berikut kepada Lembaga Pengarah:-
- a) Komposisi keseluruhan Lembaga Pengarah yang terdiri daripada pelbagai kemahiran dan keseimbangan antara Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengarah Bebas;
  - b) Keperluan minimum Lembaga Pengarah, kepelbagaian kemahiran yang diperlukan, pengalaman, kelayakan dan lain-lain kepakaran utama yang perlu ada pada seseorang Pengarah;
  - c) Keperluan minimum bagi Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif yang terdiri daripada pelbagai kemahiran, pengalaman, kelayakan dan lain-lain kecekapan utama yang perlu ada pada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif;
  - d) Calon-calon untuk menjadi Pengarah, keanggotaan Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dan Setiausaha Syarikat (di mana perlu untuk penilaian bagi perlantikan semula);
  - e) Garis panduan imbuhan untuk para Pengarah dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif untuk kelulusan Lembaga Pengarah di mana garis panduan ini akan turut meliputi aspek fi Pengarah, gaji, elaun, bonus dan lain-lain imbuhan;
  - f) Mekanisma untuk penilaian formal berkenaan kecekapan keseluruhan Lembaga Pengarah dan sumbangan setiap Pengarah dalam mewujudkan Lembaga Pengarah yang efektif, sumbangan Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah dan prestasi Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dimana penilaian tahunan akan di buat berdasarkan kriteria prestasi yang objektif yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
  - g) Pemecatan Pengarah atau Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dari menganggotai Lembaga Pengarah atau pihak Pengurusan sekiranya Pengarah atau Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif tersebut tidak efektif, menyeleweng atau cuai dalam menjalankan tugas; dan
  - h) Polisi-polisi utama Perbadanan berkaitan sumber manusia, strategi, prestasi dan sistem imbuhan bagi menggalakkan tatalaku warga kerja yang beretika ketika menjalankan perniagaan, komitmen kakitangan terhadap operasi Perbadanan dan tahap kepuasan bekerja kakitangan yang tinggi.



### BOARD MEETINGS

The Board schedules bi-monthly meetings, while additional meetings are held as necessary to discuss specific issues that require deliberation in between the scheduled meetings. The Board held seven (7) Board meetings during 2014.

The Board and Board Oversight Committee meetings are scheduled well in advance, with dates for the year have been circulated in the preceding year to give the Directors ample time to plan ahead.

The agenda of Board meetings is drawn up upon consultation between the Chairman, President/Chief Executive Officer and Company Secretary at the pre-Board meetings. Notice of meeting will be given to each Board Members preferably seven (7) working days before the date of the meeting.

The Board papers, proposals and reports are prepared comprising background, objective, key issues, rationale, impact and other relevant information to enable the Board Members to make an informed and effective decision.

The Board meetings may be held via video conference, internet conference or telephone conference. Decisions of the Board and Board Oversight Committees meetings are made unanimously or by consensus and these decisions and conclusions are recorded in the minutes of the Board. In case of a tied vote, the Chairman has a second or casting vote. The decisions may also be obtained via circulation.

### MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah menetapkan bahawa mesyuarat Lembaga Pengarah akan dilakukan dua bulan sekali, namun mesyuarat tambahan akan dibuat sekiranya wujud keperluan untuk membincangkan isu-isu spesifik yang memerlukan Ahli Lembaga Pengarah untuk berbincang diantara tarikh mesyuarat yang telah dijadualkan. Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak tujuh (7) kali dalam tahun 2014.

Mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah bagi tahun ke hadapan telah dirancang awal dan tarikh-tarikh mesyuarat semasa telah diberikan pada semua Ahli Lembaga Pengarah pada tahun kebelakang. Ini membolehkan para Pengarah mempunyai masa yang cukup bagi merancang jadual mereka.

Agenda untuk mesyuarat Lembaga Pengarah dirancang setelah perbincangan di antara Pengerusi, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dan Setiausaha Syarikat dilakukan semasa pra-mesyuarat Lembaga Pengarah. Secara idealnya, notis mesyuarat akan diberikan kepada Ahli Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya tujuh (7) hari bekerja sebelum tarikh sebenar mesyuarat.

Kertas cadangan dan laporan yang bakal dibentangkan di mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah perlu mengandungi pendahuluan, objektif, isu-isu penting/utama, rasional, kesan cadangan dan lain-lain maklumat yang berkaitan bagi membolehkan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah membuat keputusan yang jitu, efisien dan tepat.

Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah boleh dilakukan melalui persidangan video, persidangan internet ataupun persidangan telefon. Keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah hendaklah dibuat secara sebulat suara ataupun melalui persetujuan dan keputusan-keputusan dan hasilnya hendaklah direkodkan di dalam minit mesyuarat. Pengerusi Lembaga Pengarah diberikan undi kedua atau undi pemutus jika wujud undi seri. Keputusan mesyuarat boleh juga diperolehi melalui resolusi pekeliling.

## STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

### PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Details of Directors' attendance at the Board and the Board Oversight Committees meetings for the Financial Year ended 31 December 2014 are as follows:

Berikut adalah butiran terperinci kedatangan para Ahli Lembaga Pengarah dan Ahli Jawatankuasa Penyemak Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014:

Name of Directors   Nama Pengarah	Date of Appointment   Tarikh Dilantik	Date of Resignation/ Retirement   Tarikh Berhenti/ Bersara	BOARD   Ahli Lembaga (bi-monthly   2 bulan sekali)	BGAC (bi-monthly   2 bulan sekali)	BIC (bi-monthly   2 bulan sekali)	BRMC (quarterly   3 bulan sekali)	BBDC (quarterly   3 bulan sekali)	BNRC (bi-annually   6 bulan sekali)
			Attendance   Kehadiran	Attendance   Kehadiran	Attendance   Kehadiran	Attendance   Kehadiran	Attendance   Kehadiran	Attendance   Kehadiran
Dato' Agil Natt	18.06.2013		7/7 (Chairman   Pengerusi)	-	-	-	-	4/4 (Chairman   Pengerusi)
Datuk David Chua Kok Tee <sup>1</sup>	15.02.2013		5/7	3/3	3/3	2/5	4/4	-
Dato' Syed Moheeb Syed Kamarulzaman <sup>2</sup>	15.01.2014		6/7	2/2	-	5/5	2/2 (Chairman   Pengerusi)	3/3
Datuk Mohd Nasir Ahmad <sup>3</sup>	03.03.2014		6/6	5/5 (Chairman   Pengerusi)	-	-	1/1	1/1
Encik Rashdi Ghazalli <sup>4</sup>	03.03.2014		6/6	1/1	4/4	3/4 (Chairman   Pengerusi)	1/1	-
Encik Teoh Kok Lin <sup>5</sup>	27.06.2014		4/4	3/4	3/3 (Chairman   Pengerusi)	3/3	-	-
Encik Suresh Menon <sup>6</sup>	17.07.2014		3/3	2/3	2/3	2/3	-	-
Encik Ong Eng Bin <sup>7</sup>	14.10.2014		2/2	0/2	-	-	-	1/1
Datuk Wan Azhar Wan Ahmad	15.07.2000	Resigned on   Berhenti pada 31.03.2015	6/7	-	6/6	-	4/4	
Datuk Zaiton Mohd Hassan	29.09.2005	Resigned on   Berhenti pada 30.09.2014	3/5	5/5 (Ex-Chairman   Bekas Pengerusi)	-	-	2/3	2/3
Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed	29.09.2005	Retired on   Bersara pada 25.06.2014	3/3	2/3	3/3	-	2/2 (Ex-Chairman   Bekas Pengerusi)	-
Datuk P. Kasi	29.09.2005	Retired on   Bersara pada 25.06.2014	3/3	2/3	-	2/2 (Ex-Chairman   Bekas Pengerusi)	-	2/2
Encik Md Yusof Hussin	29.09.2005	Retired on   Bersara pada 25.06.2014	2/3	-	3/3 (Ex-Chairman   Bekas Pengerusi)	2/2	2/2	-
Encik Jeffrey Chew Sun Teong	15.02.2013	Resigned on   Berhenti pada 01.07.2014	2/3	-	3/3	1/2	-	2/3
<b>Number of Meetings Held in FY2014</b> Jumlah Mesyuarat Bagi Tahun 2014			<b>7</b>	<b>7</b>	<b>6</b>	<b>5</b>	<b>4</b>	<b>4</b>



## Notes | Nota:

- <sup>1</sup> Ceased as Member of BGAC and appointed as Member of BIC w.e.f. 2 July 2014.  
*Berhenti menganggotai 'BGAC' dan dilantik menganggotai 'BIC' berkuatkuasa 2 Julai 2014.*
- <sup>2</sup> Appointed as Members of BGAC, BRMC and BNRC w.e.f. 26 February 2014.  
Appointed as Chairman of BBDC and ceased as Member of BGAC w.e.f. 2 July 2014.  
*Dilantik menganggotai 'BGAC', 'BRMC' dan 'BNRC' berkuatkuasa 26 Februari 2014.  
Dilantik menjadi Pengerusi 'BBDC' dan berhenti menganggotai 'BGAC' berkuatkuasa 2 Julai 2014.*
- <sup>3</sup> Appointed as Chairman of BGAC w.e.f. 1 October 2014;  
Appointed as Member of BBDC w.e.f. 2 May 2014; and  
Appointed as Member of BNRC w.e.f. 2 July 2014.  
*Dilantik menjadi Pengerusi 'BGAC' berkuatkuasa 1 Oktober 2014;  
Dilantik menganggotai 'BBDC' berkuatkuasa 2 Mei 2014; dan  
Dilantik menganggotai 'BNRC' berkuatkuasa 2 Julai 2014.*
- <sup>4</sup> Appointed as Member of BGAC w.e.f. 2 May 2014 and ceased as Member on 2 July 2014;  
Appointed as Chairman of BRMC and Member of BIC w.e.f. 2 May 2014; and  
Appointed as Member of BBDC w.e.f. 2 July 2014.  
*Dilantik menganggotai 'BGAC' berkuatkuasa 2 Mei 2014 dan berhenti menganggotai 'BGAC' berkuatkuasa 2 Julai 2014;  
Dilantik menjadi Pengerusi 'BRMC' dan dilantik menganggotai 'BIC' berkuatkuasa 2 Mei 2014; dan  
Dilantik menganggotai 'BBDC' berkuatkuasa 2 Julai 2014.*
- <sup>5</sup> Appointed as Chairman of BIC, Member of BRMC and BGAC w.e.f. 2 July 2014.  
*Dilantik menjadi Pengerusi 'BIC', menganggotai 'BRMC' dan 'BGAC' berkuatkuasa 2 Julai 2014.*
- <sup>6</sup> Appointed as Members of BGAC, BIC and BRMC w.e.f. 2 July 2014.  
*Dilantik menganggotai 'BGAC', 'BIC' dan 'BRMC' berkuatkuasa 2 Julai 2014.*
- <sup>7</sup> Appointed as Members of BGAC and BNRC w.e.f. 14 October 2014.  
*Dilantik menganggotai 'BGAC' dan 'BNRC' berkuatkuasa 14 Oktober 2014.*

## STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

### PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

#### MANAGEMENT COMMITTEES

The Board has delegated to the President/Chief Executive Officer the responsibility for the day-to-day management of the Corporation. The President/Chief Executive Officer and his Management team are responsible for ensuring that high quality information provided to the Board on the Corporation's financial and strategic performance.

At Management level, there were a total of twelve (12) Management Committees in the year under review. The main role of the Management Committees is to be the primary source of direction and decision making for the operating departments of the Corporation. Additionally, the Management Committees build the framework which all departments work in to ensure proper management of issues faced by the Corporation and that all appropriate decisions are made to mitigate them. The Committees are as listed below:

1. Management Committee;
2. Business Development Committee;
3. Administrative and Operational Committee;
4. Management Loan Committee;
5. Management Claims Committee;
6. Information Technology Committee;
7. Information Technology Steering Committee;
8. Operational Risk Management Committee;
9. Audit Compliance Committee;
10. Credit Risk Management Committee;
11. Special Asset Management Committee; and
12. Business Continuity Plan Committee.

#### SHAREHOLDERS

The Board and Management team recognise the importance of maintaining transparency, consistency and accountability to its shareholders and adhering to the corporate governance framework in order to ensure continued success of the Corporation. In this regard, the Corporation is committed to ensure timely dissemination of key information to shareholders. At each Annual General Meeting, the Board takes pleasure in presenting the progress and performance of the Corporation's business. The Board values dialogue with shareholders and appreciates the keen interest of shareholders in the Corporation's performance.

#### JAWATANKUASA PENGURUSAN

Lembaga Pengarah mewakili kuasa dan tanggungjawab untuk menguruskan operasi harian Perbadanan pada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif. Oleh itu, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dan kumpulan Pengurusan beliau bertanggungjawab untuk memastikan bahawa informasi yang berkualiti berkaitan kedudukan kewangan dan prestasi strategik Perbadanan diberikan pada Lembaga Pengarah.

Di peringkat Pengurusan Perbadanan, terdapat sejumlah dua belas (12) Jawatankuasa Pengurusan dalam tahun 2014. Peranan utama jawatankuasa-jawatankuasa Pengurusan adalah sebagai sumber utama hala tuju dan pembuat keputusan bagi operasi jabatan-jabatan dalam Perbadanan. Mereka merangka garis panduan bagi semua jabatan bagi memastikan pengurusan isu yang dihadapi oleh Perbadanan di tangani sebaiknya dan semua keputusan dibuat hendaklah mampu mengurangkan kesan daripada isu yang timbul itu. Jawatankuasa-jawatankuasa Pengurusan adalah seperti yang tersenarai dibawah:

1. Jawatankuasa Pengurusan;
2. Jawatankuasa Pembangunan Perniagaan;
3. Jawatankuasa Pentadbiran dan Operasi;
4. Jawatankuasa Pengurusan Pinjaman;
5. Jawatankuasa Pengurusan Tuntutan;
6. Jawatankuasa Teknologi Maklumat;
7. Jawatankuasa Pemandu Teknolgi Maklumat;
8. Jawatankuasa Operasi Pengurusan Risiko;
9. Jawatankuasa Pematuhan Audit;
10. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kredit;
11. Jawatankuasa Pengurusan Aset Khas; dan
12. Jawatankuasa Pelan Kesyinambungan Perniagaan.

#### PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM

Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan menyedari kepentingan untuk mengekalkan ketelusan, ketekalan dan kebertanggungjawaban kepada pemegang saham dan mematuhi rangka kerja tadbir urus korporat bagi memastikan kejayaan berterusan Perbadanan. Dalam hal ini Perbadanan komited untuk memastikan sebaran maklumat utama yang tepat pada masanya kepada pemegang saham. Pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga Pengarah akan membentangkan kemajuan dan prestasi perniagaan Perbadanan. Lembaga Pengarah menghargai sesi dialog dengan pemegang saham dan menghargai minat pemegang saham terhadap prestasi Perbadanan.



Shareholders are encouraged to participate in the Question and Answer (Q&A) sessions on the proposed resolutions or about the Corporation's operations in general. The Board of Directors as well as the External Auditors of the Corporation are also present to respond on the shareholders' inquiries raised during the meeting.

The publication of the Annual Report and the Corporation's website [www.cgc.com.my](http://www.cgc.com.my) represent the other channels of communication made available to shareholders to ensure they have the convenient and easy access to vital information on the Corporation's financial performance and major initiatives for the year.

#### BOARD'S RESPONSIBILITY ON INTERNAL AUDIT

Internal Audit is an important aspect of corporate governance which enables the effective operations of the Corporation. Through Internal Audit, the Corporation may obtain reasonable assurance that the internal controls of its operations are operating effectively as planned. Therefore, the Board is committed to conduct regular and constant review of the Corporations' audit system in efforts to ensure the efficiencies and effectiveness of its operations. The Board is tasked to provide constructive feedback to ensure the adequacy and effectiveness of the internal control system, compliance with established policies and procedures, as well as the transparency of the decision-making process, all of which have important bearing on the Corporation's business performance and integrity.

#### INTERNAL AUDIT

The internal audit is a process undertaken by the Corporation to obtain an independent and objective assurance that effective risk and control elements of the overall corporate governance framework are in place. The task of conducting an internal audit lies with the Internal Audit Department, who conducts an audit on the operations of the various departments in order to review the adequacy and effectiveness of their internal control systems, quality of operating performance as compared with the established standards and information system, whether it is functioning as intended and from the analysis, provide their recommendations accordingly.

*Pemegang-pemegang saham adalah digalakkan untuk mengambil bahagian dalam sesi soal jawab mengenai cadangan resolusi atau mengenai operasi am Perbadanan. Lembaga Pengarah serta Juru Audit Luar Perbadanan juga turut hadir untuk menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh pemegang-pemegang saham semasa mesyuarat.*

*Penerbitan Laporan Tahunan dan laman sesawang Perbadanan, [www.cgc.com.my](http://www.cgc.com.my) merupakan saluran komunikasi lain yang disediakan untuk para pemegang saham bagi memastikan mereka mempunyai akses yang mudah kepada maklumat penting, prestasi kewangan dan inisiatif utama Perbadanan sepanjang tahun.*

#### TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH TERHADAP AUDIT DALAMAN

*Audit dalaman adalah aspek utama dalam tadbir urus korporat yang membolehkan Perbadanan beroperasi dengan efektif. Melalui Audit Dalaman, Perbadanan boleh mendapatkan jaminan yang munasabah bahawa kawalan dalaman operasinya berjalan sebagaimana yang dirancangkan. Oleh itu Lembaga Pengarah komited untuk menjalankan kajian semula sistem audit Perbadanan dalam usaha untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan operasinya. Lembaga Pengarah ditugaskan untuk memberikan maklum balas membina bagi memastikan sistem kawalan dalaman yang memuaskan, pematuhan kepada polisi dan proses yang telah tersedia serta telus dalam proses membuat keputusan, di mana semuanya mempunyai kepentingan terhadap prestasi dan integriti perniagaan Perbadanan.*

#### AUDIT DALAMAN

*Audit dalaman adalah proses yang perlu dibuat oleh Perbadanan bagi mendapatkan jaminan objektif dan bebas bahawa elemen kawalan dan risiko yang berkesan dalam keseluruhan rangka kerja tadbir urus korporat, telah tersedia. Tugas untuk menjalankan pengauditan terletak pada Jabatan Audit Dalaman yang menjalankan audit terhadap operasi pelbagai jabatan untuk mengkaji semula kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman, kualiti prestasi operasi berbanding standard dan sistem maklumat sedia ada, sama ada ia berfungsi sebagaimana sepatutnya dan membuat analisis serta memberikan cadangan yang bersesuaian.*

# STATEMENT OF RISK MANAGEMENT & INTERNAL CONTROL

## PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

### RISK MANAGEMENT STATEMENT

#### Enterprise Risk Management

In today's challenging business conditions, corporations are exposed to numerous uncertainties as business opportunities and risks are constantly changing. A proactive Enterprise Risk Management (ERM) Framework is important to create and protect stakeholders' value with full integration of risk management in the organisation's governance structure as well as the decision making.

In line with the statement above, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) (hereinafter referred to as the "Corporation") has adopted an ERM Framework to govern its business and operations. This enables the Corporation to carry out organised and practical management of the various risks faced on an ongoing basis which includes credit risk, market risk, operational risk, strategic risk and reputational risk.

The ERM Framework outlines the risk management governance and structure, processes, accountabilities, as well as responsibilities throughout the Corporation. It also provides the Board and Management with a tool to anticipate and manage both existing and potential risks, taking into consideration changes in the Corporation's internal and external operating environment. ERM in the Corporation enables Management to effectively deal with uncertainties and the associated risks and opportunities, enhancing the capacity to build or enhance value to its stakeholders.

The following objectives are the guiding principles in the ERM implementation throughout the Corporation:

- a) To ensure that all risks faced are identified, monitored, and adequately managed.
- b) To provide Board and Management with an enterprise-wide view of the Corporation's risks with their likelihood and impact, enabling the Corporation to take strategic actions to mitigate potential losses.
- c) To provide the Board and Management with enterprise-wide view of inter-relationships between risks, controls and the manner in which reducing one risk exposure may increase or impact another.
- d) To provide for a means of prioritising the myriad of risk management and control initiatives.

### PENYATA PENGURUSAN RISIKO

#### Pengurusan Risiko Perusahaan

Di dalam situasi perniagaan kini yang semakin mencabar, syarikat lebih banyak terdedah kepada ketidakpastian peluang perniagaan serta risiko yang sentiasa berubah. Rangka Kerja Pengurusan Risiko yang proaktif adalah amat penting dalam mewujudkan dan melindungi kepentingan pemegang berkepentingan melalui integrasi pengurusan risiko di dalam struktur tadbir-urus organisasi dan juga dalam membuat keputusan.

Selaras dengan kenyataan di atas, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), (juga dirujuk sebagai "CGC") telah menerima-pakai Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perusahaan sebagai garis panduan perniagaan dan juga operasi. Ini membantu CGC dalam memastikan pengurusan yang lebih teratur dan praktikal bagi menghadapi pelbagai risiko secara berterusan yang merangkumi risiko kredit, risiko pasaran, risiko operasi, risiko strategik dan risiko reputasi.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perusahaan juga menggariskan tadbir-urus pengurusan risiko dan strukturnya, proses, akauntabiliti dan juga tanggungjawab keseluruhan CGC. Ia juga membantu Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan sebagai aplikasi untuk menjangka dan menangani risiko yang sedia ada dan juga risiko yang bakal dihadapi dengan mengambil kira perubahan di dalam persekitaran operasi dalaman dan luaran CGC. Pengurusan Risiko Perusahaan di dalam CGC juga membantu untuk menangani ketidakpastian dan risiko yang mungkin timbul secara lebih efektif selain dapat meningkatkan keupayaan untuk membina serta menjaga nilai kepentingan pemegang berkepentingan.

Objektif berikut adalah prinsip panduan dalam pelaksanaan Pengurusan Risiko Perusahaan oleh CGC:

- a) Untuk memastikan semua risiko yang dihadapi dapat dikenalpasti, dipantau dan diuruskan dengan secukupnya.
- b) Membantu Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan dengan memberikan pandangan keseluruhan risiko beserta kesan daripada risiko di dalam CGC, dan keperluan tindakan strategik bagi mengurangkan potensi kerugian.
- c) Membantu Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan untuk melihat secara menyeluruh hubung-kait di antara risiko, kawalan dan cara bagaimana pengurangan pendedahan terhadap risiko dapat meningkatkan dan memberikan kesan terhadap yang lain.
- d) Untuk menyediakan satu kaedah pengutamaan dalam kepelbagaian pengurusan risiko dan juga inisiatif kawalan.

## STATEMENT OF RISK MANAGEMENT & INTERNAL CONTROL

### PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

e) To ensure that risk management is embedded and consistently practiced at all levels within the Corporation with the aim of facilitating a reasonably accurate perception of acceptable risks.


e) Memastikan pengurusan risiko diterapkan dan diamalkan secara konsisten di semua peringkat di dalam CGC untuk penerimaan persepsi risiko yang tepat.

#### ERM Governance Structure

The ERM governance structure provides clear accountabilities and responsibilities in managing risk within the Corporation. This ensures that the ERM activities remain appropriate and prudent, and that significant risks are managed and monitored continuously. The Corporation's ERM governance structure is set out in the diagram below:

#### Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko Perusahaan

Struktur tadbir-urus Pengurusan Risiko Perusahaan membantu menyatakan peranan dan tanggungjawab yang jelas dalam pengurusan risiko di dalam CGC. Ini memastikan bahawa aktiviti pengurusan risiko yang sesuai dan cekap, serta risiko utama diurus dan dipantau secara berterusan. Struktur tadbir-urus Pengurusan Risiko Perusahaan adalah seperti rajah di bawah:



## STATEMENT OF RISK MANAGEMENT & INTERNAL CONTROL

### PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

- a) **Board of Directors (Board)** - has the ultimate responsibility of ERM. Through its oversight role, the Board is responsible to ensure that all risks within the Corporation are managed and at the same time optimise shareholder and stakeholder value. The Board's key risk responsibilities include approving the Corporation's ERM Framework related policies; ensuring that Management takes the necessary steps to identify, measure, monitor and control the risks; and being the final point of escalation for key risk management issues.

The Board has also established the Board Risk Management Committee (BRMC) to support its oversight functions.

- b) **Board Risk Management Committee (BRMC)** - a committee comprising of non-executive directors responsible for the oversight of the Corporation's risk exposures. BRMC supports the Board in identifying, assessing, managing and controlling the risks in areas of credit, market, liquidity, operational, legal, and other risks to ensure that the risk management process is in place and functioning.
- c) **Management Committees** - management level committees comprising of senior management responsible for supporting BRMC in the implementation of an effective ERM framework and ensuring ERM is embedded in the Corporation. 3 management committees are established for this purpose, namely:
- i. **Credit Risk Management Committee (CRMC)** - oversees credit risk and market risk related matters.
  - ii. **Operational Risk Management Committee (ORMC)** - oversees operational risk and strategic risk related matters.
  - iii. **Asset Liability Management Committee (ALCO)** - evaluates, monitors and approves practices relating to risk due to imbalances in the capital structure and liquidity risk related matters.

- a) **Lembaga Pengarah** - bertanggungjawab sepenuhnya terhadap Pengurusan Risiko Perusahaan. Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua risiko di dalam CGC dapat diuruskan dan pada masa yang sama meningkatkan nilai kepentingan pemegang saham dan pemegang berkepentingan secara optimum. Tanggungjawab utama Lembaga Pengarah adalah termasuk meluluskan dasar-dasar berkaitan dengan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perusahaan di dalam CGC; memastikan bahawa pihak Pengurusan mengambil langkah yang perlu untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko; serta memainkan peranan sebagai pihak utama dalam pengurusan isu-isu risiko yang penting.

Lembaga Pengarah juga telah menubuhkan Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko untuk menyokong fungsi pengawasannya.

- b) **Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko** - adalah jawatankuasa yang terdiri daripada pengarah bukan eksekutif yang bertanggungjawab menyelia pendedahan risiko CGC. Jawatankuasa ini juga membantu Lembaga Pengarah dalam mengenalpasti, menilai, mengurus dan mengawal risiko dalam bidang kredit, pasaran, mudah tunai, operasi, perundangan dan pelbagai risiko yang lain untuk memastikan proses pengurusan risiko berfungsi.
- c) **Jawatankuasa Pengurusan** - Jawatankuasa Pengurusan terdiri daripada pihak pengurusan atasan yang bertanggungjawab untuk menyokong Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko dalam pelaksanaan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perusahaan yang berkesan. Tiga (3) jawatankuasa pengurusan yang ditubuhkan untuk tujuan ini adalah seperti berikut:
- i. **Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kredit** - mengawasi risiko kredit dan risiko pasaran.
  - ii. **Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi** - mengawasi risiko operasi dan risiko strategik.
  - iii. **Jawatankuasa Liabiliti Aset** - menilai, memantau dan meluluskan amalan yang berkaitan dengan risiko yang disebabkan oleh ketidak-seimbangan di dalam struktur modal dan mudah tunai.




## STATEMENT OF RISK MANAGEMENT & INTERNAL CONTROL

### PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

#### Three Lines of Defence

The Corporation ensures the involvement of all departments within the Corporation to manage risks and this is reflected via the concept of "3 Lines of Defence" as set out in the diagram below:



#### Tiga Barisan Pertahanan

CGC memastikan penglibatan semua jabatan di dalam CGC dalam pengurusan risiko. Ini digambarkan oleh konsep "3 barisan pertahanan" seperti yang ditunjukkan di dalam gambar rajah di bawah:

- **1st Line of Defence: Business and Support Departments**
  - In managing risks, the Corporation places accountability and ownership for day to day enterprise risk management as close as possible to where the risks originate.
  - Consists of all lines of business and support departments, i.e. risk owners.
  - Responsible to pursue its respective business objectives and take risks within approved policies and limits, enterprise-wide standards as well as approved standard operating procedures.
- **2nd Line of Defence: Risk Management Department**
  - Facilitate a proactive, timely, and objective identification, assessment, measurement, aggregation and reporting of risks to the Board level and Management level committees.
  - Provide the Board level and Management level committees a comprehensive and integrated view of the Corporation's risks, through the ERM oversight structure.
  - Provide independent oversight of the management of risks inherent in the Corporation.
  - Set the risk policies, methodologies and tools.

- **Barisan Pertahanan Pertama (1): Jabatan-jabatan Perniagaan dan Sokongan.**
  - Dalam menguruskan risiko, CGC meletakkan tanggungjawab ke atas pengurusan risiko harian sehampir mungkin berdasarkan punca kemungkinan sesuatu risiko itu terjadi.
  - Ia terdiri daripada semua jabatan-jabatan perniagaan dan sokongan yang juga merupakan pemilik risiko.
  - Bertanggungjawab untuk melaksanakan objektif perniagaan masing-masing dan mengambil risiko berdasarkan polisi dan had yang diluluskan, piawai keseluruhan CGC serta prosedur operasi yang diluluskan.
- **Barisan Pertahanan Kedua (2): Jabatan Pengurusan Risiko.**
  - Memastikan pengenalpastian, penilaian, pengukuran, pengumpulan dan laporan risiko kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan secara proaktif, tepat pada masa dan objektif.
  - Menyediakan gambaran yang menyeluruh berkenaan risiko di dalam CGC melalui struktur pengawasan Pengurusan Risiko Perusahaan kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan.
  - Memastikan pengawasan dan pengurusan risiko yang bebas wujud di dalam CGC.
  - Menetapkan polisi, kaedah dan alat pengawasan risiko.

## STATEMENT OF RISK MANAGEMENT & INTERNAL CONTROL


### PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

- 3rd Line of Defence: Internal Audit
  - Perform independent assurance over the effectiveness of ERM initiatives, policies and controls.

In strengthening the internal control governance within the Corporation, roles and responsibilities of these three parties are clearly spelled out and segregated, in other words independent from each other. This is to prevent potential conflict of interest between the "3 Lines of Defence" and to ensure accountability.

#### ERM Processes

In implementing ERM efficiently and effectively, the Corporation has six interrelated components which are derived from the way management operates the enterprise and are integrated with management's processes. These components are shown in the ERM cycle below:



- Barisan Pertahanan Ketiga (3): Audit Dalaman.
  - Memastikan pelaksanaan dan memberikan jaminan yang bebas ke atas keberkesanan inisiatif, polisi dan kawalan berkaitan dengan Pengurusan Risiko Perusahaan.

Dalam memperkukuhkan tabir-urus kawalan dalaman di dalam CGC, peranan dan tanggungjawab ketiga-tiga barisan pertahanan telah dinyatakan secara jelas, dalam erti kata lain ia bebas dan tidak bergantung dengan satu sama lain. Ini adalah untuk mengelakkan kemungkinan percanggahan kepentingan di antara "3 barisan pertahanan" dan juga untuk memastikan akauntabiliti.

#### Proses Pengurusan Risiko Perusahaan

Dalam melaksanakan Pengurusan Risiko Perusahaan dengan cekap dan lebih efektif, CGC mempunyai enam komponen yang saling berkaitan yang disepadukan dengan proses pengurusan. Komponen ini adalah seperti yang ditunjukkan di dalam kitaran di bawah:

## STATEMENT OF RISK MANAGEMENT & INTERNAL CONTROL

### PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

- **Identify Risks** - Identify the risks arising from the Corporation's strategic objectives and those risks that could prevent the Corporation from achieving its strategic objectives.
- **Assess Risks** - Analyse root causes of the risks and determine the likelihood and impact of risk exposures. Prioritise the risks based on risk ratings.
- **Manage Risks** - Identify controls or mitigating actions to manage risks consistently within the Corporation's risk appetite. Place the controls through constant engagement with risk owners.
- **Monitor and Report Risks** - Monitor and report risks through various ERM tools and risk reports deployed.
- **Communicate Risks** - To inculcate a desirable culture, Management ensures that an effective communication strategy is in place to provide common awareness and understanding of the Corporation's ERM processes to all employee, as well as to communicate risk related matters within the Corporation.
- **Mengenalpasti risiko** - Mengenalpasti risiko yang timbul daripada objektif strategik CGC dan risiko yang boleh menghalang CGC daripada mencapai objektif strategiknya.
- **Menilai risiko** - Menganalisa punca risiko dan menentukan kemungkinan berlakunya risiko dan akibat daripada pendedahan risiko. Ia mengutamakan risiko berdasarkan penilaian risiko.
- **Mengurus risiko** - Mengenalpasti kawalan dan tindakan pengurangan risiko yang konsisten dan selaras dengan risiko CGC. Ia memastikan pengawalan ditentukan melalui penglibatan yang berterusan dengan pemilik risiko.
- **Memantau dan melaporkan risiko** - Memantau dan melaporkan risiko melalui pelbagai alat pengawasan risiko dan laporan risiko.
- **Komunikasi risiko** - Untuk menyemai budaya yang diingini, pihak Pengurusan memastikan strategi komunikasi yang berkesan diwujudkan untuk memberi kesedaran kepada semua pekerja di dalam CGC mengenai proses pengurusan risiko dan perkara-perkara yang berkaitan dengan risiko.

### Management of the Corporation's Key Risks

#### 1. Credit Risk Management

**Credit Risk is the risk of financial loss arising due to counterparties' failure to perform according to their contractual obligations to settle financial commitments.**

Credit Risk describes the exposure to actual loss or opportunity cost as a result of the default by an economic or legal entity (i.e. the debtor or obligor) with which the Corporation does business. The Corporation's credit risk exposures are primarily caused by or sourced from Default Risk, Concentration Risk and Settlement Risk.

#### Pengurusan Risiko-Risiko Utama CGC

##### 1. Pengurusan Risiko Kredit

**Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan yang timbul disebabkan oleh kegagalan pihak tertentu dalam melaksanakan obligasi kontrak dalam menyelesaikan komitmen kewangan mereka.**

Risiko kredit menggambarkan pendedahan kepada kerugian sebenar atau kemungkinan kerugian oleh entiti ekonomi atau undang-undang (iaitu penghutang atau penanggung) di mana CGC menjalankan perniagaannya. Pendedahan CGC terhadap risiko kredit berpunca daripada Risiko Ketidakupayaan Pembayaran Semula, Risiko Penumpuan dan Risiko Penyelesaian.

## STATEMENT OF RISK MANAGEMENT & INTERNAL CONTROL

### PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

The key goal of credit risk management is to maximise the Corporation's risk-adjusted rate of return by maintaining credit risk exposure within acceptable parameters. The Corporation manages the credit risk inherent in the entire portfolio as well as the risk in individual credit transactions. Guidelines and risk management limits are established to govern day-to-day management of the Corporation's exposures. These guidelines and limits are in line with the risk appetite of the Corporation.

The Internal Credit Scoring Model and Internal Risk Rating Model are used to evaluate borrower's credit worthiness by using statistical and judgmental scoring analysis. These models are reviewed regularly to ensure consistency with the Corporation's risk appetite and tolerance.

The Corporation also monitors and reports the asset quality of credit portfolio and credit exposure to Board and Management regularly. Such monitoring is inclusive of economic sector outlook analysis, review of high risk sector, credit rating/scoring analysis, claim portfolio analysis and watch list analysis which highlights the enterprise-wide exposure trend as well as key areas of concern on the delinquent/impaired accounts with respect to changes in the Corporation's risk profile.

#### 2. Market Risk Management

**Market risk is the risk exposure of earnings or net worth arising from changes in market factors, e.g. interest rates, foreign exchange rates, and indices, which affect income, expense and balance sheet values.**

The Corporation's market risk exposures are primarily caused by or sourced from interest rate risk and liquidity risk.

The main objective of the Corporation in managing market risk is to reduce or eliminate unexpected risk of losses in on balance-sheet positions arising from undesirable market movements. To facilitate the management of market risk, the Corporation monitors and reviews independently the prescribed risk limits and risk levels within the agreed risk management philosophy and risk tolerance of the Corporation, which includes advising the Board and Management with respect to risk control, asset-liability management strategies, limit levels, new investment product approval and capital assets allocation decisions. This to ensure that the Corporation's market risk strategies are consistent with the risk appetite established by Board.

Matlamat utama pengurusan risiko kredit adalah untuk memaksimumkan kadar pelarasan risiko pulangan CGC dengan mengekalkan pendedahan terhadap risiko kredit di bawah had toleransi yang ditetapkan oleh CGC. CGC menguruskan risiko kredit yang wujud di dalam keseluruhan portfolio dan juga risiko berkaitan urusniaga kredit individu. Garis panduan dan had pengurusan risiko diwujudkan untuk mentadbir pengurusan seharian berkaitan dengan pendedahan CGC. Garis panduan dan had yang ditetapkan adalah sejajar dengan selera risiko CGC.

Model Pemarkahan Kredit Dalaman dan Model Penilaian Risiko Dalaman digunakan untuk menilai kelayakan kredit peminjam dengan menggunakan pemarkahan berdasarkan analisis statistik dan pertimbangan. Model-model ini dikaji secara berkala bagi memastikan keselarasan di antara risiko dan had toleransi CGC.

CGC juga sentiasa memantau dan melaporkan kualiti aset portfolio kredit dan pendedahan kredit kepada Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan. Pengawasan tersebut adalah termasuk analisis sektor ekonomi, kajian sektor yang berisiko tinggi, analisis pemarkahan kredit, analisis portfolio tuntutan dan juga analisis senarai pemantauan yang mengetengahkan pendedahan keseluruhan CGC dan juga isu-isu berkaitan dengan akaun terjejas akibat perubahan di dalam profil risiko CGC.

#### 2. Pengurusan Risiko Pasaran

**Risiko pasaran adalah pendedahan risiko perolehan atau nilai bersih yang timbul daripada perubahan dalam faktor-faktor pasaran, contohnya kadar faedah, kadar pertukaran asing, dan indeks yang memberi kesan kepada pendapatan, perbelanjaan dan nilai kunci kira-kira.**

Pendedahan CGC terhadap risiko pasaran adalah disebabkan oleh Risiko Kadar Faedah dan Risiko Mudah Tunai.

Objektif utama CGC dalam menguruskan risiko pasaran adalah untuk mengurangkan atau menghapuskan risiko kerugian yang tidak dijangka akibat pergerakan pasaran yang tidak diingini. Untuk memudahkan pengurusan risiko pasaran, CGC memantau dan memastikan had risiko yang ditetapkan adalah berdasarkan pengurusan risiko CGC. Ini termasuk tindakan menasihati Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan berkenaan dengan kawalan risiko, strategi pengurusan liabiliti aset, had, kelulusan produk pelaburan baru dan keputusan peruntukan aset modal. Ini adalah untuk memastikan strategi risiko pasaran CGC adalah selaras dengan selera risiko yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah.



## STATEMENT OF RISK MANAGEMENT & INTERNAL CONTROL

### PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

Liquidity Risk Management Framework was established to monitor and control liquidity risks exposures and funding needs to ensure financial obligations can be met at all times. Liquidity risk arises when the Corporation is unable to meet its financial obligations as they fall due. Hence, liquidity risk is managed to maintain high quality and well diversified portfolios of liquid assets and source of funds under both normal business and stressed conditions, and also to review the asset and liability maturity profile and identify any maturity mismatches.

### 3. Operational Risk Management

**Operational Risk is the risk of direct or indirect loss resulting from inadequate or failed internal processes, people and systems, or from external events.**

The Corporation's Operational Risk Management is governed by the ERM framework as well as operational risk policies and procedures. In line with best practices, the Corporation employs the following tools for the management of operational risk:

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Mudah Tunai telah ditubuhkan untuk memantau dan mengawal pendedahan risiko mudah tunai dan pembiayaan dalam memastikan obligasi kewangan dapat dipenuhi setiap masa. Risiko mudah tunai timbul apabila CGC tidak dapat memenuhi obligasi kewangannya apabila matang. Oleh itu, risiko mudah tunai diuruskan untuk mengekalkan kualiti yang tinggi dan pelbagai portfolio aset mudah tunai dan sumber dana untuk perniagaan biasa dan kritikal, disamping mengkaji profil kematangan aset and liabiliti dan mengenalpasti ketidakpadanan kematangan.

### 3. Pengurusan Risiko Operasi

**Risiko operasi adalah risiko kerugian secara langsung atau tidak langsung yang timbul berpunca daripada ketidakcukupan atau kegagalan faktor manusia, proses, sistem atau persekitaran luar.**

Pengurusan Risiko Operasi CGC ditadbir oleh Rangka Kerja Pengurusan Risiko beserta polisi dan prosedur risiko operasi. Sejarar dengan amalan yang terbaik, CGC menggunakan aplikasi berikut bagi pengurusan risiko operasi :

No.	Tool   Alat	Description   Penerangan
1	Risk Control Self-Assessment (RCSA) <i>Penilaian Sendiri Kawalan Risiko</i>	To enable the self-assessment of risks and controls existing within the Corporation by the risk owners. <i>Untuk memastikan penilaian sendiri ke atas risiko dan kawalan yang sedia ada di dalam CGC oleh pemilik risiko.</i>
2	Key Risk Indicators (KRI) <i>Petunjuk Risiko Utama</i>	To provide early warning signals to Corporation when there are critical operational risk areas within the entity with exposure levels potentially exceeding tolerable risk limit set. <i>Untuk menunjukkan amaran awal kepada CGC sekiranya terdapat risiko operasi yang kritikal dengan tahap pendedahan yang berpotensi melebihi had penerimaan risiko.</i>
3	Incident Management (IM) <i>Pengurusan Insiden</i>	To record events related to risks and the outcomes associated with the events, such as financial effects (losses), non-financial effects, direct recoveries, insurance recoveries and causes and failed controls. <i>Untuk merakam peristiwa yang berkaitan dengan risiko dan kesan peristiwa tersebut seperti kesan kerugian kewangan, kesan bukan kewangan, pemulihan langsung, pemulihan daripada insurans, punca kejadian dan kegagalan kawalan.</i>

## STATEMENT OF RISK MANAGEMENT & INTERNAL CONTROL

### PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

The Corporation manages operational risk by having policies, procedures, risk management tools and risk awareness programmes. Risk profiles are monitored regularly and reported to the Board and Management. Periodic operational risk self-assessment is also performed by the business and support units to identify and manage operational risks.

To inculcate and reinforce risk awareness amongst staff, Operational Risk Awareness Programmes are conducted periodically. The programmes are developed and delivered in relation to sound operational risk management.

#### 4. Strategic Risk Management

**Strategic risk is the risk of current or prospective impact on the Corporation's earnings, capital, reputation or standing, arising from changes in the environment the Corporation operates in and from adverse strategic decisions, improper implementation of decisions, or lack of responsiveness to industry, economy or technological changes.**

The Corporation monitors strategic risk to ensure its strategic plans are executed by taking into account the potential risks that could prevent the Corporation from achieving its strategic objectives. The Corporation has developed a tool called "Risk Impact Parameters" that enables the measurement and management of the Corporation's risk tolerance limit against its performance on a periodic basis. The risk impact parameter is effective in evaluating, monitoring and managing the Corporation's performance as well as addressing any deviations from the Corporation's strategy.

CGC menguruskan risiko operasi berdasarkan polisi, prosedur, kaedah pengurusan risiko dan program kesedaran risiko. Profil risiko diawasi secara berkala dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah dan juga pihak Pengurusan. Penilaian sendiri risiko operasi secara berkala juga dilakukan oleh jabatan-jabatan perniagaan dan sokongan untuk mengenalpasti dan menguruskan risiko operasi.

Untuk memupuk dan mengukuhkan kesedaran risiko di kalangan kakitangan, Program Kesedaran Risiko Operasi dijalankan secara berkala. Program ini dibangunkan sejajar dengan Pengurusan Risiko Operasi.

#### 4. Pengurusan Risiko Strategik

**Risiko strategik adalah risiko semasa atau kesan yang dijangka terhadap pendapatan, modal, reputasi CGC yang mungkin timbul daripada perubahan dalam persekitaran operasi CGC secara dalaman dan berpunca daripada keputusan strategik yang menyebabkan kerugian, pelaksanaan keputusan yang tidak wajar, atau kurang responsif terhadap industri, ekonomi atau perubahan teknologi.**

CGC memantau risiko strategik untuk memastikan rancangan strategik dilaksanakan dengan mengambil kira potensi risiko yang boleh menghalang CGC daripada mencapai objektif strategiknya. CGC telah membangunkan pengawasan risiko yang dikenali sebagai "Pengkukuran Kesan Risiko" yang membolehkan pengukuran dan pengurusan had toleransi risiko CGC terhadap prestasi secara berkala. "Pengkukuran Kesan Risiko" amat berkesan dalam menilai, memantau dan mengurus prestasi CGC serta menangani sebarang lencongan daripada strategi CGC.

## STATEMENT OF RISK MANAGEMENT & INTERNAL CONTROL

### PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

#### 5. Reputational Risk Management

**Reputational risk is the current or prospective impact on earnings and capital arising from an adverse perception of corporation on the part of existing and potential transactional stakeholders, i.e. clients, trading counterparties, employees, suppliers, regulators/governmental bodies, and investors which could adversely affect the Corporation's ability to maintain existing, or establish new, business relationships and continued access to sources of funding.**

Failure in managing strategic risk, credit risk, market risk or operational risk might expose the Corporation to reputational risk. In managing reputational risk effectively, reputational risk factors are integrated into the management of strategic risk, credit risk, market risk and operational risk. All disclosures to stakeholders are also shown in a clear, accurate and transparent manner.

#### Capital Management

The Corporation has implemented the Capital Adequacy Framework, which defines the mechanism for determining capital adequacy along with the remedial action plans for addressing capital shortfalls. It aims to ensure an adequate capital buffer to support the Corporation's risk profile and growth strategy.

This framework is adopted by the Corporation on the approaches for capital requirement as spelled out under BNM's Guidelines on Capital Adequacy. The maintenance of regulatory capital is based on three major components of risk i.e. credit risk, operational risk, and market risk.

#### 5. Pengurusan Risiko Reputasi

**Risiko reputasi adalah kesan semasa atau kesan terhadap perolehan dan modal yang timbul daripada persepsi buruk terhadap CGC oleh pihak Lembaga Berkepentingan yang sedia ada dan juga yang berpotensi seperti pelanggan, rakan niaga perdagangan, pekerja, pembekal, pengawal selia/badan-badan kerajaan dan pelabur yang boleh memberi kesan buruk terhadap keupayaan CGC untuk mengekalkan sumber yang sedia ada atau mewujudkan sumber baru, hubungan perniagaan dan akses kepada sumber pembiayaan yang berterusan.**

Kegagalan pengurusan risiko strategik, risiko kredit, risiko pasaran atau risiko operasi akan mendedahkan CGC kepada risiko reputasi. Dalam menguruskan risiko reputasi secara lebih berkesan, faktor-faktor risiko reputasi digabungkan bersama pengurusan risiko strategik, risiko kredit, risiko pasaran dan risiko operasi. Segala pendedahan kepada pihak yang berkepentingan juga dibentangkan dengan cara yang jelas, tepat dan telus.

#### Pengurusan Modal

CGC telah melaksanakan Rangka Kerja Kecukupan Modal yang berfungsi sebagai mekanisme dalam menentukan kecukupan modal beserta pelan tindakan pemulihan di dalam menangani masalah kekurangan modal. Ia bertujuan untuk memastikan modal yang secukupnya tersedia dalam menyokong profil risiko dan strategi pertumbuhan CGC.

Rangka kerja ini diguna-pakai oleh CGC selaras dengan keperluan modal seperti yang dinyatakan di bawah Garis Panduan BNM berkenaan dengan Kecukupan Modal. Modal kawal selia adalah berasaskan kepada tiga komponen utama iaitu risiko kredit, risiko operasi dan risiko pasaran.

## STATEMENT OF RISK MANAGEMENT & INTERNAL CONTROL

### PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

The Corporation has adopted two different ratios, i.e. the Capital Adequacy Ratio and Guarantee Reserve Ratio. These ratios are reported to the Board and Management regularly:-

CGC menggunakan dua nisbah yang berbeza iaitu Nisbah Kecukupan Modal dan Nisbah Jaminan Rizab. Nisbah ini sentiasa dibentangkan kepada Lembaga Pengarah dan juga pihak Pengurusan:-

Ratio   Nisbah	Rationale   Rasional
Capital Adequacy Ratio <i>Nisbah Kecukupan Modal</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>To measure the Corporation's preparedness and ability to withstand the expected losses arising from adverse credit, market and operational events.</li> <li><i>Untuk mengukur kesediaan dan keupayaan CGC dalam menahan kerugian berdasarkan jangkaan terhadap akibat buruk yang mungkin timbul daripada isu kredit, pasaran dan operasi.</i></li> </ul>
Guarantee Reserve Ratio <i>Nisbah Jaminan Rizab</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>To ensure that the Corporation operates in a prudent and capital efficient manner, to reduce the likelihood of future capital calls from shareholders.</li> <li><i>Untuk mengukur kesediaan dan keupayaan CGC dalam menahan kerugian berdasarkan jangkaan terhadap akibat buruk yang mungkin timbul daripada isu kredit, pasaran dan operasi.</i></li> </ul>

#### Stress Testing

Stress testing is an important risk management tool which acts as an alert to adverse unexpected outcomes related to a variety of risks and to identify possible events or future changes in the financial and economic conditions that could have adverse effects on the Corporation's exposure. It is an assessment on the Corporation's ability to withstand such changes, usually in relation to the capacity of its capital and earnings to absorb potentially significant losses.

Stress Testing aims to identify and mitigate areas of concern to prevent or mitigate the effects of adverse conditions which could have an impact against the Corporation's Return of Investment (ROI), Guarantee Income and Capital Adequacy Ratio.

Stress test is performed regularly and the results of stress tests are updated to the Board and Management. Management takes corrective and appropriate actions to address the identified risk if the result could have a significant impact on the Corporation's strategy. Independent assessments of stress testing procedures and processes are carried out regularly to ensure the quality and effectiveness of the stress test.

#### Ujian Tekanan

Ujian tekanan adalah alat pengurusan risiko yang penting yang bertindak sebagai amaran terhadap perkara buruk yang tidak dijangka yang berkaitan dengan pelbagai risiko dan untuk mengenalpasti peristiwa yang mungkin berlaku atau perubahan kewangan keadaan ekonomi yang boleh memberi kesan buruk terhadap CGC pada masa akan datang. Ia merupakan satu penilaian terhadap keupayaan CGC untuk menahan perubahan tersebut, kebiasaannya ini berdasarkan keupayaan modal dan pendapatan untuk menghadapi kerugian yang berpotensi besar.

Ujian tekanan adalah bertujuan untuk mengenalpasti, mengurangkan dan mencegah kesan buruk terhadap Pulangan Pelaburan CGC, Pendapatan Jaminan dan Nisbah Kecukupan Modal.

Ujian tekanan dijalankan secara teratur dan keputusan ujian tekanan dikemaskini dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan. Pihak Pengurusan akan mengambil tindakan pembetulan yang bersesuaian untuk menangani risiko yang telah dikenalpasti jika keputusan tersebut boleh memberi kesan yang besar ke atas strategi CGC. Penilaian bebas prosedur ujian tekanan dan proses dilakukan secara teratur dan kerap untuk memastikan kualiti dan keberkesanan ujian tekanan tersebut.



## STATEMENT OF RISK MANAGEMENT & INTERNAL CONTROL

### PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

#### Business Continuity Management

In ensuring the continuity of the Corporation's critical business functions in the event of disaster, crisis or emergency, the Corporation strives to be operationally ready through resilient Business Continuity Management which consists of Business Continuity Plan (BCP) and Disaster Recovery Plan (DRP).

Under BCP and DRP, alternate sites have been identified to conduct the day-to-day operations and if the need arises following a disaster or crisis. A series of Business Continuity Management (BCM) exercises, i.e. BCP tests and DRP tests are conducted to ensure the effectiveness of BCM in providing a pre-determined list of minimum essential services during business disruptions.

Relevant committees, i.e. Business Continuity Plan Committee (BCPC) and Crisis Management Team (CMT) are responsible to address crisis issues in relation to business continuity at all levels of the Corporation (Head Office and Branches).

#### Pengurusan Kesenambungan Perniagaan

*Dalam memastikan kesinambungan fungsi kritikal perniagaan CGC sekiranya berlaku bencana, krisis atau kecemasan, CGC sentiasa bersedia untuk beroperasi melalui Pengurusan Kesenambungan Perniagaan yang terdiri daripada Pelan Kesenambungan Perniagaan dan Pelan Pemulihan Bencana.*

*Di bawah Pelan Kesenambungan Perniagaan dan Pelan Pemulihan Bencana, lokasi alternatif telah dikenalpasti dalam meneruskan operasi harian jika timbulnya keperluan berikutan bencana atau krisis. Satu siri latihan Pengurusan Kesenambungan Perniagaan iaitu Latihan Pelan Kesenambungan Perniagaan dan Latihan Pemulihan Bencana dijalankan untuk memastikan keberkesanan Pengurusan Kesenambungan Perniagaan dalam menyediakan senarai perkhidmatan asas minimum semasa gangguan perniagaan.*

*Jawatankuasa yang berkaitan iaitu Jawatankuasa Kesenambungan Perniagaan dan Pasukan Pengurusan Krisis bertanggungjawab untuk menangani isu-isu berkaitan kesinambungan perniagaan di semua peringkat di dalam CGC termasuk Ibu Pejabat dan Cawangan.*



## Strengthening Foundations, Sustaining Growth

---

### *Mengukuh Asas, Menggalak Pertumbuhan*

By strengthening our financial position and a strategic focus towards growth, we are achieving financial sustainability and able to create better value for both shareholders and stakeholders alike.

*Dengan memperkukuhkan kedudukan kewangan dan fokus strategik ke arah pertumbuhan, kami terus mencapai kemampuan kewangan dan mampu memberikan nilai yang lebih baik bagi kedua-dua pemegang saham dan pemegang berkepentingan.*







# MESSAGE

— from the —

# CHAIRMAN

## MESEJ DARIPADA PENGERUSI

Dear Shareholders,

On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present to you the Annual Report of Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) for the financial year ended 31 December 2014.

*Para Pemegang Saham yang dihormati,*

*Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.*



Our efforts are geared towards helping the Government to achieve its SME development agenda, that is, for SMEs to play a bigger role in the economic growth of the country by increasing their contribution to GDP from 32% currently to 41% by 2020."

*"Usaha kami adalah untuk membantu Kerajaan mencapai agenda membangunkan PKS, iaitu untuk PKS memainkan peranan yang lebih besar dalam pertumbuhan ekonomi negara dengan meningkatkan sumbangan mereka terhadap KDNK daripada 32% pada masa kini kepada 41% menjelang 2020."*





**DATO' AGIL NATT**

Chairman | Pengerusi

The year 2014 was a remarkable and exciting year for my fellow Board members and I as we steered the Corporation towards achieving greater small and medium enterprise (SME) outreach whilst remaining sustainable despite the increasingly competitive environment. We stayed focused to ensure that the Corporation continues to serve the SME segment which constitutes 97.3% of business establishments in Malaysia. Perennially, our efforts are geared towards helping the Government to achieve its SME development agenda, that is, for SMEs to play a bigger role in the economic growth of the country by increasing their contribution to GDP from 32% currently to 41% by 2020.

By remaining focused on the core objective which includes expanding our outreach to a wider cross-section of the SME sector, the Corporation had made great inroads in SME financing which saw a 105% increase in terms of value. In 2014, the Corporation approved RM3.2 billion worth of financing compared to RM1.5 billion in 2013.

The concerted efforts and determination had resulted in the Corporation registering another year of commendable growth. The Corporation recorded a net profit of RM143.8 million for the year under review, the fifth consecutive year of profitability. As at 31 December 2014, the Group shareholder's fund stood at RM2.9 billion.

#### WIDER FINANCIAL INCLUSION

Against a backdrop of Malaysian economy growing at 6%, all economic sectors recorded higher growth rate driven largely by domestic activities especially in the services, manufacturing, construction, agriculture and mining sectors. This is reflected in the Corporation's outreach in the services, manufacturing and agriculture sectors featuring as the top three sectors with loans approved valued at RM2.8 billion in 2014.

*Tahun 2014 merupakan tahun yang luar biasa dan mengujakan bagi saya dan ahli lembaga pengarah yang lain dalam kami memacu CGC ke arah mencapai jangkauan yang lebih luas terhadap perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan pada masa yang sama masih mengekalkan kemampanan walaupun dalam persekitaran daya saing yang semakin sengit. Kami tetap fokus bagi memastikan CGC terus memberi khidmat kepada segmen PKS yang merupakan 97.3% daripada pertubuhan perniagaan di Malaysia. Seterusnya, usaha kami adalah untuk membantu Kerajaan mencapai agenda membangunkan PKS, iaitu untuk PKS memainkan peranan yang lebih besar dalam pertumbuhan ekonomi negara dengan meningkatkan sumbangan mereka terhadap KDNK daripada 32% pada masa kini kepada 41% menjelang 2020.*

*Dengan terus fokus terhadap objektif teras termasuk mengembangkan jangkauan kami secara lebih luas merentasi sektor PKS, CGC telah banyak menembusi pembiayaan PKS yang menampakkan peningkatan sebanyak 105% dari segi nilai. Pada tahun 2014, CGC telah meluluskan RM3.2 bilion pembiayaan berbanding dengan RM1.5 bilion pada tahun 2013.*

*Usaha dan azam yang bersepadu telah menyebabkan CGC mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan. CGC merekodkan keuntungan bersih sebanyak RM143.8 juta bagi tahun ini, iaitu keuntungan selama lima tahun berturut-turut. Pada 31 Disember 2014, dana pemegang Saham Kumpulan adalah sebanyak RM2.9 bilion.*

#### RANGKUMAN KEWANGAN YANG LEBIH MELUAS

*Berlatarbelakangkan ekonomi Malaysia yang pertumbuhannya adalah 6%, semua sektor ekonomi merekodkan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi, yang mana sebahagian besarnya didorong oleh aktiviti-aktiviti domestik terutamanya dalam sektor perkhidmatan, pengilangan, pembinaan, pertanian dan perlombongan. Ini dapat dilihat dalam jangkauan CGC dalam sektor perkhidmatan, pengilangan dan pertanian yang merupakan tiga sektor yang teratas dengan pinjaman-pinjaman yang diluluskan bernilai RM2.8 bilion pada tahun 2014.*

Recognising the need to be proactively responsive to the rising expectations of SMEs, the Corporation stepped up its SME outreach efforts in product innovation, process simplification and forging of strategic alliances with financial institutions, essentially enabling businesses to secure financing faster and at greater ease. In March 2014, the Corporation sealed a RM1 billion Portfolio Guarantee (PG) deal with Maybank, one of the biggest ever to be signed in the country. Through this initiative, both Maybank and the Corporation had committed to provide a higher level of access to financing not only for SMEs in the urban but also in the sub-urban and rural areas. The Portfolio Guarantee agreement was also unique as it had focused on Bumiputera SMEs in line with the national Bumiputera development agenda. Financing was extended to potentially viable Bumiputera SMEs by enhancing the bank's level of confidence in providing financing through higher guarantee coverage by the Corporation.

The Corporation chartered new frontiers in guarantee by signing the country's first Islamic Wholesale Guarantee (WG-i) agreement with OCBC Al-Amin Bank, marking a major milestone in the development of Malaysia's unsecured business financing efforts. The WG-i, involving an initial tranche of RM250 million of the Bank's existing unsecured SME portfolio saw the ratio of risk involved in the financing of businesses being shared equally between OCBC Al Amin and the Corporation. The first-of-its-kind Wholesale Guarantee augured well for the development of the unsecured SME financing business in Malaysia. It provided a new edge for the banking industry by reducing risk on books of the bank and freeing up capital to allow increased capacity for more SME financing.

*Mengakui perlunya bersikap lebih responsif terhadap keperluan PKS yang semakin meningkat, CGC telah meningkatkan lagi usaha jangkauan PKSnya dalam bidang inovasi produk, pemudahan proses dan mengadakan pakatan strategik dengan institusi-institusi kewangan, yang pada dasarnya bagi membolehkan perniagaan-perniagaan untuk mendapatkan pembiayaan dengan lebih cepat dan mudah. Pada Mac 2014, CGC telah memeterai perjanjian Jaminan Portfolio (PG) bernilai RM1 bilion dengan Maybank, salah satu perjanjian yang paling besar pernah ditandatangani di negara ini. Melalui inisiatif ini, Maybank dan CGC telah memberi komitmen untuk menyediakan akses kewangan yang lebih tinggi bukan sahaja untuk PKS di kawasan-kawasan bandar tetapi juga di kawasan pinggir bandar dan luar bandar. Perjanjian PG juga adalah unik kerana ianya memberi tumpuan kepada PKS Bumiputera seiring dengan agenda pembangunan Bumiputera negara. Pembiayaan dipanjangkan kepada PKS Bumiputera berdaya maju yang berpotensi dengan menambahkan lagi tahap keyakinan bank dalam memberikan pembiayaan dengan perlindungan jaminan yang lebih tinggi oleh CGC.*

*CGC membuka fasa baru dalam bidang jaminan dengan menandatangani perjanjian Jaminan Borong Islam (WG-i) yang pertama di negara ini dengan OCBC Al-Amin Bank, menandakan satu mercu jaya dalam pembangunan usaha pembiayaan tidak bercagar di Malaysia. WG-i tersebut, yang membabitkan jumlah awal sebanyak RM250 juta daripada portfolio PKS tidak bercagar sedia ada Bank tersebut menyaksikan risiko yang wujud dalam pembiayaan perniagaan dikongsi bersama di antara OCBC Al-Amin dan CGC. Satu-satunya jenis Jaminan Borong ini merupakan satu petanda baik bagi pembangunan perniagaan pembiayaan PKS tidak bercagar di Malaysia. Ini menyediakan kelebihan baru bagi industri perbankan dengan mengurangkan risiko bagi bank dan membolehkan lebih modal diperuntukkan bagi pembiayaan PKS.*

## MESSAGE FROM THE CHAIRMAN

### MESEJ DARIPADA PENGERUSI

The year 2014 also witnessed the signing of Portfolio Guarantee deals with SME Bank and Affin Bank in August and November respectively. The Corporation's Portfolio Guarantee collaboration with SME Bank was the first ever with a development financial institution (DFI) in the country. Launched with an initial portfolio size of RM30 million, the Portfolio Guarantee was designed to ease the burden on viable SMEs by offering lower cost of borrowing and a faster turnaround time in terms of approvals and disbursement of funds. The Portfolio Guarantee with Affin Bank worth RM50 million was CGC's first with a distinctive risk-sharing mechanism feature. Under this agreement, Affin Bank absorbs the risk of all non-performing loans (NPL) in the first year of financing effectively to enjoy lower guarantee fee rates and pass on this benefit to its customers. This was also aimed at enhancing the development and bankability of SMEs in the country through CGC's guarantee mechanism.

On the forefront to stimulate the growth of start-ups, the Corporation moved to serve the new business segment generally viewed as high-risk within the financial sector, through the launch of its BizMula-i scheme with the first tranche of RM30 million. The direct financing Syariah-compliant scheme provided an uplift to the development of new businesses devoid of track record or collateral, as start-ups play an important role in supporting the country's economic growth. The underlying principle of the scheme is to encourage and nurture budding businessmen, who are equipped with reliable business plans, satisfactory business insight and a high entrepreneurship drive. It was indeed the first scheme in the Corporation's series of initiatives to ensure that the operations of new businesses become successful.

*Tahun 2014 juga menyaksikan pelaksanaan skim Jaminan Portfolio (PG) dengan SME Bank dan Affin Bank masing-masingnya pada bulan Ogos dan November. Usaha sama PG dengan SME Bank adalah yang pertama pernah dibuat dengan institusi kewangan pembangunan (DFI) di negara ini. Dilancarkan dengan saiz portfolio permulaan sebanyak RM30 juta, PG ini bertujuan untuk meringankan bebanan PKS yang berdaya maju dengan menawarkan kos pinjaman yang rendah dan masa pemprosesan kelulusan dan pengeluaran dana yang lebih cepat. PG dengan Affin Bank bernilai RM50 juta adalah PG yang pertama dengan ciri mekanisma perkongsian risiko berciri khas. Di bawah perjanjian ini, Affin Bank menyerap segala risiko pinjaman-pinjaman tidak berbayar (NPL) dalam tahun pertama pembiayaan untuk menikmati kadar yuran jaminan yang lebih rendah dan memberikan pula faedah ini kepada pelanggan-pelanggannya. Ini juga bertujuan untuk meningkatkan pembangunan PKS dan kebolehterimaannya oleh bank dalam negara ini melalui mekanisma jaminan CGC.*

*Dalam menerajui rangsangan pertumbuhan perniagaan baharu, CGC tampil untuk memberi khidmat kepada segmen perniagaan baru yang biasanya dilihat sebagai berisiko tinggi di kalangan sektor kewangan, melalui pelancaran skim BizMula-i dengan jumlah permulaan sebanyak RM30 juta. Skim pembiayaan langsung yang patuh Syariah melonjakkan pembangunan perniagaan baru tanpa rekod atau cagaran, kerana perniagaan baru memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Dasar prinsip skim tersebut adalah untuk mendorong dan memupuk peniaga-peniaga yang baru hendak bertapak, yang dilengkapi dengan pelan perniagaan yang kukuh, wawasan perniagaan yang memuaskan dan dorongan keusahawanan yang tinggi. Ini sememangnya skim pertama dalam rentetan inisiatif CGC untuk memastikan bahawa operasi perniagaan-perniagaan baru akan berjaya.*





**By rewarding the right customers, we sent a clear message to our borrowers that it pays to efficiently maintain their loan/financing facility."**

*"Dengan memberi ganjaran kepada pelanggan-pelanggan yang layak, kami menghantar mesej yang jelas kepada peminjam-peminjam kami bahawa ada ganjarannya jika mereka mengekalkan kemudahan pinjaman/pembiayaan mereka dengan baik."*

Earlier in the year, the Corporation introduced the rebate mechanism on its guarantee fee as a reward to customers for timely repayment and good conduct of their loan account. By rewarding the right customers, we sent a clear message to our borrowers that it pays to efficiently maintain their loan/financing facility. The rebate incentive was initiated as one of the proactive measures by the Corporation to ease the cost of borrowing for the SMEs in light of the overall escalation in the cost of doing business. It received favourable response from the borrowers as well as other stakeholders. To celebrate the success and to create further awareness of the rebate mechanism amongst our borrowers, a Customer Appreciation Luncheon was held at Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia on 23 June 2014, which was graced by the Deputy Governor of Bank Negara Malaysia, Y.Bhg Dato' Muhammad bin Ibrahim. The rebate mechanism will be continued to reward our customers with good credit conduct and to create greater awareness of the importance of maintaining good credit track record as the ultimate objective is to promote a sound credit culture amongst the SMEs.

*Pada awal tahun, CGC memperkenalkan mekanisme rebat ke atas yuran jaminan sebagai ganjaran kepada pelanggan-pelanggan yang membayar tepat pada masa dan mengekalkan rekod pembayaran balik yang baik. Dengan memberi ganjaran kepada pelanggan-pelanggan yang layak, kami menghantar mesej yang jelas kepada peminjam-peminjam kami bahawa ada ganjarannya jika mereka mengekalkan kemudahan pinjaman/pembiayaan mereka dengan baik. Insentif rebat ini dimulakan sebagai salah satu langkah proaktif oleh CGC untuk mengurangkan kos pinjaman bagi PKS berdasarkan kenaikan keseluruhan kos perniagaan. Ini mendapat sambutan yang baik di kalangan peminjam dan juga pihak berkepentingan yang lain. Untuk meraikan kejayaan dan meningkatkan lagi kesedaran tentang mekanisme rebat ini di kalangan para peminjam kami, Majlis Makan Tengahari Menghargai Pelanggan telah diadakan di Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia pada 23 Jun 2014, yang dihadiri oleh Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia, Y.Bhg Dato' Muhammad bin Ibrahim. Mekanisma rebat ini akan diteruskan untuk memberi ganjaran kepada pelanggan-pelanggan kami yang mengamalkan kredit yang baik dan untuk memupuk lebih kesedaran tentang pentingnya mengekalkan rekod kredit yang baik kerana matlamat akhirnya adalah untuk menggalakkan amalan kredit yang baik di kalangan PKS.*

## MESSAGE FROM THE CHAIRMAN

### MESEJ DARIPADA PENERUS

To sustain the momentum in brand building exercise so as to establish the Corporation as a household name for SMEs, advertising campaign shall be intensified in 2015. In 2014, the Corporation conducted a year-long corporate and product advertising campaign over the mainstream Bahasa Malaysia, Chinese and English newspapers and radio stations throughout the country. To further enhance the corporate image and brand recall across all SME segments, the Corporation has kicked-off the 2015 media campaign in major newspapers, radio stations and online media. For the first time, the Corporation has embarked on an advertising campaign in the Tamil newspapers and radio stations to create awareness amongst the Indian SMEs. Product specific advertising and joint advertising campaigns with financial institutions' (FI) on Portfolio Guarantee will also be executed for greater awareness amongst the FI customers as well.

While we remained focused on improving our SME outreach, we also reached out to the community at large and implemented a series of charity programmes for the underprivileged and the urban poor via monetary assistance and in kind. The diverse programmes implemented were intended as part of the Corporate Social Responsibility programmes to support as many segments of communities and ethnic groups as possible. Programmes such as the 'Breaking of Fast with an Orphanage' and the festive shopping events in conjunction with Deepavali and Chinese New Year as well as the 'Back-to-School' charity event with an Orang Asli settlement and flood relief efforts in Kelantan were some of the charity and humanitarian assistance provided by the Corporation and its employees in 2014.

*Untuk mengekalkan momentum dalam pelaksanaan membina jenama bagi memantapkan CGC sebagai nama yang sinonim dengan PKS, kempen pengiklanan akan dipergiatkan lagi pada 2015. Pada 2014, CGC menjalankan pengiklanan korporat dan produk sepanjang tahun dalam surat khabar arus perdana Bahasa Malaysia, Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris dan stesen-stesen radio di seluruh negara. Bagi meningkatkan lagi imej korporat dan ingatan jenama di seluruh segmen PKS, CGC telah memulakan kempen media 2015 dalam surat khabar-surat khabar utama, stesen-stesen radio dan media dalam talian. Buat pertama kalinya, CGC telah memulakan satu kempen pengiklanan dalam surat khabar dan stesen radio berbahasa Tamil untuk memupuk kesedaran di kalangan PKS Bangsa India. Kempen-kempen pengiklanan khas produk dan pengiklanan bersama dengan institusi-institusi kewangan (IK) berkenaan dengan PG juga akan dilaksanakan untuk memupuk lagi kesedaran di kalangan pelanggan IK juga.*

*Sementara kami kekal fokus untuk meningkatkan lagi jangkauan PKS kami, kami juga memberi perhatian kepada masyarakat umum dan melaksanakan satu siri program amal untuk golongan kurang bernasib baik dan golongan miskin di bandar melalui bantuan kewangan dan lain-lain bentuk bantuan. Pelbagai program yang dilaksanakan bertujuan menjadi sebahagian daripada program Tanggungjawab Sosial Korporat untuk menyokong sebanyak mana segmen masyarakat dan kumpulan etnik yang boleh. Program seperti 'Berbuka Puasa dengan Rumah Anak Yatim' dan program membeli-belah untuk perayaan bersempena dengan perayaan Deepavali dan Tahun Baharu Cina dan juga program 'Kembali ke Sekolah', program amal di petempatan Orang Asli dan misi bantuan mangsa banjir di Kelantan adalah beberapa kerja amal dan bantuan kemanusiaan yang diberikan oleh CGC dan kakitangannya pada tahun 2014.*

In line with the Corporation's initiative to strengthen international ties, the Corporation hosted the 27th Asian Credit Supplementation Institution Confederation (ACSIC) Conference in Kuala Lumpur in November 2014. Innovation was central to the theme of the conference titled 'Credit Guarantee System - Fostering Innovation Culture to Enhance Sustainable Development' as it was considered a powerful driving force or a 'game changer' for many economies to enhance business opportunities and economic growth, globally. Some of the top minds in the industry, both regionally and internationally presented papers at the conference including the Deputy Governor of Bank Negara Malaysia, Y.Bhg Dato' Muhammad bin Ibrahim, the Senior Director of Economic Planning Division of SME Corporation Malaysia (SME Corp), CEO of National Innovation Agency Malaysia (AIM), the Executive Director of Japan Finance Corporation (JFC), Senior Manager of International Business Office of Korea Technology Finance Corporation (KOTEC) and the Corporation's Non-Executive Director, Y.Bhg Datuk David Chua Kok Tee. The Conference officiated by the Minister of International Trade and Industry, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed was attended by 142 delegates from 19 credit guarantee institutions from 12 Asian countries namely India, Indonesia, Japan, Malaysia, Mongolia, Nepal, the Philippines, Papua New Guinea, South Korea, Sri Lanka, Taiwan and Thailand. To advocate the tourism characteristics of Malaysia, the Corporation had also organised social and industrial visits to the Tanah Aina Eco Resort in Bentong, Pahang, the Islamic Arts Museum, the Malaysian Palm Oil Board and the Kuala Lumpur Tower. It was the 4th ACSIC conference hosted by the Corporation, having hosted the first in 1990.

#### POWERING MALAYSIAN SMEs

The positive growth forecast for the economy and the National Budget 2015 focus on SME development presents great opportunities for the Corporation to explore and expand its outreach to a broader spectrum of the SME segment. This is also in line with the Corporation's 2015 budget theme which is 'Propelling Growth Towards Greater Relevance'. The theme encapsulates CGC's commitment to drive outreach in a financially sustainable manner and to position CGC as a household name for SMEs via improved access to financing through the guarantees and developing products that is market-oriented and relevant to SMEs' financial needs. This also means meeting our shareholders' expectation.

Seiring dengan inisiatif CGC untuk memperkukuhkan hubungan antarabangsa, CGC menjadi hos kepada Persidangan Ke-27 Asian Credit Supplementation Institution Confederation (ACSIC) di Kuala Lumpur pada November 2014. Inovasi adalah tema utama persidangan tersebut bertajuk 'Sistem Jaminan Kredit: Memperkukuh Budaya Inovasi Bagi Meningkatkan Pembangunan Mampan' kerana ia dianggap sebagai dorongan yang kuat atau 'penukar permainan' kebanyakan ekonomi bagi meningkatkan peluang perniagaan dan pertumbuhan ekonomi, di seluruh dunia. Beberapa pakar dalam industri, di peringkat serantau dan antarabangsa membentangkan kertas kerja di persidangan itu termasuk Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia, Y.Bhg Dato' Muhammad bin Ibrahim, Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Ekonomi SME Corp, Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Inovasi Malaysia (AIM), Pengarah Eksekutif Japan Finance Corporation (JFC), Pengurus Kanan Pejabat Perniagaan Antarabangsa Korea Technology Finance Corporation (KOTEC) dan Pengarah Bukan Eksekutif CGC, Y.Bhg Datuk David Chua Kok Tee. Persidangan yang dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed dihadiri oleh 142 perwakilan daripada 19 Institusi Jaminan Kredit dari 12 negara Asia iaitu India, Indonesia, Jepun, Malaysia, Mongolia, Nepal, Filipina, Papua New Guinea, Korea Selatan, Sri Lanka, Taiwan dan Thailand. Sebagai menyokong industri pelancongan di Malaysia, CGC juga menganjurkan lawatan-lawatan sosial dan perindustrian ke Tanah Aina Eco Resort di Bentong, Pahang, Muzium Kesenian Islam, Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Menara Kuala Lumpur. Ini adalah Persidangan ACSIC yang Ke-4 dihoskan oleh CGC, setelah menjadi hos pertama kali pada tahun 1990.

#### MEMPERKASAKAN PKS MALAYSIA

Ramalan pertumbuhan positif bagi ekonomi dan Belanjawan Negara 2015 yang bertumpu kepada perkembangan PKS memberi peluang kepada CGC untuk meneroka dan meluaskan lagi jangkauannya dalam segmen PKS. Ini juga seiring dengan tema belanjawan 2015 CGC iaitu 'Memacu Pertumbuhan Ke Arah yang Lebih Relevan'. Tema ini merangkumi komitmen CGC dalam memacu jangkauan berpandukan kemampuan kewangan dan meletakkan CGC sebagai nama yang sinonim dengan PKS melalui peningkatan akses terhadap pembiayaan melalui jaminan dan membangunkan produk-produk jaminan yang berorientasikan pasaran dan yang relevan kepada keperluan kewangan PKS. Ini juga bermakna memenuhi harapan pemegang-pemegang saham CGC.

## MESSAGE FROM THE CHAIRMAN

### MESEJ DARIPADA PENERUSI

The Corporation has identified seven (7) key focus areas for 2015 namely maximising SME outreach, investment as an integral component of business model, improve operational efficiency and effectiveness, increase organisation capacity and capabilities, improve governance and internal control, to pursue financial sustainability agenda and improve brand awareness. There will also be continued focus on Government-backed schemes targeted at specific sectors through the Green Technology Financing Scheme (GTFS) and the Intellectual Property Financing Scheme (IPFS). This is also in line with Bank Negara Malaysia efforts to address the financing needs of industries in the new growth areas.

According to the recent survey of banking institutions by Bank Negara Malaysia, new financing to businesses remained largely focussed on the traditional economic sectors while the share of total financing to new areas of growth accounted for less than 5% despite strong demand particularly from the start-ups. The Corporation has resolved to step up its presence by championing the start-up segment with an increase in financing for BizMula-i scheme to RM65 million in 2015 from RM30 million in 2014. There will be increased focus on Bumiputera SME financing in 2015 in line with the national Bumiputera development agenda and the Corporation plans to roll-out Bumiputera-centric products amounting to RM100 million in 2015 as well as optimising the Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i) fund size of RM300 million.

### ACKNOWLEDGEMENT

The Corporation performed well yet again in the year 2014. Our success is attributed to the strong support of our valued customers and strategic partners in the industry and I wish to thank them and look forward to their continued patronage. I would also like to thank my fellow colleagues on the Board and all the employees of the Corporation for their efforts, commitment and contributions towards our achievement.

CGC telah mengenalpasti tujuh (7) bidang tumpuan utama bagi 2015 iaitu memaksimumkan jangkauan PKS, pelaburan sebagai komponen utama dalam model perniagaan, mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi, meningkatkan kapasiti dan keupayaan organisasi, mempertingkatkan tadbir urus dan kawalan dalaman, untuk mendapatkan agenda kewangan yang mampan dan meningkatkan kesedaran jenama. Tumpuan akan terus diberikan kepada skim-skim yang disokong kerajaan yang disasarkan pada sektor-sektor tertentu melalui Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) dan Skim Pembiayaan Harta Intelek (IPFS). Ini juga seiring dengan usaha Bank Negara Malaysia untuk menangani keperluan pembiayaan industri-industri dalam bidang pertumbuhan baru.

Menurut kaji selidik yang dilakukan ke atas institusi-institusi perbankan baru-baru ini oleh Bank Negara Malaysia, pembiayaan baru untuk perniagaan-perniagaan sebahagian besarnya masih tertumpu kepada sektor-sektor ekonomi tradisional manakala bahagian daripada keseluruhan pembiayaan kepada bidang-bidang pertumbuhan yang baru adalah kurang daripada 5% walaupun terdapat permintaan yang tinggi khususnya daripada perniagaan-perniagaan baru. CGC berazam untuk menyerlahkan kewujudannya dengan mendokong segmen permulaan perniagaan dengan pertambahan dalam pembiayaan untuk skim BizMula-i daripada RM30 juta pada tahun 2014 kepada RM65 juta pada tahun 2015. Tumpuan akan ditingkatkan kepada pembiayaan PKS Bumiputera pada tahun 2015 seiring dengan agenda pembangunan Bumiputera nasional dan CGC bercadang untuk mengeluarkan produk-produk khas untuk Bumiputera berjumlah RM100 juta pada tahun 2015 dan juga mengoptimalkan penggunaan dana Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i) berjumlah RM300 juta.

### PENGHARGAAN

Sekali lagi CGC telah mencapai prestasi yang baik pada tahun 2014. Kejayaan CGC adalah hasil sokongan padu daripada pelanggan-pelanggan CGC yang dihargai dan rakan-rakan kongsi strategik dalam industri ini dan saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan berharap untuk mendapat sokongan yang berterusan daripada mereka. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan ahli Lembaga Pengarah dan semua kakitangan CGC di atas usaha, komitmen dan sumbangan mereka ke arah pencapaian CGC.



At the Board level, there were some changes in 2014. Two members of the Board namely Encik Jeffrey Chew Sun Teong and Y.Bhg Datuk Zaiton Mohd Hassan, who had served for nine (9) years, retired in June and September 2014 respectively. On behalf of the Board, I would like to express our sincere appreciation and gratitude for their invaluable service to the Corporation. As it is vital to have diverse expertise and depth of experience to strengthen the range of oversight competencies within the Board, three new Board members namely Encik Teoh Kok Lin, Encik Suresh Menon and Encik Ong Eng Bin were appointed in the second and third quarter of 2014. With their wealth of corporate and financial experience and business knowledge, I am confident that they will be able to provide effective governance and insights via the Main Board and their respective oversight committees.

On behalf of the Board, I would like to put on record our sincere appreciation to Y.Bhg Datuk Wan Azhar Wan Ahmad who had helmed the Corporation as its President/Chief Executive Officer for 17 years till his retirement on 31 December 2014 for his long service, loyalty and invaluable contributions. With his retirement, we had appointed Encik Mohd Zamree Mohd Ishak as the President and Chief Executive Officer effective 1 January 2015. I am confident that with his vast experience in the finance industry, he would be able to further strengthen the Corporation's role in SME development.

Last but not least, I would also like to thank Bank Negara Malaysia, the Ministry of Finance, agencies, business and trade chambers as well as other stakeholders for their continued trust and confidence.

**Dato' Agil Natt**  
Chairman

*Di peringkat Lembaga Pengarah, terdapat beberapa pertukaran dalam tahun 2014. Dua ahli Lembaga Pengarah iaitu Encik Jeffrey Chew Sun Teong dan Y.Bhg Datuk Zaiton Mohd Hassan, yang telah berkhidmat selama sembilan (9) tahun, masing-masing telah bersara pada Jun dan September 2014. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan ikhlasnya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kami di atas perkhidmatan mereka yang tidak terhingga nilainya kepada CGC. Oleh kerana pentingnya mempunyai pelbagai kepakaran dan pengalaman yang mendalam untuk mengukuhkan bidang pengawasan yang lebih cekap di kalangan Lembaga Pengarah, tiga ahli Lembaga baru iaitu Encik Teoh Kok Lin, Encik Suresh Menon dan Encik Ong Eng Bin telah dilantik pada suku kedua dan ketiga tahun 2014. Dengan pengalaman korporat dan kewangan yang banyak dan pengetahuan dalam bidang perniagaan, saya amat yakin bahawa mereka berupaya untuk menjalankan tadbir urus yang efektif dan memberi pandangan melalui Lembaga Pengarah dan jawatankuasa pengawasan mereka masing-masing.*

*Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan ikhlas ingin merakamkan penghargaan kami kepada Y.Bhg Datuk Wan Azhar Wan Ahmad yang telah menerajui CGC sebagai Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif selama 17 tahun sehingga beliau bersara pada 31 Disember 2014 di atas perkhidmatan yang lama, kesetiaan serta sumbangannya yang tidak terhingga nilainya. Dengan persaraan beliau, kami telah melantik Encik Mohd Zamree Mohd Ishak sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif berkuatkuasa 1 Januari 2015. Saya yakin bahawa dengan pengalamannya yang luas dalam industri kewangan, beliau pasti boleh mengukuhkan lagi peranan CGC dalam pembangunan PKS.*

*Akhir kata, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Bank Negara Malaysia, Kementerian Kewangan, agensi-agensi, dewan-dewan perniagaan dan perdagangan dan juga pihak berkepentingan yang lain di atas sokongan dan kepercayaan berterusan mereka.*

**Dato' Agil Natt**  
Pengerusi

# MESSAGE from the PRESIDENT /CHIEF EXECUTIVE OFFICER

## MESEJ DARIPADA PRESIDEN/ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Dear Shareholders,

This being my first message as the President/Chief Executive Officer of the Corporation, I would like to firstly thank the Board of Directors for their trust and confidence in me to lead the Corporation, a well-established entity that has been in the forefront of SME development in Malaysia for the last 43 years. It is a responsibility which I have accepted with great pride and commitment.

*Para Pemegang Saham yang dihormati,*

*Sempena mesej saya yang pertama sejak dilantik sebagai Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah CGC di atas kepercayaan dan keyakinan mereka terhadap saya untuk memimpin CGC, sebuah entiti yang mantap dan berada di barisan hadapan dalam pembangunan PKS di Malaysia sejak 43 tahun yang lalu. Saya menerima tanggungjawab ini dengan rasa penuh bangga dan komitmen.*

**Mohd Zamree Mohd Ishak**

President/Chief Executive Officer  
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif



With a cohesive team in place and with their undivided support and commitment, we shall continue with our vision to be an effective financial institution dedicated to promoting the growth and development of competitive and dynamic SMEs.”

“Dengan adanya pasukan yang teguh serta sokongan dan komitmen yang tidak berbelah-bagi, kami akan terus memacu ke arah visi kami untuk menjadi sebuah institusi kewangan yang berdedikasi dalam mempromosikan pertumbuhan dan pembangunan PKS yang berdaya saing dan dinamik.”





## MESSAGE FROM THE PRESIDENT/CHIEF EXECUTIVE OFFICER

### MESEJ DARIPADA PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Penning this inaugural message after being at the helm since 1 January 2015, gave me a greater sense of awareness of the role and importance of the Corporation in meeting the expectation of all stakeholders. I am fortunate that a solid foundation had already been laid and I wish to thank my predecessor, Y.Bhg Datuk Wan Azhar Wan Ahmad, who had been the President/Chief Executive Officer for 17 years until his retirement on 31 December 2014. With a cohesive team in place and with their undivided support and commitment, we shall continue with our vision to be an effective financial institution dedicated to promoting the growth and development of competitive and dynamic small and medium enterprises.

#### SME OUTREACH

I am pleased to inform that the Corporation's overall performance is reflective of the Malaysian economy that recorded a stronger growth rate of 6% in 2014, driven largely by private domestic demand and external trade. And the growth in outstanding loans to businesses increased to 9.0% with continued double-digit growth in SME loans, amid a higher level of loan disbursements of RM239 billion in 2014. This is also clearly evident in the Corporation's SME outreach numbers in 2014, whereby it had approved a total of 6,839 loans valued at RM3.2 billion compared with 2,368 loans valued at RM1.5 billion in 2013.

The Corporation's remarkable loans growth rate of 189% in terms of the number of loans approved and 105% in terms of value in 2014 is attributed to its aggressive marketing of its Portfolio Guarantee (PG) and Wholesale Guarantee (WG) schemes with its strategic bank partners. The Corporation had inked three (3) new PG deals with Malayan Banking Berhad, SME Bank and Affin Bank and one (1) Islamic WG deal with OCBC Al-Amin Bank. Through these initiatives, the Corporation had approved 4,985 loans worth RM2.1 billion, representing 73% of the total number of loans and 66% of value approved in 2014.

*Pengalaman menulis mesej sulung saya setelah mengetuai CGC sejak 1 Januari 2015 telah memberikan saya gambaran yang lebih jelas tentang betapa pentingnya peranan CGC di dalam memenuhi harapan semua pihak yang berkepentingan. Saya bersyukur dengan kedudukan CGC yang kukuh dan ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Y.Bhg Datuk Wan Azhar Wan Ahmad, bekas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif yang telah menerajui CGC selama 17 tahun sehingga beliau bersara pada 31 Disember 2014. Dengan adanya pasukan yang teguh serta sokongan dan komitmen yang tidak berbelah-bagi, kami akan terus memacu ke arah visi kami untuk menjadi sebuah institusi kewangan yang berdedikasi dalam mempromosikan pertumbuhan dan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang berdaya saing dan dinamik.*

#### JANGKAUAN PKS

*Sukacita saya memaklumkan bahawa prestasi keseluruhan CGC mencerminkan ekonomi Malaysia yang mencatatkan kadar pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 6% pada tahun 2014 yang mana sebahagian besarnya didorong oleh permintaan domestik swasta dan perdagangan luar. Dan pertumbuhan dalam pinjaman belum berbayar bagi sektor pemiagaan meningkat kepada 9.0% dengan pertumbuhan dua digit yang berterusan dalam pinjaman PKS, dengan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi iaitu RM239 bilion pada tahun 2014. Ini juga jelas terbukti dalam bilangan jangkauan PKS CGC pada tahun 2014, di mana CGC telah meluluskan sebanyak 6,839 pinjaman bernilai RM3.2 bilion berbanding 2,368 pinjaman bernilai RM1.5 bilion pada tahun 2013.*

*Pertumbuhan pinjaman CGC yang luar biasa pada kadar 189% dari segi jumlah pinjaman yang diluluskan dan 105% dari segi nilai pada tahun 2014 adalah disebabkan oleh pemasaran yang agresif ke atas skim Jaminan Portfolio (PG) dan skim Jaminan Borong (WG) bersama rakan kongsi strategik daripada pihak bank. CGC telah menandatangani tiga (3) perjanjian PG yang baharu bersama Malayan Banking Berhad, SME Bank dan Affin Bank dan satu (1) perjanjian WG Syariah bersama OCBC Al-Amin Bank. Melalui inisiatif ini, CGC telah meluluskan 4,985 pinjaman bernilai RM2.1 bilion, yang mewakili 73% daripada jumlah pinjaman dan 66% daripada nilai yang diluluskan pada tahun 2014.*



## MESSAGE FROM THE PRESIDENT/CHIEF EXECUTIVE OFFICER

### MESEJ DARIPADA PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

In line with our vision, the Corporation launched the BizMula-i direct financing scheme in May 2014 with an initial fund size of RM30 million to champion the start-up segment. It was well received by the market and within one year of its launch, 347 applications valued at RM29.2 million were approved of which RM22.3 million has been disbursed.

In 2014, financing for the Bumiputera SMEs was given greater focus in line with the Bumiputera development agenda. The Syariah-based Bumiputera Entrepreneur Project Fund-i (Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i/TPUB-i) was aggressively promoted through strategic alliances with Government-linked companies/agencies and business chambers. In March 2014, the Corporation signed a Memorandum of Understanding (MoU) with the National Malay Chamber of Commerce (Dewan Perniagaan Melayu Malaysia/DPMM) to establish a collaborative framework to improve Bumiputera SMEs' access to financing by helping to create greater awareness of the financing facilities offered by the Corporation and also through the development of customised products and services to suit their business needs. The Corporation approved a total of 190 loans valued at RM160.3 million under TPUB-i and 1,605 loans under all schemes valued at RM954.2 million for Bumiputera SMEs in 2014.

The Corporation also continued with its efforts to improve the utilisation of the funds allocated under the Green Technology Financing Scheme (GTFS) which was launched in 2010 by the Government. The GTFS was promoted at roadshows, seminars and other engagements with the business community organised by the Corporation, Bank Negara Malaysia and the business chambers around the country. In 2014, a total of 50 applications valued at RM476.2 million were approved under both the conventional and Islamic schemes. To date, the Corporation has approved 163 applications valued at RM1.9 billion. The allocation which has a balance of RM1.6 billion will be given due focus with targeted approval of RM500 million in 2015. Besides GTFS, the Corporation also manages the Intellectual Property Financing Scheme (IPFS) and in 2014, it approved 10 applications valued at RM40.4 million.

*Seiring dengan visi kami, CGC melancarkan BizMula-i, skim pembiayaan langsung pada Mei 2014 dengan saiz dana permulaan sebanyak RM30 juta bagi menerajui segmen perniagaan baru. Ia telah diterima dengan baik oleh pasaran dan dalam masa satu tahun selepas pelancarannya, 347 permohonan yang bernilai RM29.2 juta telah diluluskan dengan pengeluaran pinjaman sebanyak RM22.3 juta.*

*Pada tahun 2014, pembiayaan bagi PKS Bumiputera telah diberikan tumpuan yang lebih besar seiring dengan agenda pembangunan Bumiputera. Projek Dana yang berasaskan Syariah melalui Tabung Projek Usahawan Bumiputera (TPUB-i) telah dipromosikan secara agresif melalui pakatan strategik dengan syarikat-syarikat/agensi-agensi yang berkaitan dengan kerajaan dan dewan perniagaan. Pada Mac 2014, CGC telah menandatangani Memorandum Persefahaman bersama Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) untuk mewujudkan usahasama bagi meningkatkan akses PKS Bumiputera kepada pembiayaan dengan membantu mewujudkan kesedaran yang lebih tinggi dari segi kemudahan pembiayaan yang ditawarkan oleh CGC dan juga melalui pembangunan produk dan perkhidmatan yang disesuaikan dengan keperluan perniagaan mereka pada tahun 2014. CGC telah meluluskan 190 pinjaman bernilai RM160.3 juta di bawah TPUB-i dan 1,605 pinjaman di bawah semua skim bernilai RM954.2 juta untuk PKS Bumiputera dalam tahun 2014.*

*CGC juga telah meneruskan usaha bagi meningkatkan penggunaan dana yang diperuntukkan di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) yang dilancarkan pada tahun 2010 oleh Kerajaan. GTFS dipromosikan di pameran bergerak, seminar dan lain-lain acara dengan komuniti perniagaan yang dianjurkan oleh CGC, Bank Negara Malaysia dan dewan perniagaan di seluruh negara. Pada tahun 2014, sebanyak 50 permohonan bernilai RM476.2 juta telah diluluskan di bawah skim konvensional dan Islam. Setakat ini, CGC telah meluluskan 163 permohonan bernilai RM1.9 bilion. Peruntukan tersebut kini mempunyai baki kira-kira RM1.6 bilion dan tumpuan sewajarnya akan diberikan berdasarkan kepada kelulusan yang disasarkan sebanyak RM500 juta pada tahun 2015. Selain GTFS, CGC juga menguruskan Skim Pembiayaan Harta Intelek (IPFS) dan pada tahun 2014, telah meluluskan 10 permohonan yang bernilai RM40.4 juta.*

## MESSAGE FROM THE PRESIDENT/CHIEF EXECUTIVE OFFICER

### MESEJ DARIPADA PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

To further enhance our SME outreach in under-served market segments, the Corporation signed a Memorandum of Understanding (MoU) with the Special Secretariat for Empowerment of Indian Entrepreneurs (SEED), a unit under the Prime Minister's Department. The MoU was to showcase the strategic partnership between CGC and SEED in facilitating access to financing for Indian SMEs. CGC participated in SEED's promotional activities such as the SEED Training Series and radio talk shows to create further awareness of our role and services. The Corporation also participated as one of the sponsors of the International Franchise Summit 2015 which was organised by Perbadanan Nasional Berhad (PNS) in March 2015.

Bagi meningkatkan lagi jangkauan PKS dalam segmen pasaran yang memerlukan perhatian, CGC telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Sekretariat Khas Untuk Memperkasakan Usahawan India (SEED), sebuah unit di bawah Jabatan Perdana Menteri. Perjanjian persefahaman ini adalah perkongsian strategik di antara CGC dan SEED untuk memudahkan akses kepada pembiayaan bagi PKS India. CGC telah mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti promosi SEED seperti Siri Latihan SEED dan bual bicara radio untuk meningkatkan lagi kesedaran tentang peranan dan perkhidmatan kami. CGC juga mengambil bahagian sebagai salah satu penaja Persidangan Francais Antarabangsa 2015 yang dianjurkan oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNS) pada Mac 2015.



ADFIAP's 'Development Awards 2015' for the Corporation's Islamic Wholesale Guarantee under SME Development category.

Anugerah 'Development Awards 2015' ADFIAP untuk Skim Jaminan Borong Islam CGC di bawah kategori Pembangunan PKS.

I am also pleased to inform that the Association of Development Financing Institutions of Asia and the Pacific (ADFIAP) had recognised our initiative in developing innovative product, namely the Islamic Wholesale Guarantee scheme and has presented the Corporation with the ADFIAP Development Awards 2015. The international recognition is testimony to the Corporation's ability to develop and deliver innovative financing solutions that have a great impact on SME development. The award for WG is the second to be accorded to the Corporation by ADFIAP. In 2012, the Portfolio Guarantee scheme was recognised under the same category.

Sukacitanya saya memaklumkan bahawa Persatuan Institusi Kewangan Pembangunan di Asia dan Pasifik (ADFIAP) telah mengiktiraf inisiatif kami di dalam membangunkan produk inovatif, iaitu Skim Jaminan Borong berdasarkan Islam dan telah menganugerahkan CGC dengan 'ADFIAP Development Awards 2015'. Pengiktirafan antarabangsa ini membuktikan keupayaan CGC untuk mengeluarkan produk pembiayaan inovatif yang mempunyai kesan yang besar kepada pembangunan PKS. Anugerah ini adalah penghargaan kedua yang diberikan oleh ADFIAP kepada CGC. Pada tahun 2012, skim Jaminan Portfolio telah diiktiraf di bawah kategori yang sama.

## MESSAGE FROM THE PRESIDENT/CHIEF EXECUTIVE OFFICER

### MESEJ DARIPADA PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

The Corporation's best practices, know-how and expertise in SME development are much sought after by international bodies and countries in the Asia Pacific region as we continued to receive request to host study visits to learn from our experience and success stories in the growth and development of SMEs in Malaysia. In 2014 and in the first quarter of 2015, the Corporation hosted study visits from Bangladesh, Japan International Co-operation Agency (South Africa Office), Papua New Guinea, Thailand and Rwanda. The Corporation has also shared its knowledge and expertise with Timor Leste to assist with the establishment of a credit guarantee institution.

I would like to also report the performance of the Corporation in five (5) key areas against the target set for 2014 as follows:

Pengetahuan dan kepakaran CGC di dalam pembangunan PKS sememangnya diiktiraf oleh badan-badan antarabangsa dan negara-negara di rantau Asia Pasifik. CGC terus menerima permintaan untuk menjadi tuan rumah bagi lawatan sambil belajar untuk berkongsi pengalaman dan kejayaan kami dalam pertumbuhan dan pembangunan PKS di Malaysia. Pada tahun 2014 dan pada suku pertama 2015, CGC telah menjadi tuan rumah lawatan sambil belajar daripada Bangladesh, Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (pejabat Afrika Selatan), Papua New Guinea, Thailand dan Rwanda. CGC juga telah berkongsi pengetahuan dan kepakaran dengan Timor Leste untuk membantu menubuhkan sebuah institusi jaminan kredit di sana.

Saya juga ingin melaporkan prestasi CGC dalam lima (5) bidang utama berdasarkan sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2014 seperti berikut:

	<b>KPIs</b> <i>Indeks Prestasi Utama</i>	<b>Targets</b> <i>Sasaran</i>	<b>Actual</b> <i>Capaian</i>
<b>SME Outreach</b> <i>Jangkauan PKS</i>	1. Total Number of Loans Guaranteed <i>Bilangan Pinjaman yang Dijamin</i>	5,600	6,839
	2. Value of Loans Guaranteed <i>Nilai Pinjaman yang Dijamin</i>	RM2.7 Billion   <i>Bilion</i>	RM3.2 Billion   <i>Bilion</i>
	3. Number of Bumiputera Loans Guaranteed <i>Bilangan Pinjaman Bumiputera yang Dijamin</i>	1,960	1,605
<b>Efficiency Charter</b> <i>Piagam Kecekapan</i>	<b>Shared-Risk Main Scheme</b> <i>Skim Utama Pengkongsian Risiko</i>	<b>Charter Piagam</b>	
	4. Loan Processing for Portfolio Guarantee <i>Pemprosesan Pinjaman untuk Jaminan Portfolio</i>	3 Days   <i>Hari</i>	95% Within 3 Days   <i>Dalam 3 Hari</i>
	5. Claim Payment <i>Pembayaran Tuntutan</i>	10 Days   <i>Hari</i>	94% Within 10 Days   <i>Dalam 10 Hari</i>

The Corporation had exceeded the above KPIs except for the number of Bumiputera loans which is short by 18% against target. Nevertheless, in terms of value of loans guaranteed, 36% of total loans guaranteed were channelled to Bumiputera SMEs against a target of 30%.

The details of the performance of our guarantee and financing schemes are as stated in our SME Outreach Programme section.

CGC telah melangkaui lebih daripada Indeks Prestasi Utama di atas kecuali bilangan pinjaman Bumiputera yang kekurangan sebanyak 18% berbanding sasarannya. Walau bagaimanapun, dari segi nilai pinjaman yang dijamin, 36% daripada jumlah pinjaman yang dijamin telah disalurkan kepada PKS Bumiputera berbanding sasaran sebanyak 30%.

Butiran lanjut mengenai prestasi skim jaminan dan pembiayaan kami adalah sepertimana yang dinyatakan dalam kandungan Program Jangkauan PKS kami.

## MESSAGE FROM THE PRESIDENT/CHIEF EXECUTIVE OFFICER

MESEJ DARIPADA PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



**The Corporation's BizMula-i direct financing scheme launched to champion the start-up segment was well received by the market. Within one year, 347 applications valued at RM29.2 million were approved."**

*"Skim pembiayaan langsung BizMula-i CGC yang dilancarkan untuk menerajui segmen perniagaan baru telah menerima sambutan yang memberangsangkan dalam pasaran. Dalam masa satu tahun, 347 permohonan yang bernilai RM29.2 juta telah diluluskan."*



### FINANCIAL HIGHLIGHTS

The Corporation recorded RM81.8 million in terms of revenue in 2014, mainly contributed by the income from guarantee fees. The revenue dropped by 14% as compared with 2013 due to the higher loan approval from schemes with lower yielding guarantee fees such as Portfolio Guarantee and Wholesale Guarantee. There was an improvement in investment income by 31% compared with previous year mainly from higher returns from investment in bonds.

The operating expenses saw a marginal increase of 2.3% from 2013, mainly from the staff cost and the allowances for impairment of loans, advances and financing. With its risk management initiatives in place, the Corporation's provision for claims under the guarantee schemes reduced from RM61.8 million in 2013 to RM51.1 million.

As a result of the above, the Corporation ended the year 2014 with a net profit of RM143.8 million, a 23% increase from the 2013 net profit of RM116.9 million.

### MAKLUMAT PENTING KEWANGAN

Pada tahun 2014, CGC telah mencatatkan jumlah perolehan sebanyak RM81.8 juta terutamanya melalui pendapatan daripada yuran jaminan. Perolehan tersebut menurun sebanyak 14% berbanding tahun 2013 disebabkan oleh kelulusan pinjaman yang lebih tinggi daripada skim-skim yuran jaminan yang memberi pulangan lebih rendah seperti Jaminan Portfolio dan Jaminan Borong. Pendapatan pelaburan meningkat sebanyak 31% berbanding tahun sebelumnya dan ini disebabkan oleh pulangan yang lebih tinggi daripada pelaburan dalam bon.

Perbelanjaan operasi meningkat sebanyak 2.3% dari tahun 2013, terutamanya dari kos kakitangan dan peruntukan untuk rosot nilai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan. Dengan adanya inisiatif pengurusan risiko, peruntukan CGC bagi tuntutan di bawah skim jaminan dapat dikurangkan daripada RM61.8 juta pada tahun 2013 kepada RM51.1 juta.

Secara keseluruhannya, CGC menutup lembaran 2014 dengan mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM143.8 juta, iaitu peningkatan sebanyak 23% berbanding dengan keuntungan bersih sebanyak RM116.9 juta pada tahun 2013.



#### OUTLOOK, STRATEGIES AND DIRECTION

Despite the expected challenging business environment in 2015, the Corporation is optimistic to further strengthen its mandated role by offering specific guarantee products and services to fulfil the needs of the SMEs. We are committed to stay vigilant in the year by adopting prudent and responsible financing practices in our business conduct, whilst striving to provide a consistent and high level of service quality to customers.

The Corporation's business plan was formulated based on three (3) strategic thrust i.e. to balance between developmental role and financial sustainability, continued focus on service quality with underlying principles of "Professionalism, Efficiency & Effectiveness" as well as positioning the Corporation to be the household name for SMEs. In line with these thrusts, the Corporation has outlined seven (7) focus areas with clearly defined strategies to enable the Corporation to execute its mandated role as encapsulated in its 2015 budget theme 'Propelling Growth towards Greater Relevance'.

#### i) Maximising SME Outreach

The Corporation targets to approve 7,850 SME loans with a value of RM3.0 billion and will focus on providing financing in smaller-sized loans to ensure that more SMEs are able to benefit from its guarantee schemes. This approach will also help the Corporation to better manage the risks it undertakes.

The Corporation will continue its emphasis on growing the Portfolio Guarantee (PG) and the Wholesale Guarantee (WG) to increase its outreach. The main attractive features of PG is fast turnaround time of three (3) days for approval of guarantees, pre-determined eligibility criteria and simplified application procedures and documentation. Hence, the PG model has proven to be an innovative financing option that is both cost-effective and efficient with an approval rate of almost 100%. Additionally, the PG is designed and customised to suit the financing needs of both banks and customers.

#### STRATEGI DAN HALA TUJU

Walaupun persekitaran perniagaan dijangka akan lebih mencabar pada tahun 2015, CGC optimis untuk mengukuhkan lagi peranan yang dimandatkan dengan menawarkan produk dan perkhidmatan jaminan khusus untuk memenuhi keperluan PKS. Kami komited untuk terus berhati-hati pada tahun ini di dalam mengamalkan pembiayaan yang berhemat dan bertanggungjawab di samping berusaha untuk menyediakan tahap perkhidmatan pelanggan yang konsisten dan berkualiti tinggi.

Rancangan perniagaan kami telah digubal berdasarkan tiga (3) teras strategik iaitu untuk mengimbangi antara peranan pembangunan dan kemampanan kewangan, tumpuan berterusan kepada kualiti perkhidmatan dengan prinsip-prinsip asas "Profesionalisme, Kecekapan & Keberkesanan" serta meletakkan CGC sebagai nama yang sinonim dengan PKS. Seiring dengan teras ini, CGC telah menggariskan tujuh (7) bidang tumpuan dengan strategi yang jelas bagi membolehkan CGC melaksanakan peranan yang dimandatkan sepertimana yang terkandung dalam tema belanjawan 2015 kami iaitu 'Memacu Pertumbuhan Ke Arah yang Lebih Relevan'.

#### ii) Memaksimumkan Jangkauan PKS

CGC mensasarkan kelulusan bilangan pinjaman PKS sebanyak 7,850 bernilai RM3.0 bilion dan akan memberi tumpuan kepada pembiayaan pinjaman bersaiz kecil untuk memastikan bahawa lebih banyak PKS mendapat manfaat daripada skim jaminan kami. Pendekatan ini juga dapat membantu CGC untuk menguruskan risiko yang ditanggung oleh kami dengan lebih baik.

CGC akan terus memberi penekanan kepada pertumbuhan Jaminan Portfolio (PG) dan Jaminan Borong (WG) untuk meningkatkan jangkauannya. Ciri-ciri utama yang menarik mengenai PG adalah masa kelulusan jaminan yang singkat iaitu tiga (3) hari, kriteria kelayakan yang telah ditentukan dan prosedur permohonan dan dokumentasi yang mudah. Oleh itu, model PG ini telah terbukti menjadi satu pilihan pembiayaan inovatif yang kos efektif dan cekap dengan kadar kelulusan hampir 100%. Selain itu, PG direka bentuk untuk memenuhi keperluan pembiayaan untuk bank dan pelanggan.

## MESSAGE FROM THE PRESIDENT/CHIEF EXECUTIVE OFFICER

### MESEJ DARIPADA PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

In line with the Bumiputera Development Agenda, the Corporation will continue to drive higher Bumiputera loan base via TPUB-i targeting RM300 million approvals. It will introduce new Bumiputera-centric products through strategic alliance with the FIs and SME-related agencies.

There will also be a focus on product growth strategy on Government-back Schemes (GBS) targeted at specific sectors, namely the GTFS and IPFS. To further support the growth of start-ups, the Corporation will intensify the marketing of BizMula-i. And our branches will play an increasing role in marketing our products so as to expand our SME outreach.

In January 2014, the Corporation introduced the rebate mechanism on its guarantee fee as a reward to its customers for timely repayment and good conduct of their loan/financing account. The rebate incentive was initiated as one of the proactive measures by the Corporation to ease the cost of borrowing for the SMEs in light of the overall escalation in the cost of doing business. It was also intended to inculcate a sound credit culture amongst the SMEs and this rebate initiative will continue in 2015.

#### ii) Investment as an Integral Component of Business Model

The Corporation will continue with its low-risk investment and capital preservation strategy in managing its investment based on prudent asset allocation with the appropriate risk-adjusted returns. Investment income will continue to support the strengthening of the Corporation's reserves. Total investment income is targeted at RM147.4 million based on prudent asset allocation with the appropriate risk adjusted returns in view of the investment objective of capital preservation.

#### iii) Operational Efficiency and Effectiveness

The Corporation also aims at achieving efficiency in all its operations and services. Focus areas include improving turnaround time (TAT) on processing and documentation through improvement in business processes as well as reviewing back-office service level. As such, the Corporation targets a higher turnaround charter for 2015 of 90% compared with 80% last year.

Seiring dengan Agenda Pembangunan Bumiputera, CGC akan terus meningkatkan jumlah asas pinjaman Bumiputera melalui TPUB-i yang menasaskan kelulusan pinjaman sebanyak RM300 juta. CGC juga akan memperkenalkan produk khas Bumiputera yang baharu melalui usahasama strategik dengan institusi kewangan dan agensi-agensi yang berkaitan dengan PKS.

Tumpuan juga akan diberikan kepada strategi pertumbuhan produk yang dibiayai oleh Kerajaan yang menasaskan sektor-sektor tertentu, iaitu GTFS dan IPFS. Untuk terus menyokong pertumbuhan perniagaan baru, CGC akan mempergiatkan pemasaran BizMula-i. Rangkaian cawangan kami juga akan memainkan peranan yang lebih penting dalam memasarkan produk ini bagi memperluaskan lagi jangkauan PKS.

Pada bulan Januari 2014, CGC telah memperkenalkan mekanisma rebat ke atas yuran jaminan sebagai ganjaran kepada pelanggan yang membayar balik tepat pada masanya dan mengekalkan rekod pembayaran balik yang baik. Insentif rebat dimulakan sebagai salah satu langkah proaktif oleh CGC untuk mengurangkan kos pinjaman bagi PKS berdasarkan kenaikan keseluruhan kos perniagaan. Ia juga bertujuan untuk memupuk budaya kredit yang sihat di kalangan PKS dan inisiatif rebat ini akan diteruskan pada tahun 2015.

#### ii) Pelaburan sebagai Komponen Penting dalam Model Perniagaan

CGC akan meneruskan strategi pelaburan berisiko rendah dan pengekalan modal dalam menguruskan pelaburannya berdasarkan peruntukan aset berhemah dengan pulangan risiko yang disesuai selaraskan. Pendapatan pelaburan akan terus menyokong pengukuhan rizab CGC. Jumlah pendapatan pelaburan disasarkan pada RM147.4 juta dan berdasarkan kepada peruntukan aset berhemah dengan pulangan risiko yang disesuai selaraskan berdasarkan objektif pelaburan untuk pengekalan modal.

#### iii) Kecekapan dan Keberkesanan Operasi

CGC juga bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dalam semua aspek operasi dan perkhidmatannya. Bidang tumpuan termasuk menambahbaik masa yang diambil (TAT) dalam pemerosesan dan dokumentasi melalui peningkatan dalam proses perniagaan serta mengkaji tahap perkhidmatan kumpulan sokongan. Oleh itu, CGC menasaskan piagam tempoh pemprosesan yang lebih tinggi bagi 2015 sebanyak 90% berbanding dengan 80% pada tahun lepas.

The Corporation will also introduce a series of process improvement with focus on supervisory oversight for fast resolution to issues and bottlenecks. IT infrastructure and delivery for application enhancements will also be strengthened to support business change and regulations. This includes embarking on a new IT Blueprint and Data Warehouse project to better manage access to corporate data.

Recognising the challenges ahead, the Corporation will undertake various long-term strategic initiatives to build sustainability and to drive efficiency and effectiveness through business process improvements.

#### iv) Organisation Capacity and Capabilities

Moving forward, whilst efforts have been taken to improve capacity, it is important for the Corporation to further uplift the professional standards of its staff. The Corporation has designed a comprehensive suite of learning solutions to enhance competency on operational know-how mostly through face-to-face learning sessions both at the head office and branches. This include strengthening core functional and technical training as well as executing and managing the effectiveness of the training to build a competent and knowledgeable workforce.

Other areas that are of priority include ensuring leadership and talent development and intensification of the Performance-based Rewards. The Corporation is also active in participating in career fairs and roadshows to attract the right talents and also for enhanced brand visibility. A series of staff engagement activities has been lined-up for the year to inculcate team spirit and to motivate them to achieve higher levels of productivity and efficiency.

#### v) Governance and Internal Control

Whilst the Corporation accelerates its SME outreach agenda, it will continue to focus on embedding the right risk culture and improving internal controls. Some of the key risk initiatives include improvisation of credit risk profiling of SMEs, development of suitable operational risks management (ORM) tools for branches as well as Enterprise Risk Management (ERM) project.

CGC juga akan memperkenalkan pelbagai penambahbaikan proses dengan memberi tumpuan kepada pengawasan penyeliaan untuk penyelesaian segera berkenaan dengan isu-isu dan ketidaklancaran. Infrastruktur teknologi maklumat (IT) dan pelaksanaan peningkatan aplikasi juga akan diperkukuhkan untuk menyokong perubahan dalam perniagaan dan peraturan. Ini termasuk memulakan Rangka Pelan Tindakan IT yang baru dan projek Gudang Data untuk menguruskan dengan lebih baik akses kepada data korporat.

Menyedari cabaran yang mendatang, CGC akan melaksanakan pelbagai inisiatif strategik jangka panjang untuk membina kemampanan dan memacu kecekapan dan keberkesanan melalui peningkatan proses perniagaan.

#### iv) Kapasiti dan Keupayaan Organisasi

Melangkah ke hadapan, di samping usaha-usaha yang telah diambil untuk meningkatkan kapasiti, adalah penting bagi CGC untuk meningkatkan taraf profesionalisme kakitangannya. CGC telah mengadakan rangkaian latihan pembelajaran yang komprehensif untuk meningkatkan kecekapan pengetahuan operasi yang kebanyakannya melalui sesi pembelajaran formal di ibu pejabat dan cawangan kami. Ini termasuk mengukuhkan latihan asas fungsi dan teknikal serta melaksanakan dan menguruskan keberkesanan latihan tersebut untuk membina tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan.

Perkara-perkara lain yang diberi keutamaan termasuk memastikan pembangunan bakat kepimpinan dan menambahkan lagi ganjaran berasaskan prestasi. CGC juga aktif menyertai pameran kerjaya dan pameran bergerak untuk menarik tenaga kerja yang sesuai serta mempertingkatkan kesedaran jenamanya. Pelbagai aktiviti yang melibatkan kakitangan telah dirancang untuk tahun ini bagi memupuk semangat berpasukan serta memberi motivasi kepada mereka untuk mencapai tahap produktiviti dan kecekapan yang lebih tinggi.

#### v) Takbir Urus dan Kawalan Dalaman

Dalam CGC mempergiatkan agenda jangkauan PKS, ia akan turut memberi tumpuan kepada penerapan budaya risiko yang betul dan meningkatkan kawalan dalaman. Antara inisiatif risiko utama adalah termasuk mengubah profil risiko kredit PKS, pembangunan alat pengurusan risiko operasi (ORM) yang sesuai untuk rangkaian cawangan kami serta projek Pengurusan Risiko Perniagaan (ERM).

## MESSAGE FROM THE PRESIDENT/CHIEF EXECUTIVE OFFICER

### MESEJ DARIPADA PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Our compliance function will be entrenched further to ensure good governance with the appointment of a Designated Compliance Officer (DCO) at every department.

#### vi) Pursuing Financial Sustainability Agenda

The Corporation will remain committed to drive SME outreach in a financially sustainable manner and growth will be targeted to maintain a well balanced portfolio. There will be continued emphasis given to asset quality management and several initiatives have already been put in place which includes early care monitoring as well as stringent credit supervision.

In addition to the above, the Corporation is also embarking on the enhancement to the Internal Risk Rating Model (IRRM) with the objective of strengthening the robustness and reliability of the model.

#### vii) Brand Awareness

The Corporation remains committed to enhance its brand by continuing both above-the-line as well as below-the-line advertising campaigns and activities. The Corporation will also intensify its strategic collaboration with financial institutions (FIs) and non-FIs within the SME ecosystem. This includes active involvement in SME fairs, conferences as well as event sponsorships. The Corporation will also sponsor The Star Outstanding Business Awards in 2015 (SOBA 2015) to further enhance its market presence and brand. It is also to demonstrate the Corporation's commitment towards the growth and development of dynamic SMEs befitting its tagline 'Powering Malaysian SMEs'.

Fungsi pematuhan kami akan diperkukuh lagi untuk memastikan tadbir urus yang baik dengan pelantikan seorang Pegawai Pematuhan (Designated Compliance Officer) di setiap jabatan .

#### vi) Meneruskan Agenda Kemampuhan Kewangan

CGC akan terus komited untuk memacu jangkauan PKS melalui kemampuhan kewangan dan pertumbuhan akan disasarkan untuk mengekalkan portfolio yang seimbang. Penekanan yang berterusan akan diberikan kepada pengurusan kualiti asset dan beberapa inisiatif telah pun dilaksanakan termasuk pemantauan penjagaan awal serta pengawasan kredit yang ketat.

Di samping itu, CGC juga sedang melaksanakan penambahbaikan kepada 'Internal Risk Rating Model' (IRRM) dengan objektif untuk mengukuhkan keteguhan dan kebolehpercayaan model tersebut.

#### vii) Kesedaran Jenama

CGC juga komited untuk meningkatkan jenamanya dengan terus melaksanakan kempen-kempen dan aktiviti-aktiviti pengiklanan secara menyeluruh. CGC juga akan meningkatkan kerjasama strategik dengan institusi kewangan dan institusi bukan kewangan dalam ekosistem PKS. Ini termasuk penglibatan aktif dalam pameran PKS, persidangan serta penajaan acara. CGC juga akan menaja 'The Star Outstanding Business Awards 2015' (SOBA 2015) untuk meningkatkan lagi keterampilan CGC dalam pasaran dan jenamanya. Ini juga adalah untuk membuktikan komitmen CGC ke arah pertumbuhan dan pembangunan PKS yang dinamik sesuai dengan slogannya 'Memperkasakan PKS Malaysia'.



## MESSAGE FROM THE PRESIDENT/CHIEF EXECUTIVE OFFICER

### MESEJ DARIPADA PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Having outlined the above strategic objectives, I would like to share our key targets for 2015:

Setelah menggariskan objektif strategik di atas, saya ingin berkongsi sasaran utama kami untuk 2015:

	KPIs   Indeks Prestasi Utama	Targets   Sasaran
<b>SME Outreach</b> Jangkauan PKS	1. Total Number of Loans Guaranteed <i>Bilangan Pinjaman yang Dijamin</i>	7,850
	2. Value of Loans Guaranteed <i>Nilai Pinjaman yang Dijamin</i>	RM3.0 Billion   <i>Bilion</i>
	3. Number of Bumiputera Loans Guaranteed <i>Bilangan Pinjaman Bumiputera yang Dijamin</i>	2,750
	4. Value of Bumiputera Loans Guaranteed <i>Nilai Pinjaman Bumiputera yang Dijamin</i>	RM900 Million   <i>Juta</i>
<b>Efficiency Charter</b> Piagam Kecekapan	<b>Shared-Risk Main Scheme</b> <i>Skim Utama Perkongsian Risiko</i>	<b>Charter Piagam</b>
	5. Loan Processing for Portfolio Guarantee <i>Pemprosesan Pinjaman untuk Jaminan Portfolio</i>	3 Days   <i>Hari</i>
	6. Claim Payment <i>Pembayaran Tuntutan</i>	10 Days   <i>Hari</i>

I am confident that with a comprehensive strategy and holistic approach as outlined above, the Corporation would be able to accomplish all the targets set for 2015. My optimism also stems from the continued support of our valued customers, strategic partners, Bank Negara Malaysia, Board of Directors and my colleagues in the Corporation.

Saya yakin dengan strategi yang komprehensif dan pendekatan holistik sepertimana yang digariskan di atas, CGC akan dapat mencapai semua sasaran yang ditetapkan untuk tahun 2015. Keyakinan saya juga berpunca daripada sokongan berterusan daripada pelanggan yang dihargai, rakan kongsi strategik, Bank Negara Malaysia, Lembaga Pengarah dan rakan-rakan sekerja saya di CGC.

**Mohd Zamree Mohd Ishak**  
 President/Chief Executive Officer

**Mohd Zamree Mohd Ishak**  
 Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif



# SME OUTREACH

*JANGKAUAN PKS*

---



**Opportunities multiply when  
they are seized.”**

**Sun Tzu**

## OUR OUTREACH PROGRAMMES

### PROGRAM JANGKAUAN

The Corporation's vision and mission statements clearly underlines its commitment to the SMEs, that is to be an effective financial institution dedicated to promoting their growth and development as well as to enhance their viability through the provision of products and services at competitive terms and with the highest degree of professionalism, efficiency and effectiveness.

CGC Chairman, Dato' Agil Natt (far right), Deputy Governor of Bank Negara Malaysia Datuk Muhammad bin Ibrahim (2nd from right) and CGC President/CEO Datuk Wan Azhar Wan Ahmad (far left) showing the thumbs up with the rebate customers during the Customer Appreciation Luncheon held at Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia on 23 June 2014.

Pengerusi CGC, Dato' Agil Natt (kanan), Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Muhammad bin Ibrahim (2 dari kanan) dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif CGC, Datuk Wan Azhar Wan Ahmad (kiri) menunjukkan tanda berpuas hati bersama para pelanggan rebat sempena Majlis Makan Tengahari bersama Pelanggan yang diadakan di Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia pada 23 Jun 2014.



Visi dan misi CGC jelas menunjukkan komitmennya kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), iaitu untuk menjadi sebuah institusi kewangan yang berdedikasi dalam mempromosikan pertumbuhan dan pembangunan PKS serta meningkatkan daya maju mereka melalui penyediaan produk dan perkhidmatan yang kompetitif dengan tahap profesionalisme, kecekapan dan keberkesanan yang tinggi.



In January 2014, the Corporation introduced the rebate mechanism on its guarantee fee as a reward to its customers for timely repayment and good conduct of their loan account. The rebate incentive was initiated as one of the proactive measures by the Corporation to ease the cost of borrowing for the SMEs in light of the overall escalation in the cost of doing business. It was also intended to show them that it pays to maintain their loan facility efficiently and to inculcate a sound credit culture amongst the SMEs. The Corporation had allocated RM1.65 million for this purpose and since the launch, all 896 eligible borrowers had benefited from the rebates offered, some as high as 42% of the guarantee fees payable.

**In 2014, more than 9,000 queries from customers around the country were received and resolved within the client charter set.**

This rebate mechanism is an on-going programme to reward customers with good payment conduct. The schemes that are eligible for rebates include DAGS, Enhancer/Enhancer-i, Enhancer Bumi/Enhancer Bumi-i and Enhancer Direct/Enhancer Excel.

*Pada tahun 2014, lebih daripada 9,000 pertanyaan daripada pelanggan telah diterima dan diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan berdasarkan piagam pelanggan.*

To assist new business segment such as the start-ups that are generally viewed as high-risk within the financial sector, the Corporation launched the BizMula-i scheme with the first tranche of RM30 million. The direct

financing Syariah-compliant scheme provided an uplift to the development of new businesses that lacked track record or collateral. The underlying principle of the scheme is to encourage and nurture budding businessmen, who are equipped with reliable business plans, satisfactory business insight and a high entrepreneurship drive. It was indeed the first scheme in the Corporation's series of initiatives to ensure that the operations of new businesses become successful. Businesses are directly financed by the Corporation with financing ranging from RM50,000-RM300,000 with a repayment tenure of up to seven (7) years.

*Pada bulan Januari 2014, CGC memperkenalkan mekanisme rebat bagi yuran jaminannya sebagai ganjaran kepada pelanggan yang membayar balik pinjaman tepat pada masanya serta status akaun yang memberangsangkan. Insentif rebat telah dimulakan sebagai salah satu langkah proaktif oleh CGC dalam meringankan kos pinjaman bagi PKS memandangkan peningkatan keseluruhan dalam kos menjalankan perniagaan. Ia juga bertujuan untuk menunjukkan kepada mereka bahawa ia adalah berbaloi untuk mengekalkan kemudahan pinjaman mereka pada kadar yang terurus dan untuk memupuk budaya kredit yang sihat di kalangan PKS. CGC telah memperuntukkan RM1.65 juta bagi tujuan ini dan sejak pelancaran, kesemua 896 peminjam yang layak mendapat manfaat daripada rebat yang ditawarkan sehingga 42% daripada yuran jaminan yang dibayar. Mekanisme rebat ini adalah program berterusan untuk memberi ganjaran kepada pelanggan yang membuat urusan pembayaran balik yang baik. Skim-skim yang layak untuk rebat termasuk Skim Jaminan Laluan Terus (DAGS), Enhancer/Enhancer-i, Enhancer Bumi/Enhancer Bumi-i dan Enhancer Terus/Enhancer Excel.*

*Bagi membantu segmen perniagaan baru yang umumnya dianggap berisiko tinggi dalam sektor kewangan, CGC melancarkan skim BizMula-i dengan peruntukan awal sebanyak RM30 juta. Skim pembiayaan langsung yang mematuhi syarat Syariah menyediakan peluang bagi pembangunan perniagaan baru yang tidak mempunyai rekod atau cagar. Prinsip asas skim ini adalah untuk menggalakkan dan memupuk ahli perniagaan tunas, yang dilengkapi dengan pelan perniagaan yang baik, pengetahuan perniagaan yang memuaskan dan daya keusahawanan yang tinggi. Ia sememangnya skim yang pertama dalam rentetan inisiatif CGC untuk memastikan operasi perniagaan baru berjaya. Perniagaan baru dibiayai secara langsung oleh CGC dengan pembiayaan dari RM50,000 - RM300,000 dengan tempoh pembayaran balik sehingga tujuh (7) tahun.*

## OUR OUTREACH PROGRAMMES

### PROGRAM JANGKAUAN

**With our more enhanced and comprehensive customer support system managed by our Customer Relationship Executives, we are able to answer all inquiries and help our customers to understand our products, services and processes better.**

*Dengan sistem sokongan pelanggan yang telah dipertingkatkan dan menyeluruh yang diuruskan oleh Eksekutif Perhubungan Pelanggan CGC, kami mampu melayani semua pertanyaan dan membantu pelanggan-pelanggan kami dalam memahami produk, perkhidmatan dan proses CGC dengan lebih baik.*

The Corporation has also taken the initiative to further assist the Bumiputera entrepreneurs through its strategic collaboration with the financial institutions and trade chambers. The Corporation signed a Portfolio Guarantee agreement with Malayan Banking Berhad with a focus on Bumiputera SMEs. Financing was extended to the marginal but potentially viable Bumiputera SMEs by enhancing the bank's level of confidence in providing financing through higher guarantee coverage by the Corporation. At the same time, Maybank had also agreed to minimise the cost of borrowing in order to assist the Bumiputera SMEs. In conjunction with this, the Corporation signed a Memorandum of Understanding (MoU) with the National Malay Chamber of Commerce (Dewan Perniagaan Melayu Malaysia - DPMM) to establish a collaborative framework to improve Bumiputera SMEs' access to financing by helping to create greater awareness of the financing facilities offered by the Corporation.

In 2014, more than 9,000 queries from customers were received and resolved within the client charter set.



*CGC juga telah mengambil inisiatif untuk membantu usahawan Bumiputera melalui kerjasama strategik dengan institusi kewangan dan dewan-dewan perniagaan. CGC menandatangani perjanjian Jaminan Portfolio bersama Malayan Banking Berhad yang mempunyai tumpuan kepada PKS Bumiputera. Pembiayaan diperluaskan kepada PKS Bumiputera yang berpotensi dan berdaya maju dengan meningkatkan tahap keyakinan bank dalam menyediakan pembiayaan melalui perlindungan jaminan yang lebih tinggi oleh CGC. Pada masa yang sama, sebagai sebahagian daripada teras strategik dalam urusan perbankan, Malayan Banking Berhad juga telah bersetuju untuk mengurangkan kos pinjaman bagi membantu PKS Bumiputera. Bersempena dengan ini, CGC telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Dewan Perniagaan Melayu Kebangsaan (DPMM) bagi mewujudkan rangka kerja usahasama untuk meningkatkan akses PKS Bumiputera kepada pembiayaan dengan membantu untuk mewujudkan kesedaran yang lebih tinggi di atas kemudahan pembiayaan yang ditawarkan oleh CGC di kalangan PKS Bumiputera.*

*Pada tahun 2014, lebih daripada 9,000 pertanyaan daripada pelanggan di seluruh negara telah diterima dan diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan berdasarkan piagam pelanggan.*

CGC's Client Service Centre (CSC) registered 97% rate of achievement in terms of First Call Resolution (FCR), reflecting an improvement in the process flow and customer service system. This enabled our customers to obtain information promptly and resolve any issues quickly and effectively.

With our more enhanced and comprehensive customer support system managed by our Customer Relationship Executives, we are able to answer all inquiries and help our customers to understand our products, services and processes better.

Kurangan dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	3,874	36,073	3,874	36,073
Kurangan ke atas tuntutan-tuntutan pemiutang	(158,740)	(155,270)	(158,740)	(155,270)
Tambahan ke atas bil-bil dan penerimaan belum bayar	3,442	2,206	4,472	1,181
<b>Tunai dijana daripada aktiviti operasi</b>	<b>69,847</b>	102,913	<b>69,727</b>	100,752
<b>Cukai dibayar</b>	<b>(2)</b>	(3)	-	-
<b>Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi</b>	<b>69,845</b>	102,910	<b>69,727</b>	100,752

## PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	Kumpulan		Syarikat	
	2014 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>				
Perolehan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	170	203	170	203
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(1,865)	(3,650)	(1,765)	(3,572)
Pembelian aset-aset tidak ketara	(4,095)	(2,210)	(2,185)	-
Pembayaran pinjaman belum dibayar daripada subsidiari	-	-	66	84
Pengeluaran pinjaman belum dibayar daripada subsidiari	-	-	(2,513)	-
Modal bersih pengagihan/(sumbangan) dalam dana pelaburan (AFS)	2,961	(1,926)	2,961	(1,926)
Pembelian pelaburan AFS	(325,106)	(160,140)	(325,106)	(160,140)
Pembelian pelaburan FVTPL	(841,385)	(470,009)	(841,385)	(470,009)
Pembelian pelaburan HTM	(90,000)	-	(90,000)	-
Perolehan daripada penjualan pelaburan AFS	65,000	202,433	65,000	202,433
Perolehan dari penjualan pelaburan FVTPL	929,010	636,361	929,010	636,361
Tambahan/(kurangan) liabiliti-liabiliti kewangan derivatif (bersih)	1,837	(2,627)	1,837	(2,627)
Kurangan simpanan tetap	242,762	434,216	242,762	434,216
<b>Tunai bersih (dijana daripada)/digunakan dalam aktiviti pelaburan</b>	<b>(20,711)</b>	632,651	<b>(21,148)</b>	635,023
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>				
Pengeluaran pinjaman pembayaran balik pinjaman kepada kepentingan tidak dikawal	714	-	-	-
Pembayaran balik pinjaman kepada kepentingan tidak dikawal	-	(11)	-	-
Pembayaran balik Skim Jaminan Usahawan Kecil	(4,000)	(4,000)	(4,000)	(4,000)
Pembayaran balik Skim Kemudahan Pemodenan dan Bantuan Khas	-	(700,000)	-	(700,000)
Pembayaran balik dana-dana Kerajaan	(5,500)	(3,500)	(5,500)	(3,500)
Pembayaran balik Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil	-	(33)	-	(33)
<b>Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan</b>	<b>(8,786)</b>	(707,544)	<b>(9,500)</b>	(707,533)
<b>PENINGKATAN BERSIH TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI DALAM TAHUN KEWANGAN</b>	<b>40,348</b>	28,017	<b>39,079</b>	28,242
<b>TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN</b>	<b>65,916</b>	37,899	<b>65,545</b>	37,303
<b>TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN</b>	<b>106,264</b>	65,916	<b>104,624</b>	65,545
Tunai dan setara tunai merangkumi: Wang tunai dan baki dalam bank	106,264	65,916	104,624	65,545

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2014

## 1. AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT AM

Kegiatan utama Syarikat adalah memberi jaminan, pinjaman dan pembiayaan. Aktiviti utama subsidiari adalah menyediakan perkhidmatan rujukan kredit, penilaian kredit serta perkhidmatan yang berkaitan dengan biro kredit. Tiada sebarang perubahan yang ketara dalam kegiatan utama sepanjang tahun kewangan.

Syarikat ini adalah syarikat awam yang mempunyai liabiliti terhad, ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia.

Alamat pejabat berdaftar Syarikat ialah di Aras 14, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, No. 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor.

Tempat urusan perniagaan utama Syarikat ialah di Aras 8, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, No. 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor.

Penyata kewangan telah diluluskan untuk diterbitkan dengan resolusi Lembaga Pengarah pada 22 April 2015.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

Dasar-dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam menangani perkara-perkara yang dianggap penting berhubung dengan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

### 2.1 Asas Penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan mengikut peruntukan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS"), dan keperluan dalam Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan dasar-dasar perakaunan utama.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan yang kritikal serta andaian yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan perbelanjaan dalam tempoh yang dilaporkan. Pertimbangan para Pengarah juga diperlukan dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan Syarikat. Walaupun anggaran dan pertimbangan tersebut dibuat berdasarkan kebijaksanaan Pengarah-pengarah tentang peristiwa dan tindakan terkini, namun keputusan sebenar mungkin berbeza.

Perkara yang melibatkan tahap pertimbangan yang lebih tinggi atau rumit, atau perkara yang andaian dan anggaran memberi impak yang ketara kepada penyata kewangan didedahkan dalam Nota 3.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.1 Asas Penyediaan (sambungan)

#### (a) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diumumkan dan interpretasi piawaian sedia ada yang terpakai dan berkuatkuasa bagi Kumpulan dan Syarikat

Pada 1 Januari 2014, Kumpulan dan Syarikat menerima pakai piawaian mandatori berikut bagi tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014:

- Pindaan kepada MFRS 132 "Instrumen Kewangan: Penyediaan" (berkuatkuasa dari 1 Januari 2014) tidak mengubah model semasa pengimbangan dalam MFRS 132. Ia menjelaskan makna dari 'kini mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan tolakan' bahawa hak ditolak mesti tersedia pada hari ini (tidak bergantung pada peristiwa masa depan) dan mengikut undang-undang untuk semua pihak dalam urusan biasa perniagaan. Ia menjelaskan bahawa beberapa mekanisme penyelesaian kasar dengan ciri-ciri yang berkesan setara dengan penyelesaian bersih akan memenuhi MFRS 132 kriteria pengimbangan.
- Pindaan kepada MFRS 10, MFRS 12 dan MFRS 127 (berkuatkuasa dari 1 Januari 2014) memperkenalkan pengecualian kepada penyatuan untuk entiti pelaburan. Entiti pelaburan adalah entiti perniagaan yang tujuannya adalah untuk melaburkan wang semata-mata untuk pulangan dari peningkatan modal, pendapatan pelaburan atau kedua-duanya dan menilai prestasi pelaburan pada asas nilai saksama. Pindaan memerlukan entiti untuk mengukur pelaburan anak-anak syarikat tertentu pada nilai saksama dan bukannya menyatukan mereka.

Penerimaan pindaan kepada piawaian yang diterbitkan tidak memberi apa-apa kesan kewangan yang ketara kepada Kumpulan dan Syarikat selain daripada pendedahan yang lebih hebat kepada penyata kewangan.

#### (b) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan interpretasi kepada piawaian sedia ada yang terpakai bagi Kumpulan dan Syarikat tetapi masih belum efektif

Kumpulan dan Syarikat akan mengguna pakai piawaian baru, pindaan kepada piawaian dan interpretasi dalam tempoh berikut:

- (i) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2016
  - Pindaan kepada MFRS 116 'Hartanah, Loji dan Peralatan' dan MFRS 138 'Aset-aset tidak ketara' menjelaskan bahawa penggunaan kaedah berasaskan pendapatan untuk mengira susutnilai dan pelunasan sesuatu hartanah, loji dan peralatan dan aset tidak ketara tidak sesuai. Ini kerana hasil yang dijana oleh aktiviti yang merangkumi penggunaan aset umumnya menggambarkan faktor-faktor lain daripada penggunaan manfaat ekonomi hadapan dalam aset. Pindaan kepada MFRS 138 juga menjelaskan hasil yang secara umumnya dianggap sebagai asas tidak sesuai untuk mengukur penggunaan manfaat ekonomi yang termaktub dalam aset tidak ketara. Anggapan ini dapat diatasi hanya dalam keadaan tertentu di mana aset tidak ketara dinyatakan sebagai ukuran hasil atau di mana ia menunjukkan hasil dan penggunaan manfaat ekonomi aset tidak ketara berkait rapat.
- (ii) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2017
  - MFRS 15 'Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan' memperkatakan pengiktirafan hasil dan menetapkan prinsip untuk melaporkan maklumat berguna kepada pengguna penyata kewangan mengenai sifat, jumlah, masa dan ketidakpastian hasil dan aliran tunai yang timbul daripada kontrak entiti dengan pelanggan. Hasil diiktiraf apabila pelanggan mendapat kawalan yang baik atau perkhidmatan, dan dengan itu mempunyai keupayaan untuk mengarahkan penggunaan dan mendapatkan manfaat dari barang atau perkhidmatan. Piawaian ini menggantikan MFRS 118 'Hasil' dan MFRS 111 'Kontrak Pembinaan' dan tafsiran yang berkaitan.



## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.1 Asas Penyediaan (sambungan)

#### (b) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan interpretasi kepada piawaian sedia ada yang terpakai bagi Kumpulan dan Syarikat tetapi masih belum efektif (sambungan)

(iii) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2018

- MFRS 9 'Instrumen Kewangan' akan menggantikan MFRS 139 "Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran". MFRS 9 mengekalkan tetapi memudahkan model pengukuran yang bercampur-campur dalam MFRS 139 dan menetapkan tiga kategori utama pengukuran untuk aset kewangan: kos dilunaskan, nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian dan nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("OCI"). Asas klasifikasi bergantung kepada model perniagaan entiti dan ciri-ciri aliran tunai berkontrak bagi aset kewangan. Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang sentiasa diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi dengan pilihan yang tidak boleh ditarik balik pada permulaan bagi membentangkan perubahan dalam nilai saksama dalam OCI (dengan syarat instrumen itu tidak dipegang untuk urus niaga). Instrumen hutang diukur pada kos yang dilunaskan hanya jika entiti itu memegangnya untuk mengumpul aliran tunai kontrak dan aliran tunai mewakili pokok dan faedah. Bagi liabiliti, piawaian mengekalkan sebahagian besar keperluan MFRS 139. Ini termasuk kos dilunaskan perakaunan bagi kebanyakan liabiliti kewangan, dengan pencabangan dua derivatif terbenam. Perubahan utama adalah bahawa, dalam kes-kes di mana opsyen nilai saksama diambil bagi liabiliti kewangan, bahagian daripada perubahan nilai saksama kerana risiko kredit entiti sendiri direkodkan dalam pendapatan komprehensif lain dan bukannya penyata pendapatan, melainkan jika ini mewujudkan perakaunan yang tidak sepadan. Sekarang terdapat satu model kerugian kredit dijangka baru mengenai kemerosotan bagi semua aset kewangan yang menggantikan model kerugian kemerosotan yang ditanggung digunakan dalam MFRS 139. Model kerugian kredit dijangka berpandangan ke hadapan dan menghapuskan keperluan untuk pencetus peristiwa telah berlaku sebelum kerugian kredit boleh diiktiraf.

Kumpulan dan Syarikat akan menggunakan piawaian ini apabila berkuatkuasa. Penerimaan pakai piawaian di atas, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian sedia ada tidak dijangka mempunyai sebarang kesan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat kecuali kepada MFRS 9. Kesan kewangan kepada gunapakai MFRS 9 dan MFRS 15 masih lagi sedang dinilai oleh Kumpulan dan Syarikat.

### 2.2 Penyatuan, subsidiari dan syarikat bersekutu

#### (a) Subsidiari-subsidiari

Subsidiari-subsidiari adalah semua entiti yang mana Kumpulan mempunyai kawalan ke atasnya. Kumpulan mengawal entiti tersebut apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak kepada, pulangan yang berubah-ubah dari penglibatannya dengan entiti dan mempunyai keupayaan untuk memberi kesan kepada pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas entiti. Subsidiari disatukan sepenuhnya dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan. Mereka diasingkan pada tarikh kawalan tersebut tamat.

Kumpulan menggunakan kaedah pengambilalihan bagi mengakaunkan penggabungan perniagaan. Ganjaran yang dipindahkan untuk pembelian anak syarikat ialah nilai-nilai saksama aset yang dipindahkan, liabiliti yang ditanggung oleh bekas pemilik syarikat yang diambil alih dan kepentingan ekuiti yang diterbitkan oleh Kumpulan. Ganjaran yang dipindahkan termasuklah nilai saksama sebarang aset atau liabiliti akibat daripada susunan pertimbangan luar jangka. Aset dikenalpasti yang diambilalih dan liabiliti dan liabiliti luar jangka yang ditanggung dalam gabungan perniagaan adalah diukur pada mulanya menurut nilai saksama pada tarikh pengambilalihan.

Kumpulan mengiktiraf sebarang kepentingan luar kawalan dalam syarikat yang diambilalih mengikut kes demi kes, samada pada nilai saksama atau pada sebahagian saham kepentingan luar kawalan bagi jumlah yang diambilkira ke atas aset bersih yang boleh dikenalpasti.

Kos berkaitan pengambilalihan diambil kira apabila berlaku.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.2 Penyatuan, subsidiari dan syarikat bersekutu (sambungan)

#### (a) Subsidiari-subsidiari (sambungan)

Jika penyatuan perniagaan tersebut berlaku secara berperingkat, nilai saksama dalam ekuiti Syarikat pada tarikh pengambilalihan yang sebelum ini dinilai semula berdasarkan nilai saksama pada tarikh pengambilalihan melalui penyata pendapatan.

Sebarang ganjaran luar jangka yang akan dipindahkan oleh Kumpulan dinyatakan pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan seterusnya kepada nilai saksama bagi ganjaran luar jangka yang disifatkan sebagai sesuatu aset atau liabiliti diambilkira menurut MFRS 139, samada dalam penyata pendapatan atau sebagai perubahan kepada pendapatan komprehensif yang lain. Pertimbangan luar jangka yang dikelaskan sebagai ekuiti tidak diukur semula dan penyelesaian berikutnya diambilkira di dalam ekuiti.

Lebih ganjaran yang dipindahkan, jumlah sebarang kepentingan luar kawalan yang diambil alih dan nilai saksama tarikh pengambilalihan dalam kepentingan ekuiti terdahulu yang diambilalih ke atas nilai saksama aset bersih yang boleh dikenalpasti adalah dinyatakan sebagai muhibah. Jika jumlah ganjaran yang dipindahkan, kepentingan luar kawalan yang dinyatakan dan yang dipegang setelah diukur adalah kurang daripada aset bersih Syarikat subsidiari yang diperolehi dalam kes pembelian yang rendah, perbezaannya dinyatakan secara langsung dalam penyata pendapatan.

Urusniaga antara Syarikat, baki-baki dan keuntungan/(kerugian) belum direalisasikan ke atas urusniaga antara syarikat-syarikat dalam Kumpulan adalah dihapuskan semasa penyatuan. Apabila perlu, jumlah yang dilaporkan oleh anak-anak syarikat akan diselaraskan bagi mematuhi dasar-dasar perakaunan Kumpulan.

#### (b) Syarikat bersekutu

Syarikat-syarikat bersekutu merupakan semua entiti yang mana Kumpulan mempunyai pengaruh yang ketara tetapi bukan kawalan terhadapnya, secara umumnya disertai dengan pegangan saham antara 20% dan 50% daripada hak mengundi. Pengaruh yang ketara adalah kuasa untuk terlibat dalam polisi kewangan dan operasi melalui wakil di dalam Lembaga Pengarah tetapi bukan kuasa untuk mengawal polisi-polisi tersebut.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambilkira menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan pada mulanya dinyatakan pada kos, dan nilai bawaan akan bertambah atau berkurang untuk mengiktiraf saham pelabur daripada untung atau rugi syarikat yang dilabur berkenaan selepas tarikh pengambilalihan. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu meliputi muhibah yang dikenal pasti daripada pengambilalihan.

Jika kepentingan pemilikan dalam sesebuah syarikat bersekutu dikurangkan tetapi pengaruh ketara dikekalkan, hanya bahagian tertentu sahaja daripada jumlah saham yang sebelum ini dinyatakan dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasi semula kepada penyata pendapatan di mana sesuai.

Bahagian Kumpulan ke atas untung atau rugi selepas pengambilalihan diiktiraf dalam penyata pendapatan, dan bahagiannya dalam pergerakan lain-lain pendapatan komprehensif selepas pengambilalihan diambilkira dalam lain-lain pendapatan komprehensif dengan pelarasan berkaitan kepada jumlah bawaan pelaburan tersebut. Apabila bahagian Kumpulan merupakan kerugian dalam syarikat bersekutu yang bersamaan atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu berkenaan, termasuk sebarang hutang-hutang lain yang tidak bercagar, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian lanjutan, kecuali ia telah melibatkan tanggungan yang menurut undang-undang atau secara tersusun atau bayaran dibuat bagi pihak syarikat bersekutu.

Kumpulan menentukan pada setiap tarikh laporan samada terdapat sebarang bukti objektif bahawa pelaburan dalam syarikat bersekutu telah rosot nilai. Jika ini berlaku, Kumpulan mengira jumlah ini sebagai perbezaan di antara jumlah boleh diperolehi semula oleh syarikat bersekutu dan nilai bawaannya dan mengiktiraf jumlah yang tersebut kepada bahagian keuntungan/(kerugian) syarikat bersekutu dalam penyata pendapatan.

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)**

**2.2 Penyatuan, subsidiari dan syarikat bersekutu (sambungan)**

**(b) Syarikat bersekutu (sambungan)**

Untung dan rugi yang terhasil daripada urusniaga di antara Kumpulan dan syarikat bersekutunya adalah diiktiraf di dalam penyata kewangan Kumpulan itu hanya setakat kepentingan pelabur yang tidak berkaitan di dalam syarikat bersekutu. Kerugian tidak direalisasi adalah dihapuskan melainkan urusniaga berkenaan menunjukkan bukti rosot nilai aset yang dipindahkan. Polisi-polisi perakaunan syarikat-syarikat bersekutu telah diubah di mana perlu bagi memastikan ketekalan dengan polisi-polisi yang digunapakai oleh Kumpulan.

Kecairan keuntungan dan kerugian yang wujud daripada pelaburan dalam syarikat bersekutu adalah dinyatakan dalam penyata pendapatan.

**(c) Pelaburan dalam subsidiari dan syarikat bersekutu**

Dalam penyata kewangan Syarikat yang berasingan, pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu adalah dinyatakan pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul. Pada akhir tempoh setiap pelaporan, Kumpulan menilai samada wujud sebarang tanda rosot nilai. Apabila tanda rosot nilai wujud, nilai bawaan pelaburan tersebut dinilai dan dikurang catatkan serta-merta menurut jumlah yang boleh diperolehi semula. Sila lihat polisi perakaunan Nota 2.6 bagi rosot nilai aset-aset bukan kewangan.

Semasa penjualan pelaburan dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu, perbezaan di antara hasil pelupusan dan nilai bawaan pelaburan dinyatakan dalam penyata pendapatan.

**2.3 Hartanah, loji dan peralatan**

Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Kos ini termasuk perbelanjaan secara langsung yang boleh dikaitkan kepada pengambilalihan aset.

Kos seterusnya dimasukkan dalam jumlah nilai bawaan aset atau dinyatakan sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa faedah ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan perkara tersebut akan diperolehi oleh Kumpulan dan Syarikat, dan kos yang ditanggung tersebut boleh diukur dengan munasabah. Nilai bawaan bagi bahagian yang diganti adalah dinyah-iktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain adalah dinyatakan sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dalam tempoh kewangan di mana ia berlaku.

Hartanah, loji dan peralatan adalah disusutnilaikan menggunakan kaedah garis lurus, untuk mengagihkan kos aset ke atas anggaran hayat berguna, diringkaskan seperti berikut:

Bangunan	25 tahun
Tanah pajakan	Mengikut baki tempoh pajakan
Kenderaan bermotor	5 tahun
Peralatan pejabat	5 tahun
Perabot, kelengkapan dan lekapan	5 tahun
Pengubahsuaian	5 tahun
Peralatan komputer	5 tahun

Nilai sisa dan hayat berguna aset adalah dikaji semula dan diselaraskan jika sesuai, pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan.

Pada akhir tempoh laporan, Kumpulan dan Syarikat menilai samada wujud sebarang petunjuk rosot nilai. Sekiranya wujud, analisa dilakukan untuk menilai samada nilai bawaan aset boleh ditebus semula sepenuhnya. Pelupusan dibuat jika nilai bawaan melebihi jumlah boleh diperolehi semula. Sila lihat dasar perakaunan Nota 2.6 mengenai penurunan nilai aset bukan kewangan.

Keuntungan dan kerugian atas pelupusan adalah ditentukan dengan membandingkan hasil dengan nilai bawaan dan dikreditkan atau dicajkan kepada penyata pendapatan.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.4 Aset-aset tidak ketara

Aset-aset tidak ketara terdiri daripada kos data yang dipermodalkan dan perisian aplikasi.

Aset-aset tidak ketara dengan usia guna yang terhad, dinyatakan pada nilai kos dan ditolak darinya pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

Perbelanjaan seterusnya hanya akan dipermodalkan jika ianya meningkatkan faedah-faedah ekonomi pada masa hadapan daripada aset-aset tertentu yang berhubung kait dengannya. Semua perbelanjaan lain akan diambilkira di dalam penyata pendapatan apabila ianya berlaku.

Aset tidak ketara dengan jangka hayat penggunaan yang terhad akan dilunaskan pada tarikh ia sedia untuk digunakan.

Pelunasan dinyatakan di dalam penyata pendapatan berasaskan garis lurus sepanjang tempoh hayat aset-aset tidak ketara, seperti berikut:

Kos data yang dipermodalkan	5 tahun
Perisian aplikasi	5 tahun

Kaedah pelunasan, hayat berguna dan nilai sisa aset adalah dikaji semula dan diselaraskan jika sesuai, pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan.

Pada akhir tempoh laporan, Kumpulan dan Syarikat menilai samada wujud sebarang petunjuk rosot nilai. Sekiranya wujud, analisa dilakukan untuk menilai samada nilai bawaan aset boleh ditebus semula sepenuhnya. Pelupusan dibuat jika nilai bawaan melebihi jumlah boleh diperolehi semula. Sila lihat dasar perakaunan Nota 2.6 mengenai penurunan nilai aset bukan kewangan.

Perbelanjaan ini termasuk untuk pembangunan perisian yang dikenali sebagai perbelanjaan pembangunan sehingga perisian tersebut sedia untuk digunakan. Perbelanjaan ini juga termasuk kos perisian, gaji, dan kos pinjaman yang terlibat secara langsung dengan pembangunan ini.

### 2.5 Aset-aset kewangan

#### (a) Pengkelasan

Kumpulan dan Syarikat mengklasifikasikan aset kewangannya melalui kategori berikut: Aset kewangan pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian (FVTPL), pinjaman dan penghutang, pelaburan kewangan sedia untuk dijual (AFS) dan pelaburan kewangan dipegang sehingga matang (HTM). Pengkelasan ini bergantung kepada tujuan yang mana aset kewangan telah diperolehi. Pihak Pengurusan menentukan klasifikasi pada awal pengiktirafan.

#### (i) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FVTPL)

Aset kewangan "FVTPL" adalah aset kewangan yang dipegang untuk urusan niaga. Aset kewangan dikelaskan dalam kategori ini apabila ianya diperolehi atau dibeli terutamanya bagi tujuan jualan atau pembelian semula dalam tempoh terdekat. Aset-aset dalam kategori ini adalah dikelaskan sebagai aset semasa jika ianya dijangka akan diselesaikan dalam tempoh 12 bulan; jika tidak, ia dikelaskan sebagai bukan semasa.

#### (ii) Pinjaman dan penghutang

Pinjaman dan hutang belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut dalam pasaran aktif. Ia termasuk dalam aset semasa, kecuali bagi tempoh matang yang lebih daripada 12 bulan dari tarikh akhir tempoh laporan. Semua ini adalah diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa.

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)**

**2.5 Aset-aset kewangan (sambungan)**

*(a) Pengkelasan (sambungan)*

(ii) Pinjaman dan penghutang (sambungan)

Pinjaman dan penghutang Kumpulan dan Syarikat adalah terdiri daripada 'simpanan tetap', 'pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan', 'pinjaman terhutang dari subsidiari', 'jumlah terhutang daripada subsidiari', 'jumlah terhutang oleh Bank Negara Malaysia', 'penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang' dan 'wang tunai dan kesamaan wang tunai' dinyatakan dalam penyata kedudukan kewangan.

(iii) Pelaburan kewangan AFS

Pelaburan kewangan AFS adalah bukan derivatif samada yang ditetapkan dalam kategori ini atau tidak dikelaskan dalam mana-mana kategori yang lain. Ia dimasukkan dalam aset bukan semasa kecuali pelaburan itu matang atau pihak Pengurusan berhasrat untuk melupuskannya dalam tempoh 12 bulan dari akhir tempoh laporan.

(iv) Pelaburan kewangan HTM

Pelaburan kewangan HTM adalah aset-aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan dan kematangan tetap di mana pihak Pengurusan Kumpulan dan Syarikat mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Jika Kumpulan dan Syarikat menjual selain daripada suatu amaun yang tidak ketara aset kewangan HTM, keseluruhan kategori itu akan tercemar dan dikelaskan semula sebagai AFS.

*(b) Pengiktirafan dan pengukuran awal*

Aset kewangan dinyatakan pada awalnya mengikut nilai saksama termasuk kos urus niaga untuk semua aset kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama menerusi untung atau rugi. Aset kewangan FVTPL pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, dan kos urusniaga dibelanjakan dalam penyata pendapatan.

*(c) Pengukuran seterusnya - keuntungan dan kerugian*

Aset kewangan FVTPL dan AFS kemudiannya dikira pada nilai saksama.

Pinjaman dan penghutang dan aset kewangan HTM seterusnya dikira pada pelunasan kos menggunakan kaedah faedah efektif.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan FVTPL, termasuklah kesan terjemahan mata wang, faedah dan pendapatan dividen dinyatakan dalam penyata pendapatan dalam tempoh di mana perubahan itu muncul.

Perubahan dalam nilai saksama aset AFS dinyatakan dalam lain-lain pendapatan komprehensif, kecuali untuk kerugian rosot nilai (sila lihat polisi perakaunan Nota 2.5 (d)) dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing. Perbezaan pertukaran bagi aset-aset kewangan dinyatakan dalam penyata pendapatan.

Faedah dan pendapatan dividen atas aset kewangan AFS adalah dinyatakan secara berasingan dalam penyata pendapatan. Faedah atas sekuriti hutang AFS dikira menggunakan kaedah faedah efektif dan dinyatakan dalam penyata pendapatan. Pendapatan dividen atas instrumen ekuiti AFS dinyatakan dalam penyata pendapatan apabila hak Kumpulan dan Syarikat untuk menerima bayaran telah ditentukan.



## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.5 Aset-aset kewangan (sambungan)

#### (d) Pengukuran seterusnya - rosot nilai aset kewangan

##### Aset-aset yang dibawa pada kos pelunasan

Kumpulan dan Syarikat akan menilai pada penghujung tempoh laporan samada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan rosot nilai. Aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan rosot nilai dan kerugian rosot nilai berlaku hanya jika terdapat bukti objektif rosot nilai akibat daripada satu atau lebih peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset (satu 'kejadian kerugian') dan kejadian kerugian tersebut (atau kejadian-kejadian) mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan bagi aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan pasti.

Bukti rosot nilai ini boleh termasuk tanda-tanda bahawa peminjam atau sekumpulan peminjam mengalami masalah kewangan yang ketara, kebarangkalian bahawa mereka akan mufis atau penyusunan semula, keingkaran dalam bayaran faedah atau pokok atau di mana data menunjukkan bahawa terdapat pengurangan dalam jangkaan aliran tunai masa depan, seperti perubahan ekonomi yang berhubung kait dengan kegagalan bayaran.

Jumlah kerugian adalah diukur sebagai perbezaan antara nilai bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit yang belum dialami) didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset kewangan tersebut. Nilai bawaan aset adalah dikurangkan dan jumlah kerugian dinyatakan dalam penyata pendapatan. Jika 'pinjaman dan penghutang' mempunyai kadar faedah yang berubah-ubah, kadar diskaun untuk mengukur sebarang kerugian rosot nilai adalah kadar faedah efektif semasa yang ditentukan di bawah kontrak. Sebagai sesuatu yang efektif, Kumpulan dan Syarikat boleh mengukur rosot nilai atas asas nilai saksama instrumen menggunakan harga pasaran pemerhati.

Jika, dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurangan dan pengurangan itu boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas rosot nilai dinyatakan (seperti peningkatan dalam penarafan kredit penghutang), pembalikan kerugian rosot nilai dinyatakan sebelum ini adalah dinyatakan dalam penyata pendapatan.

Apabila sesuatu aset tidak boleh dikutip, ia akan dihapus kira daripada akaun peruntukan yang berkaitan. Aset tersebut adalah dihapus kira selepas semua prosedur yang perlu telah sempurna dan jumlah kerugian telah ditentukan.

#### (i) Taksiran individu

Kumpulan dan Syarikat akan menilai samada wujudnya bukti rosot nilai dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang disifatkan menjadi ketara secara individu.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosot nilai telah berlaku, jumlah kerugian adalah diukur sebagai perbezaan antara jumlah pinjaman dan nilai semasa aliran tunai masa hadapan didiskaun pada kadar faedah efektif asal pinjaman. Nilai bawaan pinjaman dikurangkan melalui akaun peruntukan dan jumlah kerugian adalah dinyatakan dalam penyata pendapatan.

Semua pinjaman lain, pendahuluan dan pembiayaan yang telah ditaksir secara individu, tetapi tidak dianggap rosot nilai secara individu, dinilai secara kolektif bagi rosot nilai.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.5 Aset-aset kewangan (sambungan)

(d) Pengukuran seterusnya - rosot nilai aset kewangan (sambungan)

Aset-aset yang dibawa pada kos pelunasan (sambungan)

(ii) Taksiran kolektif

Pinjaman, pendahuluan, pembiayaan dan akaun belum terima yang tidak signifikan secara individu dan pinjaman yang telah dinilai secara individu tanpa ada sebarang bukti bagi rosot nilai adalah dikumpulkan bersama untuk tafsiran rosot nilai kolektif. Pinjaman ini dikumpulkan dalam ciri-ciri risiko kredit yang sama untuk penilaian kolektif, di mana data daripada portfolio pinjaman (seperti kualiti kredit, tahap tunggakan, penggunaan kredit, pinjaman kepada nisbah cagaran, dan lain-lain) dan penumpuan risiko (seperti prestasi kumpulan individu berlainan) adalah diambil kira.

Aliran tunai masa depan di dalam kumpulan aset kewangan yang dinilai secara kolektif untuk rosot nilai adalah dianggarkan berdasarkan pengalaman lalu kerugian Kumpulan dan Syarikat. Pengalaman kerugian diselaraskan berdasarkan data semasa yang diperhatikan bagi mencerminkan kesan keadaan semasa yang tidak memberi kesan ke atas tempoh di mana pengalaman kerugian bersejarah didasarkan dan untuk menghapuskan kesan keadaan dalam tempoh sejarah yang tidak wujud pada masa ini.

Anggaran perubahan dalam aliran tunai masa hadapan bagi kumpulan aset haruslah mencerminkan dan selaras dengan perubahan dalam data pemerhatian yang berkaitan dari semasa ke semasa. Metodologi dan andaian yang digunakan untuk menganggar aliran tunai masa hadapan disemak dengan kerap oleh Kumpulan dan Syarikat untuk mengurangkan perbezaan antara anggaran kerugian dan pengalaman kerugian sebenar.

Aset-aset yang dikelaskan sebagai aset sedia untuk jualan ("AFS")

Kumpulan dan Syarikat akan menilai pada akhir tempoh pelaporan samada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan atau Kumpulan aset kewangan yang mengalami rosot nilai.

Bagi sekuriti hutang, Kumpulan dan Syarikat menggunakan kriteria pengukuran rosot nilai kerugian terjejas yang diguna pakai untuk 'aset yang di bawa pada kos pelunasan' di atas.

Dalam sekuriti ekuiti yang dikelaskan sebagai "sedia untuk jualan", sebagai tambahan kepada kriteria bagi 'aset yang dibawa pada kos pelunasan' di atas, penurunan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama sekuriti di bawah kosnya juga dianggap sebagai petunjuk bahawa aset ini rosot nilai. Jika bukti tersebut wujud bagi aset kewangan sedia untuk dijual, kerugian terkumpul yang telah dinyatakan secara langsung dalam ekuiti dikeluarkan daripada ekuiti dan dinyatakan dalam penyata pendapatan. Jumlah kerugian terkumpul yang dikelaskan semula kepada penyata pendapatan adalah perbezaan di antara kos perolehan dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian rosot nilai ke atas aset kewangan yang sebelumnya dinyatakan dalam penyata pendapatan. Kerugian rosot nilai dinyatakan dalam penyata pendapatan ke atas instrumen ekuiti yang dikelaskan sebagai sedia untuk jualan dan bukan melalui penyata pendapatan.

(e) Penyahiktirafan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak bagi menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Kumpulan dan Syarikat telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan tersebut.

Apabila penjualan pelaburan kewangan "sedia untuk jualan" dilakukan, maka penyelarasan nilai saksama terkumpul yang dinyatakan di dalam pendapatan komprehensif yang lain akan diklasifikasikan semula kepada penyata pendapatan.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.5 Aset-aset kewangan (sambungan)

(f) Pengelasan semula aset kewangan

Kumpulan dan Syarikat boleh memilih untuk mengelaskan semula aset kewangan bukan derivatif dipegang untuk urus niaga ("HFT") daripada kategori HFT di mana:

- dalam keadaan yang jarang berlaku, ia tidak lagi dipegang untuk tujuan jualan atau membeli balik dalam tempoh terdekat; atau
- ia tidak lagi dipegang untuk tujuan perdagangan, ia telah memenuhi definisi pinjaman dan belum terima pada klasifikasi awal dan Kumpulan dan Syarikat mempunyai niat dan keupayaan untuk memegang ia untuk masa akan datang, sehingga matang pada tarikh klasifikasi semula.

Klasifikasi semula dibuat pada nilai saksama pada tarikh klasifikasi semula.

### 2.6 Rosot nilai aset-aset bukan kewangan

Aset yang mempunyai jangka hayat yang tidak jelas, sebagai contoh aset tidak ketara belum sedia untuk digunakan, tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji setiap tahun untuk rosot nilai. Aset yang tertakluk kepada pelunasan disemak untuk rosot nilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan nilai bawaan mungkin tidak boleh diperolehi semula. Kerugian rosot nilai dinyatakan jumlahnya apabila nilai bawaan aset melebihi jumlah yang boleh diperolehi semula. Jumlah yang boleh diperolehi semula adalah nilai lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos jualan dan nilai dalam penggunaan. Bagi tujuan penilaian rosot nilai, aset-aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai yang boleh dikenal pasti (unit penjanaan tunai). Aset bukan kewangan selain daripada muhibah yang mengalami rosot nilai disemak bagi kemungkinan pembalikan rosot nilai pada setiap tarikh laporan.

Kerugian rosot nilai dicaj kepada penyata pendapatan melainkan jika ia bertentangan dengan penilaian semula sebelumnya, yang mana ia dicaj kepada lebih penilaian semula. Kerugian rosot nilai atas muhibah tidak boleh dinilai semula. Berhubung dengan aset lain, sebarang peningkatan dalam jumlah yang boleh diperolehi semula dinyatakan dalam penyata pendapatan kecuali kerugian rosot nilai ke atas aset yang dinilai semula yang mana ia akan dibawa kepada lebih rizab penilaian semula.

### 2.7 Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dinilai pada kos pelunasan, kecuali liabiliti urusniaga yang telah ditetapkan pada nilai saksama, yang mana ianya dipegang pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Bagi semua liabiliti kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama melalui untung dan rugi, pada mulanya mereka dikenalpasti mengikut nilai saksama termasuk kos urusniaganya. Liabiliti kewangan yang telah dinyatakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi pada mulanya dikenalpasti mengikut nilai saksama, dan kos urusniaga akan dicajkan di dalam penyata pendapatan. Liabiliti kewangan ini akan mengalami penyahiktirafan apabila ianya dihapuskan.

(a) *Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi*

Kategori ini terdiri daripada dua sub-kategori: liabiliti kewangan dipegang untuk urus niaga ("HFT") dan liabiliti kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi pada pengiktirafan awal.

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai HFT jika ianya diperolehi atau kewujudannya berlaku dengan tujuan utama untuk penjualan atau pembelian semula dalam tempoh terdekat atau jika ianya adalah sebahagian daripada portfolio untuk instrumen kewangan yang dikenal pasti yang diuruskan bersama-sama dan terdapatnya bukti terkini corak sebenar pengambilan untung jangka pendek. Derivatif juga dikategorikan sebagai HFT melainkan ianya wujud sebagai perlindungan.

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)****2.7 Liabiliti kewangan (sambungan)***(b) Lain-lain liabiliti kewangan diukur pada kos pelunasan*

Lain-lain liabiliti kewangan pada awalnya dinyatakan pada nilai saksama termasuk kos urusniaga. Selepas itu, liabiliti kewangan yang lain diukur semula pada kos pelunasan menggunakan kadar faedah efektif.

Lain-lain liabiliti kewangan diukur pada kos pelunasan adalah 'jumlah terhutang kepada Bank Negara Malaysia', 'Dana Bank Negara Malaysia', 'Skim Jaminan Usahawan Kecil', 'Tabung Usahawan Kecil', 'Dana Kerajaan', 'saham keutamaan', 'Skim Kemudahan Pemodenan dan Bantuan PKS', 'Bantuan Kemudahan PKS', 'Dana Pembiayaan Usahawan Kecil', 'pinjaman terhutang kepada kepentingan luar kawalan', 'jumlah terhutang kepada subsidiari', 'tuntutan yang belum bayar' dan 'lain-lain pemiutang'.

*(c) Penyahiktirafan*

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila ianya telah ditebus atau padam.

**2.8 Instrumen kewangan derivatif**

Pada mulanya derivatif dinyatakan pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif dimasuki dan kemudiannya diukur semula pada nilai saksama. Nilai saksama diperolehi daripada siarharga nilai pasaran dalam pasaran aktif termasuk pasaran urusniaga yang terkini dan teknik penilaian, termasuk model aliran tunai berdiskaun dan model opsyen penetapan harga yang mana bersesuaian. Kesemua derivatif dibawa sebagai aset apabila nilai saksama adalah positif dan sebagai liabiliti apabila nilai saksama adalah negatif.

Bukti terbaik bagi nilai saksama derivatif pada pengiktirafan awal adalah harga urusniaga (iaitu nilai saksama bayaran yang diberi atau diterima) kecuali nilai saksama instrumen ini mempunyai bukti perbandingan dengan urusniaga yang boleh dilihat dari pasaran semasa yang lain di dalam instrumen yang sama (iaitu tanpa pengubahsuaian atau penukaran semula) atau berdasarkan teknik penilaian yang mana pembolehubahnya termasuk hanya data daripada pasaran yang boleh dilihat.

Kaedah mengiktirafkan nilai saksama kerugian atau keuntungan bergantung samada derivatif itu adalah instrumen perlindungan nilai atau tidak, dan jika benar, jenis derivatif yang dilindungi nilai.

**2.9 Pajakan operasi**

Pajakan operasi merupakan pajakan aset yang mana sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dikekalkan oleh pemajak. Pembayaran yang dibuat ke atas pajakan operasi dicajkan kepada penyata pendapatan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Apabila pajakan operasi dihentikan sebelum tamat tempoh pajakan, sebarang pembayaran penalti yang perlu dibuat kepada pemajak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan di mana penamatan tersebut berlaku.

**2.10 Wang tunai dan kesamaan wang tunai**

Wang tunai dan kesamaan tunai merangkumi tunai di tangan dan baki di bank, tidak termasuk simpanan tetap yang dipegang bagi tujuan pelaburan.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.11 Modal saham

#### *Saham biasa*

Saham biasa adalah dikategorikan sebagai ekuiti. Kenaikan kos secara langsung yang berkaitan dengan penerbitan saham baru dan opsyen adalah dinyatakan dalam ekuiti sebagai potongan, selepas cukai, daripada hasil terbitan.

#### *Saham keutamaan*

Saham keutamaan dikelaskan sebagai liabiliti jika ia boleh ditebus pada tarikh tertentu, atau mengikut pilihan pemegang saham keutamaan, atau jika bayaran dividen tidak ditetapkan. Dividen akan diiktiraf sebagai belanja faedah dalam penyata pendapatan.

### 2.12 Cukai pendapatan semasa dan tertunda

#### *Cukai semasa*

Caj cukai pendapatan semasa dikira berdasarkan undang-undang percukaian Malaysia yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada akhir tempoh pelaporan dan dinyatakan dalam penyata pendapatan.

Pihak Pengurusan secara berkala menilai kedudukan yang perlu diambil dalam borang cukai terhadap situasi di mana peraturan cukai yang dikenakan adalah tertakluk kepada tafsiran. Mereka membuat peruntukan yang sesuai atas dasar jumlah yang perlu dibayar kepada pihak percukaian. Liabiliti ini dikira menggunakan anggaran yang terbaik yang akan berlaku.

#### *Cukai tertunda*

Cukai tertunda dikenalpasti menggunakan kaedah liabiliti iaitu perbezaan sementara yang wujud di antara jumlah aset dan liabiliti untuk tujuan percukaian dan jumlah bawaan di dalam penyata kewangan. Walau bagaimanapun, cukai tertanggung ini tidak akan diambil kira jika ia wujud hasil daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusanniaga selain daripada kombinasi perniagaan yang mana urusanniaga pada masa itu tidak akan menjejaskan samaada perakaunan atau cukai keuntungan dan kerugian.

Cukai tertunda ditentukan dengan menggunakan kadar percukaian (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada akhir tempoh pelaporan dan dijangka akan digunakan apabila aset cukai tertunda berkaitan dikenalpasti atau liabiliti cukai tertunda ini sudah diselesaikan.

Aset cukai tertunda dinyatakan pada tahap di mana terdapat kemungkinan akan adanya keuntungan bercukai di mana perbezaan sementara yang dibenarkan atau kerugian cukai yang belum digunakan boleh ditolak daripadanya.

Aset dan liabiliti daripada cukai pendapatan tertunda dan cukai pendapatan akan diimbangkan apabila wujudnya penguatkuasaan hak yang dikuatkuasakan bagi mengimbangi aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan apabila aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda yang berkaitan dengan cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa percukaian yang sama kepada entiti yang sama boleh cukai atau entiti yang berbeza boleh cukai di mana terdapatnya hasrat untuk menyelesaikan baki bersih cukai.

Cukai tertunda diiktiraf di dalam penyata pendapatan kecuali apabila ia berlaku daripada urusanniaga yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain, di dalam kes ini, cukai tertunda juga dicajkan atau dikreditkan ke pendapatan komprehensif yang lain.



**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)****2.13 Kebajikan pekerja***Kebajikan pekerja jangka pendek*

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, bonus dan manfaat bukan kewangan adalah diakui dalam tempoh tahun kewangan yang mana perkhidmatan tersebut telah diberikan oleh kakitangan Kumpulan dan Syarikat.

*Pelan caruman wajib*

Kumpulan dan Syarikat menyumbang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja iaitu pelan caruman yang ditetapkan. Caruman Kumpulan dan Syarikat kepada pelan caruman ini dicajkan kepada penyata pendapatan tahun kewangan berkenaan. Apabila caruman telah dibayar, Kumpulan dan Syarikat tidak lagi mempunyai obligasi atas pembayaran tersebut.

**2.14 Geran kerajaan**

Manfaat dari pinjaman Kerajaan pada kadar faedah di bawah paras pasaran diambilkira sebagai pemberian Kerajaan. Pinjaman Kerajaan diiktiraf sebagai liabiliti kewangan, dan diukur mengikut MFRS 139 'Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran'. Pemberian Kerajaan diukur sebagai perbezaan di antara nilai bawaan permulaan pinjaman Kerajaan yang ditentukan mengikut MFRS 139 dan jumlah yang diterima. Pemberian Kerajaan dipersembahkan sebagai pendapatan tertanggung dalam penyata kedudukan kewangan.

Pemberian Kerajaan dikenalpasti apabila terdapat jaminan yang waras yang pemberian tersebut akan diterima, dan Kumpulan dan Syarikat akan mematuhi syarat-syarat yang dilampirkan bersama pemberian tersebut. Pemberian Kerajaan diiktiraf dalam penyata pendapatan secara teratur ke atas tempoh di mana Kumpulan dan Syarikat mengiktirafnya sebagai perbelanjaan bagi kos yang berkaitan dengan tujuan pemberian diberikan.

Kumpulan dan Syarikat telah menggunakan peruntukan transisi dalam MFRS 120 'Perakaunan bagi Pemberian Kerajaan dan Pendedahan bagi Bantuan Kerajaan' dan Pindaan bagi MFRS 1 'Adaptasi Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia' ke atas Pinjaman Kerajaan di mana peruntukan perakaunan MFRS 120 patut digunakan secara prospektif untuk pemberian yang belum terima atau kena bayar balik setelah tarikh efektif piawaian tersebut.

Pinjaman Kerajaan yang wujud pada tarikh transisi adalah 'jumlah terhutang kepada Bank Negara Malaysia' bagi Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i dan saham Danajamin Nasional Berhad yang dilanggan, 'dana Kerajaan', 'saham keutamaan', 'Kemudahan Pemodenan dan Bantuan PKS' dan 'Dana Kewangan Usahawan Kecil'. Pinjaman Kerajaan ini dinyatakan pada nilai bawaannya yang dahulu.

**2.15 Peruntukan bagi tuntutan di bawah Skim Jaminan**

Peruntukan bagi tuntutan untuk pendedahan Kumpulan dan Syarikat terhadap jaminan yang diberi berdasarkan notis daripada institusi kewangan apabila akaun dikelaskan sebagai tidak berbayar dan apabila tuntutan dibuat oleh institusi kewangan.

Peruntukan bagi tuntutan diambilkira secara langsung kepada penyata pendapatan. Pindahan lebihan atau kurangan yang melibatkan rizab khas dibuat melalui untung terkumpul.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

### 2.16 Peruntukan

Peruntukan dinyatakan oleh Kumpulan dan Syarikat apabila semua syarat berikut dipenuhi:

- (i) Kumpulan dan Syarikat mempunyai obligasi undang-undang semasa, atau obligasi konstruktif hasil daripada peristiwa yang lepas;
- (ii) terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut; dan
- (iii) anggaran jumlah obligasi boleh dibuat.

### 2.17 Pendapatan tertanggung (tidak termasuk pemberian Kerajaan)

Pendapatan tertanggung terdiri daripada yuran langganan terdahulu dan yuran daripada pakej prabayar. Pendapatan tertanggung diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan apabila perkhidmatan diberikan.

### 2.18 Liabiliti Luar Jangka

Kumpulan dan Syarikat tidak mengiktirafkan aset dan liabiliti luar jangka, tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka adalah obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa terdahulu yang mana kewujudannya akan disahkan oleh kejadian atau tidak terjadinya satu atau lebih kejadian di luar kawalan Kumpulan dan Syarikat atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana aliran keluar sumber tidak diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Liabiliti luar jangka juga timbul dalam keadaan yang luar biasa di mana terdapat liabiliti yang tidak boleh diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur dengan pasti. Walau bagaimanapun, liabiliti luar jangka tidak termasuk kontrak jaminan kewangan.

Aset luar jangka adalah aset yang mungkin timbul daripada peristiwa terdahulu yang mana kewujudannya akan disahkan oleh kejadian atau tidak terjadinya satu atau lebih kejadian akan datang di luar kawalan Kumpulan dan Syarikat. Kumpulan dan Syarikat tidak mengiktiraf aset luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya apabila pengaliran masuk faedah ekonomi berkemungkinannya wujud, tetapi tidak semestinya berlaku.

### 2.19 Pengiktirafan hasil

- (i) Yuran jaminan dikenalpasti menggunakan asas akruan sepanjang tempoh masa jaminan-jaminan yang telah diberikan.
- (ii) Pendapatan faedah/keuntungan dikenalpasti menggunakan kaedah faedah/keuntungan efektif. Apabila pinjaman dan akaun penerimaan belum terima ini merosot, Kumpulan dan Syarikat akan mengurangkan nilai bawaan kepada nilai yang boleh diperolehi, yang mana aliran tunai masa depan yang dianggarkan akan didiskaunkan pada kadar efektif asal faedah/keuntungan instrumen, dan terus didiskaunkan sebagai pendapatan faedah/keuntungan. Pendapatan faedah/keuntungan ke atas pinjaman merosot dan belum terima diiktiraf menggunakan kadar faedah efektif yang asal.
- (iii) Pendapatan faedah lain, termasuk pelunasan premium atau pemberian diskaun, diiktiraf berdasarkan pembahagian masa yang mengambilkira unjuran efektif aset tersebut.
- (iv) Pendapatan sewa diiktiraf mengikut kadar masa kecuali apabila kegagalan bayaran sewa telah berlaku dan sewa tertunggak masih belum dijelaskan, di mana pengiktirafan pendapatan sewa digantung. Selepas digantung, pendapatan sewa diiktiraf berasaskan penerimaan bayaran sehingga kesemua tunggakan habis dibayar.
- (v) Pendapatan lain diiktiraf apabila jumlah pendapatan dapat diukur dengan pasti dan berkemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan akan mengalir kepada entiti. Pendapatan subsidiari diiktiraf apabila perkhidmatan diberi dan diterima oleh pelanggan.

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)****2.20 Matawang asing**

## (a) Fungsi dan pendedahan matawang asing

Item yang dimasukkan ke dalam penyata kewangan bagi setiap Kumpulan dan entiti Syarikat diukur menggunakan mata wang utama persekitaran ekonomi di mana entiti tersebut beroperasi ("mata wang fungsian"). Penyata kewangan penyatuan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia di mana Kumpulan dan Syarikat itu beroperasi.

## (b) Urusniaga dan baki matawang asing

Urusniaga mata wang asing adalah ditukarkan kepada mata wang fungsian menggunakan kadar pertukaran semasa mengikut tarikh urusniaga atau nilai di mana barangan itu dinilai semula. Keuntungan dan kerugian daripada urusniaga-urusniaga tersebut dan daripada terjemahan kepada kadar pertukaran akhir tahun bagi aset dan liabiliti kewangan dinyatakan dalam penyata pendapatan.

Perubahan dalam nilai saksama sekuriti kewangan yang didominasi di dalam mata wang asing diklasifikasikan sebagai pelaburan kewangan AFS dianalisis antara perbezaan pertukaran yang terhasil daripada pertukaran sekuriti dalam kos pelunasan dan pertukaran yang lain dalam nilai bawaan bagi sekuriti. Perbezaan pertukaran yang berkaitan dengan perubahan dalam kos pelunasan dinyatakan di dalam penyata pendapatan, dan perubahan yang lain dalam nilai bawaan dinyatakan di dalam pendapatan komprehensif yang lain.

